



PARLIMEN MALAYSIA



DR. 13 TAHUN 2026

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN,
KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN
RANG UNDANG-UNDANG PERSAINGAN (PINDAAN) 2026
DAN RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA
PERSAINGAN (PINDAAN) 2026**

KANDUNGAN

<u>Muka Surat</u>	
• Kandungan	i
• Singkatan	ii
• Infografik	
<u>BAHAGIAN 1</u> PENGENALAN	
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1
• Pendekatan Tugas Kerja	3
<u>BAHAGIAN 2</u> LATAR BELAKANG	
• Latar Belakang	4
<u>BAHAGIAN 3</u> PEMBENTANGAN	
• Taklimat Dasar Pindaan Akta Persaingan 2010 [<i>Akta 712</i>] dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [<i>Akta 713</i>]	5
• Taklimat Rang Undang-Undang Persaingan (Pindaan) 2026 dan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Persaingan (Pindaan) 2026	9
<u>BAHAGIAN 4</u> PERBINCANGAN DAN PENELITIAN JAWATANKUASA	
• Perbincangan dan Penelitian Jawatankuasa	15
<u>BAHAGIAN 5</u> SYOR JAWATANKUASA	
• Syor Jawatankuasa	20
<u>BAHAGIAN 6</u> RUMUSAN JAWATANKUASA	
• Rumusan	23
<u>BAHAGIAN 7</u> PENGHARGAAN	
• Penghargaan	24

SINGKATAN

AGC	Jabatan Peguam Negara
BNM	Bank Negara Malaysia
CAAM	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia
DR	Dewan Rakyat
JKP	Jawatankuasa Pilihan
JKPK	Jawatankuasa Pilihan berkaitan Kementerian
KPDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KUSKOP	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
MCMC	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MITI	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
MJM	Memorandum Jemaah Menteri
MyCC	Suruhanjaya Persaingan Malaysia
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PMKS	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
RMK13	Rancangan Malaysia Ketiga Belas
RUU	Rang Undang-undang

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

I. Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Pada Selasa, 12 Ogos 2025, pindaan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat telah diluluskan oleh Majlis Dewan Rakyat di bawah Peraturan Mesyuarat 80B. Pindaan ini telah menjadikan status 10 Jawatankuasa Pilihan Khas sedia ada sebagai Jawatankuasa Pilihan Tetap yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pilihan berkaitan Kementerian. Peraturan Mesyuarat 80B memperuntukkan perkara-perkara seperti yang berikut:
 - 1.1 Hendaklah ada Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan berkaitan Kementerian yang dinamakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual yang mengandungi tidak lebih daripada dua belas orang ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih. Pengerusi dan Naib Pengerusi hendaklah dipilih dalam kalangan ahli jawatankuasa.
 - 1.2 Semasa ketiadaan Pengerusi dan Naib Pengerusi oleh sebab keuzuran atau sebab-sebab lain, Jawatankuasa hendaklah memilih mana-mana ahli untuk menjadi Pengerusi bagi mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa itu.
 - 1.3 Kecuali perkara-perkara yang diperiksa oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara di bawah Peraturan Mesyuarat 77(1), menjadi kewajipan Jawatankuasa untuk:-
 - 1.3.1 meneliti Rang Undang-undang (RUU) berkaitan dengan Kementerian yang telah dibacakan kali yang pertama;
 - 1.3.2 meneliti usul daripada ahli yang bukan ahli Kerajaan, RUU daripada ahli yang bukan ahli Kerajaan, rayuan-rayuan dan laporan, yang berkaitan dengan Kementerian;
 - 1.3.3 menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kementerian; dan
 - 1.3.4 melaksanakan apa-apa perkara lain yang diserahkan kepadanya oleh Majlis atau Menteri dari satu masa ke satu masa.
 - 1.4 Jawatankuasa Pemilih boleh dari satu masa ke satu masa meminda Jadual dan pindaan itu hendaklah dibentangkan dalam Majlis.
 - 1.5 Jawatankuasa ini berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat dan rekod-rekod, dan mengeluarkan penyata kepada Majlis dari satu masa ke satu masa.

2. Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan (JKP) Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian terdiri daripada:
- 2.1 Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin
(Ahli Parlimen Rasah merangkap Pengerusi)
 - 2.2 Yang Berhormat Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib
(Ahli Parlimen Tenggara merangkap Naib Pengerusi)
 - 2.3 Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan
(Ahli Parlimen Keningau)
 - 2.4 Yang Berhormat Tuan Edwin anak Banta
(Ahli Parlimen Selangau)
 - 2.5 Yang Berhormat Tuan Tan Kar Hing
(Ahli Parlimen Gopeng)
 - 2.6 Yang Berhormat Tuan Hassan bin Abdul Karim
(Ahli Parlimen Pasir Gudang)
 - 2.7 Yang Berhormat Dato' Rosol bin Wahid
(Ahli Parlimen Hulu Terengganu)
 - 2.8 Yang Berhormat Datuk Muslimin bin Yahaya
(Ahli Parlimen Sungai Besar)
 - 2.9 Yang Berhormat Dato' Ngeh Koo Ham
(Ahli Parlimen Beruas)
 - 2.10 Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng
(Ahli Parlimen Tanjung Piai)
 - 2.11 Yang Berhormat Tuan Roslan bin Hashim
(Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu)
 - 2.12 Yang Berhormat Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh
(Ahli Parlimen Pasir Puteh)

II. Pendekatan Tugas Kerja

3. JKP Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian telah melantik *ex-officio* daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk memberikan nasihat kepada Ahli-ahli Jawatankuasa.
4. Jawatankuasa ini telah mengadakan dua mesyuarat bagi membincangkan perkara-perkara seperti yang berikut:
 - 4.1 Mesyuarat pertama pada Selasa, 9 Jun 2026 berkenaan dasar pindaan Akta Persaingan 2010 [Akta 712] dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 713].
 - 4.2 Mesyuarat kedua pada Khamis, 25 Jun 2026 berkenaan penelitian dan perbincangan mengenai RUU Persaingan (Pindaan) 2026 dan RUU Suruhanjaya Persaingan (Pindaan) 2026.

BAHAGIAN 2

LATAR BELAKANG

1. Akta 712 dan Akta 713 merupakan dua undang-undang utama yang membentuk kerangka perundangan persaingan di Malaysia. Kedua-dua Akta ini telah diwartakan pada 10 Jun 2010 sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk mewujudkan pasaran yang lebih kompetitif, cekap dan telus, selaras dengan aspirasi negara untuk meningkatkan daya saing ekonomi dan melindungi kepentingan pengguna.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 14 Tahun 2026 telah diadakan pada Selasa, 9 Jun 2026 bagi mendengar taklimat dasar pindaan Akta 712 dan Akta 713 seperti **Lampiran A**.
3. Pada hari Rabu, 23 Jun 2026, RUU Persaingan (Pindaan) 2026 dan RUU Suruhanjaya Persaingan (Pindaan) 2026 dibacakan kali pertama oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Yang Berhormat Datuk Armizan bin Mohd Ali seperti **Lampiran B**.
4. Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 16 Tahun 2026 telah diadakan pada Khamis, 25 Jun 2026 bagi sesi taklimat mengenai RUU Persaingan (Pindaan) 2026 dan RUU Suruhanjaya Persaingan (Pindaan) 2026 seperti **Lampiran C**.

BAHAGIAN 1


PEMBENTANGAN

Ringkasan pembentangan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) kepada JKP Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian berkenaan cadangan pindaan Akta 712 dan Akta 713 adalah seperti yang berikut:

A. TAKLIMAT DASAR PINDAAN AKTA PERSAINGAN 2010 [AKTA 712] DAN AKTA SURUHANJAYA PERSAINGAN 2010 [AKTA 713] OLEH SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA


1. Akta 712 dan Akta 713 yang menguatkuasakan undang-undang persaingan di Malaysia belum pernah dipinda sejak dikuatkuasakan. Tujuan utama Akta 712 adalah untuk menggalakkan pembangunan ekonomi melalui perlindungan proses persaingan yang sihat dan meningkatkan kecekapan pasaran serta melindungi kepentingan pengguna.
2. Akta 713 pula memperuntukkan penubuhan, kuasa dan fungsi MyCC. MyCC ditubuhkan pada 1 April 2011 dan merupakan sebuah badan berkanun persekutuan di bawah KPDN yang diberi mandat untuk menguatkuasakan Akta 712 bagi melindungi dan menggalakkan proses persaingan di Malaysia.
3. Akta 712 tidak terpakai kepada perundangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta 712 memandangkan perundangan tersebut mempunyai peruntukan mengenai persaingan dan dikawal selia oleh pengawal selia sektor yang tersendiri:
 - 3.1 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;
 - 3.2 Akta Suruhanjaya Penerbangan Awam 2015; dan
 - 3.3 Akta Suruhanjaya Tenaga 2001.
4. Aktiviti hulu yang dijalankan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan Peraturan-Peraturan Petroleum 1974 dikecualikan daripada pemakaian Akta 712, manakala aktiviti hiliran pula adalah tertakluk kepada bidang kuasa MyCC.
5. Kerangka perundangan persaingan lazimnya berasaskan tiga tunjang utama seperti yang berikut:
 - 5.1 larangan terhadap perjanjian anti-persaingan atau kartel di bawah Seksyen 4;
 - 5.2 larangan terhadap penyalahgunaan kedudukan dominan atau monopoli di bawah Seksyen 10; dan
 - 5.3 rejim kawalan percantuman (*merger control regime*).

6. Pada masa ini, Malaysia hanya melaksanakan dua tunjang utama melalui Akta 712. Rejim kawalan percantuman tiada dalam perundangan semasa dan akan diperkenalkan selaras dengan pindaan Akta 712 yang akan dilaksanakan pada masa hadapan sejajar dengan inisiatif A6.2 Pengukuhan Ekosistem Perundangan Persaingan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).
7. MyCC merupakan badan separa kehakiman (*quasi-judicial*) yang mempunyai peranan utama seperti yang berikut:
 - 7.1 melaksanakan penyiasatan dan penguatkuasaan larangan amalan antipersaingan di bawah Akta 712;
 - 7.2 menjalankan kajian semula pasaran;
 - 7.3 menjalankan program advokasi;
 - 7.4 menguatkuasakan rejim kelonggaran;
 - 7.5 memberikan pengecualian kepada perusahaan;
 - 7.6 memastikan pematuhan perundangan persaingan;
 - 7.7 menjalin hubungan antarabangsa; dan
 - 7.8 memberikan nasihat polisi dan pandangan ekonomi.
8. Prosedur penyiasatan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh MyCC adalah seperti rajah yang berikut:



9. Keputusan MyCC boleh dirayu kepada Tribunal Rayuan Persaingan dan seterusnya ke Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan serta Mahkamah Persekutuan.

10. Sejak ditubuhkan pada 1 April 2011, MyCC telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara tegas terhadap lebih daripada 270 perusahaan yang didapati terlibat dalam perlakuan anti-persaingan, termasuk perjanjian atau perlakuan kartel serta penyalahgunaan kedudukan dominan. Pencapaian penguatkuasaan MyCC adalah seperti rajah di bawah:



11. MyCC telah mengeluarkan 16 keputusan akhir yang mendapati berlakunya pelanggaran larangan Akta 712 dan 11 keputusan akhir yang mendapati tiada berlakunya pelanggaran larangan Akta 712, selain 5 keputusan cadangan yang masih dalam proses dalaman MyCC yang melibatkan 142 perusahaan. MyCC juga sedang menjalankan 14 penyiasatan aktif berkaitan tipuan bida dan kartel penetapan harga, serta telah mengeluarkan Aku Janji dan Surat Amaran secara pentadbiran kepada pihak tertentu. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 2,217 aduan telah dinilai, 18 arahan menteri diterima dan 55 penyiasatan dimulakan atas inisiatif sendiri (*ex-officio*).
12. Selain penguatkuasaan, MyCC turut menyumbang 156 nasihat dasar kepada kerajaan, melaksanakan sekitar 40 analisis ekonomi dan menjalankan 468 program advokasi di seluruh Malaysia sejak tahun 2011.
13. Cadangan awal untuk memperkenalkan rejim kawalan percantuman telah dikeluarkan daripada RUU atas perubahan dasar Kerajaan.
14. Ringkasan pindaan Akta 712 adalah merangkumi peruntukan seperti yang berikut:
- 14.1 pengenalan kuasa untuk mendapatkan maklumat atau dokumen bagi tujuan kajian semula pasaran;
 - 14.2 pengenalan kuasa untuk mengeluarkan Surat Amaran (*Warning Letter*);

- 14.3 pengenalan kepada Tawaran Penyelesaian Kes (*Offer of settlement*);
 - 14.4 rayuan kepada Mahkamah Tinggi;
 - 14.5 pengenalan kepada perlindungan dan ganjaran kepada pemberi maklumat; dan
 - 14.6 peluasan skop perjanjian yang dilarang bagi memastikan pihak yang bersubahat dalam kartel tipuan bida boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan.
15. Ringkasan pindaan Akta 713 pula adalah merangkumi peruntukan seperti yang berikut:
- 15.1 peluasan skop nasihat berkaitan perkara persaingan termasuk polisi kerajaan, tatacara dan program kerajaan; dan
 - 15.2 pengenalan perwakilan fungsi dan kuasa MyCC.
16. KPDN telah mendapat kelulusan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Dasar dan pindaan Akta 712 dan Akta 713 daripada Jabatan Peguam Negara (AGC) pada bulan Mei 2026. Seterusnya, KPDN bercadang untuk membawa kedua-dua RUU ini untuk Bacaan Pertama Dewan Rakyat pada minggu pertama Mesyuarat Kedua dan seterusnya Bacaan Kedua dan Ketiga serta kelulusan oleh Dewan Rakyat pada Minggu Kedua.

B. TAKLIMAT RANG UNDANG-UNDANG PERSAINGAN (PINDAAN) 2026 DAN RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PERSAINGAN (PINDAAN) 2026 OLEH SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

RANG UNDANG-UNDANG PERSAINGAN (PINDAAN) 2026

1. RUU Persaingan (Pindaan) 2026 bertujuan menambah baik Akta 712 berdasarkan pengalaman penguatkuasaan selama 15 tahun. RUU Persaingan (Pindaan) 2026 melibatkan 34 seksyen pindaan dalam Akta 712 yang merangkumi 28 seksyen sedia ada yang ditambah baik, 5 seksyen baharu dan 1 seksyen yang dikeluarkan.
2. Terdapat 8 pindaan bersifat editorial dibuat bagi memperjelaskan peruntukan tanpa mengubah dasar Akta. Antara pindaan tersebut ialah:
 - 2.1 **Seksyen 2** - memasukkan frasa "suatu persatuan perusahaan "dalam dipinda bagi memperjelaskan takrif "perjanjian" dengan memasukkan frasa "suatu persatuan perusahaan" berdasarkan pengalaman penguatkuasaan yang menunjukkan persatuan perusahaan sering digunakan sebagai medium pembentukan kartel. Selain itu, pindaan turut memasukkan perkataan "Malaysia" dalam definisi Suruhanjaya dan Pegawai Suruhanjaya.
 - 2.2 **Seksyen 10** - memperbetulkan susunan istilah "huluan atau hiliran".
 - 2.3 **Seksyen 20** - memperjelaskan kuasa Pegawai Suruhanjaya mendapatkan akses kepada rekod semasa penyiasatan.
 - 2.4 **Seksyen 22** - memperkemaskan peruntukan berkaitan komunikasi terlindung.
3. Pindaan ini dilaksanakan bagi tujuan:
 - 3.1 menambah baik dan memperbetulkan kesilapan kecil peruntukan berkaitan;
 - 3.2 memperjelaskan lagi peruntukan semasa bagi penguatkuasaan Akta 712 yang lebih komprehensif; dan
 - 3.3 memastikan peruntukan yang ditambah baik selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.
4. Pindaan editorial yang lain adalah seperti yang berikut:
 - 4.1 **Seksyen 25** - Penggeledahan dan penyitaan dengan waran.
 - 4.2 **Seksyen 41** - Rejim kelonggaran.
 - 4.3 **Seksyen 65** - Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

4.4 Jadual Kedua.

5. Penambahbaikan peruntukan sedia ada di bawah Akta 712 adalah seperti yang berikut:

5.1 **Seksyen 3** - Pemakaian dengan pindaan:

5.1.1 memasukkan perkataan "aktiviti ekonomi" selain daripada aktiviti komersial bagi meluaskan pemakaian Akta 712;

5.1.2 Menteri perlu mendapatkan syor Suruhanjaya sebelum membuat pindaan kepada Jadual Pertama; dan

5.1.3 memperjelas skop pengecualian aktiviti berkaitan perjalanan fungsi Kerajaan.

5.2 **Seksyen 4** - memperluaskan skop jenis perjanjian yang dilarang dengan menghapuskan pengasingan antara **perjanjian mendatar** dan **perjanjian menegak**, sebaliknya memperuntukkan bahawa semua bentuk perjanjian antipersaingan boleh dikenakan tindakan. Pindaan ini turut membolehkan tindakan diambil terhadap mana-mana pihak yang bersubahat dalam sesuatu kartel tipuan bida walaupun perusahaan tersebut tidak menyertai proses tender secara langsung tetapi memperoleh manfaat daripada kartel tersebut. Pendekatan ini adalah selaras dengan amalan terbaik di Singapura dan United Kingdom.

5.3 **Seksyen 5** - memperjelaskan syarat yang perlu dipenuhi oleh sesuatu perusahaan untuk memperoleh pelepasan liabiliti yang merangkumi perkara yang berikut:

5.3.1 beban pembuktian diletakkan kepada perusahaan yang memohon pelepasan;

5.3.2 perusahaan perlu membuktikan manfaat daripada kelakuan tersebut dinikmati secara saksama oleh pengguna; dan

5.3.3 pelepasan tidak akan diberikan sekiranya kelakuan tersebut mempunyai kemungkinan untuk menghapuskan persaingan dalam pasaran.

5.4 **Seksyen 16** - pindaan berkaitan penutupan penyiasatan dengan membolehkan arahan Menteri melalui proses penilaian awal (*enquiry*) sebelum siasatan penuh dimulakan. MyCC juga diberikan kuasa untuk mengeluarkan **surat amaran** terhadap kes yang mempunyai merit tetapi memberikan impak yang kecil supaya amalan antipersaingan dapat dihentikan tanpa tindakan yang lebih berat.

- 5.5 **Seksyen 18** - pindaan berkaitan kuasa untuk menghendaki pemberian maklumat dan sebagainya.
- 5.5.1 penjelasan skop pemberian maklumat dalam bentuk fizikal dan digital. Kaedah pemberian maklumat adalah melalui pemberian maklumat, butir-butir, dokumen, salinan dokumen, keterangan lisan dan keterangan bertulis;
 - 5.5.2 MyCC boleh meminta maklumat daripada pelbagai pihak termasuk Entiti Kerajaan;
 - 5.5.3 kesalahan sekiranya tidak patuh kepada arahan pemberian maklumat oleh MyCC;
 - 5.5.4 tiada kesalahan akan dikenakan kepada Entiti Kerajaan yang tidak memberikan maklumat yang diminta oleh MyCC; dan
 - 5.5.5 kesalahan memberikan maklumat palsu.
- 5.6 **Seksyen 35** - memperluaskan skop pemakaian Langkah Interim kepada penyiasatan yang dimulakan melalui aduan yang dibuat kepada MyCC di bawah seksyen 15.
- 5.7 **Seksyen 36** - memperjelaskan proses pengeluaran keputusan cadangan yang wajib untuk dipatuhi oleh MyCC untuk setiap kesnya.
- 5.8 **Seksyen 37** - prosedur representasi lisan diperincikan bagi memastikan proses pendengaran kes yang lebih telus dan selaras dengan prinsip keadilan asasi (*natural justice*). Perusahaan diberi hak untuk mengemukakan representasi bertulis, memohon representasi lisan, diwakili peguam atau pakar ekonomi dan memohon sesi representasi lisan yang tertutup jika perlu.
- 5.9 **Seksyen 42** - pindaan untuk memperkukuh penguatkuasaan arahan atau keputusan yang telah dibuat serta Aku Janji yang telah diterima oleh MyCC. MyCC boleh membawa prosiding ke Mahkamah Tinggi bagi memastikan pematuhan terhadap arahan, keputusan serta Aku Janji. Seterusnya, Mahkamah Tinggi diberi kuasa yang lebih jelas untuk mengenakan bunga berdasarkan kadar penghakiman biasa selain daripada mengarahkan perusahaan untuk membayar penalti dan caj bayaran lewat sekiranya ada.
- 5.10 **Seksyen 43** - pindaan berkaitan kuasa untuk menerima Aku Janji seperti yang berikut:
- 5.10.1 memperjelaskan tatacara Aku Janji;
 - 5.10.2 membolehkan syarat tambahan dikenakan; dan

5.10.3 membolehkan siasatan dibuka semula jika Aku Janji dilanggar atau maklumat palsu diberikan.

6. Pindaan penambahbaikan sedia ada yang lain adalah seperti yang berikut:

- 6.1 **Seksyen 21** – Kerahsiaan;
- 6.2 **Seksyen 24** - Pemusnahan, penyembunyian, pencacatan atau pengubahan rekod dan sebagainya;
- 6.3 **Seksyen 34** - Ancaman dan tindakan balas dilarang;
- 6.4 **Seksyen 39** - Keputusan mengenai tiada pelanggaran larangan;
- 6.5 **Seksyen 40** - Dapatan pelanggaran;
- 6.6 **Seksyen 51** - Rayuan kepada Tribunal Rayuan Persaingan;
- 6.7 **Seksyen 54** - Komposisi Tribunal Rayuan Persaingan;
- 6.8 **Seksyen 58** - Keputusan Tribunal Rayuan Persaingan;
- 6.9 **Seksyen 66** - Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan; dan
- 6.10 **Jadual Pertama** - Pengecualian

7. Pengenalan peruntukan baharu di bawah Akta 712 adalah seperti yang berikut:

- 7.1 **Seksyen 11A** - Kuasa mendapatkan maklumat atau dokumen bagi tujuan kajian semula pasaran. MyCC diberi kuasa untuk:
 - 7.1.1 mendapatkan maklumat daripada perusahaan dan Entiti Kerajaan; dan
 - 7.1.2 mewujudkan kesalahan bagi gagal mematuhi notis (bagi perusahaan sahaja).
- 7.2 **Seksyen 38A** - Tawaran Penyelesaian Kes (*Offer of Settlement*). Tujuannya adalah untuk membantu MyCC dalam menyelesaikan kes-kes yang disiasat dengan cepat dan efisien. Melalui peruntukan ini, ia memperkenalkan:
 - 7.2.1 penyelesaian awal sebelum keputusan akhir;
 - 7.2.2 pengurangan penalti sehingga 40 peratus; dan
 - 7.2.3 mekanisme penyelesaian pantas bagi kes kartel dan monopoli.

- 7.3 **Seksyen 58A** - Rayuan kepada Mahkamah Tinggi dengan memperkenalkan hak rayuan terus terhadap keputusan Tribunal Rayuan Persaingan yang terhad kepada persoalan undang-undang dan penalti kewangan.
- 7.4 **Seksyen 64A** - Perlindungan Pemberi Maklumat dengan memperkenalkan perlindungan terhadap identiti pemberi maklumat dan dokumen serta maklumat yang dikemukakan.
- 7.5 **Seksyen 64B** - Ganjaran kepada pemberi maklumat yang membantu penyiasatan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PERSAINGAN
(PINDAAN) 2026

8. RUU Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Pindaan) 2026 bertujuan membuat pindaan berbangkit serta memperkuat fungsi dan kuasa Suruhanjaya. Terdapat 10 seksyen pindaan dalam Akta 713 yang merangkumi 9 seksyen sedia ada bersifat editorial dan 1 seksyen baharu.
9. MyCC memaklumkan bahawa 9 pindaan bersifat editorial dibuat bagi memperjelaskan peruntukan tanpa mengubah dasar Akta. Antara pindaan tersebut ialah:
 - 9.1 **Seksyen 1** - Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa. Akta ini boleh dinamakan sebagai Akta Suruhanjaya Persaingan Malaysia 2010.
 - 9.2 **Seksyen 2** - Tafsiran Kumpulan Wang merujuk kepada Kumpulan Wang Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 27.
 - 9.3 **Seksyen 3** - Penukaran nama rasmi Suruhanjaya Persaingan kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia.
 - 9.4 **Seksyen 4** - Penukaran nama rasmi Suruhanjaya Persaingan di Menterai Perbadanan daripada Suruhanjaya Persaingan kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia.
 - 9.5 **Seksyen 16** - Fungsi Suruhanjaya. Peluasan fungsi MyCC untuk memberi nasihat kepada Kerajaan mengenai dasar kerajaan, tatacara kerajaan dan program kerajaan.
 - 9.6 **Seksyen 17** - Kuasa Suruhanjaya. Punca kuasa baru MyCC untuk mengenakan caj bayaran lewat berkenaan penalti kewangan serta mengenakan fi, caj pentadbiran atau caj-caj lain bagi pelaksanaan fungsi atau kuasa MyCC.
 - 9.7 **Seksyen 27** - Penukaran nama rasmi Kumpulan Wang Suruhanjaya Persaingan kepada Kumpulan Wang Suruhanjaya Persaingan Malaysia.
 - 9.8 **Seksyen 38** - Pelantikan dan kuasa pegawai Suruhanjaya. Pindaan dibuat bagi memperkemaskan tatacara pelantikan pegawai Suruhanjaya yang menyiasat kes pelanggaran larangan yang diperuntukkan oleh Akta 712.
 - 9.9 **Seksyen 43** - Obligasi kerahsiaan. Peluasan obligasi kerahsiaan kepada semua perkara yang dilakukan oleh MyCC di bawah Akta 712 dan Akta 713.

10. Pindaan editorial dan berbangkit disebabkan perubahan nama Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 kepada Akta Suruhanjaya Persaingan Malaysia 2010. Pindaan ini adalah sejajar dengan pendekatan agensi penguat kuasa dan akta-akta lain yang menggunakan nama Malaysia sebagai sebahagian daripada nama rasmi agensi serta akta tersebut.
11. Pengenalan 1 peruntukan baharu di bawah Akta 713 iaitu Seksyen 17A mengenai pengenalan perwakilan fungsi dan kuasa Suruhanjaya bagi memastikan pelaksanaan yang lebih efektif dan efisien. Pihak yang boleh diwakilkan kuasa dan fungsi adalah seperti yang berikut:
 - 11.1 Pengerusi MyCC;
 - 11.2 Mana-mana Jawatankuasa;
 - 11.3 Pegawai Suruhanjaya; dan
 - 11.4 Pekerja Suruhanjaya termasuklah Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya.

BAHAGIAN 4

PERBINCANGAN DAN PENELITIAN JAWATANKUASA

Perbincangan Jawatankuasa bersama Suruhanjaya Persaingan Malaysia berkenaan Dasar bagi RUU Persaingan (Pindaan) 2026 dan RUU Suruhanjaya Persaingan (Pindaan) 2026 adalah seperti yang berikut:

A. DASAR PINDAAN AKTA PERSAINGAN 2010 [AKTA 712] DAN AKTA SURUHANJAYA PERSAINGAN 2010 [AKTA 713]

Berdasarkan sesi libat urus yang dijalankan, **Jawatankuasa mengambil maklum isu-isu** yang dibangkitkan seperti yang berikut:

1. Tindakan penguatkuasaan am tidak tertakluk kepada nilai ambang tertentu kerana kriteria tersebut hanya terpakai bagi rejim kawalan percantuman. Tindakan akan diambil sekiranya sesuatu perlakuan anti-persaingan oleh perusahaan mempunyai kesan signifikan yang mengganggu pasaran.
2. Penilaian impak signifikan adalah berdasarkan skala gangguan pasaran. Pakatan harga berskala kecil lazimnya tidak diambil tindakan, manakala gangguan yang melibatkan skala negeri, daerah, kes monopoli yang ketara atau tender Kerajaan bernilai tinggi akan dikenakan tindakan penguatkuasaan.
3. Isu kawalan percantuman (*merger control*) telah dikeluarkan daripada cadangan pindaan ini. Prinsip asas Akta 712 tidak melarang sesebuah syarikat menjadi besar atau dominan dalam pasaran melalui transaksi percantuman, tetapi melarang penyalahgunaan kedudukan dominan yang boleh menjejaskan persaingan dalam pasaran.
4. Setakat 9 Jun 2026, MyCC telah menyelesaikan 16 kes yang didapati melanggar Seksyen 40 dan melibatkan penalti kewangan sebanyak RM687.9 juta. Sebahagian besar daripada jumlah keseluruhan penalti tersebut adalah disumbangkan oleh kes kartel industri makanan ayam.
5. Isu anti lambakan (*anti-dumping*) berada di bawah bidang kuasa Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), manakala penguatkuasaan undang-undang persaingan dilaksanakan melalui kerangka Akta Persaingan dengan sokongan kajian semula pasaran bagi mengenal pasti isu persaingan.
6. MyCC telah menjalankan Kajian Semula Pasaran bagi sektor ekonomi digital yang meliputi sistem operasi mudah alih, sistem pembayaran, e-dagang, pengiklanan digital, agensi pelancongan dalam talian, perlindungan dan privasi data. Beberapa syarikat digital turut mengambil langkah penambahbaikan susulan saranan yang dikemukakan melalui kajian tersebut.

7. Isu mafia korporat tidak termasuk dalam skop penguatkuasaan undang-undang persaingan kerana fokusnya adalah terhadap perlakuan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan oleh perusahaan yang menjalankan aktiviti komersial dalam pasaran.
8. Skop pengecualian di bawah kawal selia sektoral adalah terhad kepada entiti yang dikawal selia di bawah undang-undang sektoral yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta 712.
9. Penggabungan bank merupakan proses dua atau lebih institusi perbankan bergabung menjadi satu entiti bagi meningkatkan kecekapan operasi, mengukuhkan kedudukan kewangan dan memperluaskan rangkaian perkhidmatan, serta diselia oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 [Akta 701].
10. Industri penerbangan dikecualikan daripada pemakaian Akta 712 dan dikawal selia di bawah Akta Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2017 [Akta 788] yang mempunyai peruntukan persaingan tersendiri.

B. RUU PERSAINGAN (PINDAAN) 2026 DAN RUU SURUHANJAYA PERSAINGAN (PINDAAN) 2026

Berdasarkan sesi penerangan serta penelitian yang dijalankan, Jawatankuasa telah mengambil maklum serta meneliti pelbagai isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa. Antara isu utama yang dibincangkan adalah seperti yang berikut:

1. Cadangan pindaan melibatkan peluasan takrifan perusahaan di bawah seksyen 2 yang turut meliputi mana-mana orang yang menjalankan aktiviti komersial atau aktiviti ekonomi. Pindaan ini dibuat adalah bertujuan untuk memastikan semua perusahaan termasuk persatuan perusahaan yang menjalankan aktiviti komersial atau ekonomi adalah tertakluk kepada Akta Persaingan 2010. Berdasarkan pengalaman MyCC, adalah perkara biasa bagi persatuan perusahaan untuk disalah gunakan oleh perusahaan sebagai platform atau medium untuk berkartel.
2. Aktiviti kebiasaan persatuan perusahaan seperti Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Jawatankuasa, Majlis Makan Malam atau Majlis Kutipan Dana mahupun program kebajikan yang dijalankan adalah bukan bersifat aktiviti ekonomi atau komersial. Justeru, aktiviti tersebut masih lagi boleh dijalankan seperti sedia kala. MyCC hanya akan mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya persatuan perusahaan tersebut terlibat dengan kartel. Misalnya, dalam majlis makan malam yang dianjurkan oleh persatuan perusahaan, telah diumumkan bahawa persatuan tersebut dan ahli-ahlinya bersetuju untuk berkartel bagi menaikkan harga barangan atau perkhidmatan.
3. Penganjuran majlis makan malam oleh persatuan tersebut tidak melanggar Akta Persaingan 2010. Tetapi, penetapan harga barangan yang dilakukan semasa majlis makan malam tersebut telah melanggar larangan perjanjian antipersaingan di bawah seksyen Akta 712 dan perkara ini boleh disiasat oleh MyCC. Walau bagaimanapun, pindaan tersebut tidak akan terpakai kepada pertubuhan-pertubuhan berdaftar yang tidak menjalankan aktiviti komersial atau ekonomi dalam pasaran seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), parti politik dan seumpamanya.
4. Persatuan perusahaan boleh menjalankan peranan menyelaras aktiviti industri selagi tidak digunakan sebagai medium untuk menyelaraskan harga, syarat perdagangan atau perlakuan lain yang menjejaskan proses persaingan. Penguatkuasaan Akta tidak menjejaskan kebebasan perusahaan untuk berpersatuan, tetapi melarang penggunaan persatuan sebagai pemudah cara perlakuan kartel atau anti-persaingan.
5. Secara umumnya, perjanjian antipersaingan boleh berlaku melalui pelbagai bentuk sama ada dalam bentuk mendatar (*horizontal*) atau secara menegak (*vertical*), malah perjanjian boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk termasuk penggunaan persatuan perusahaan, forum industri, seminar, aplikasi

komunikasi, undian tidak rasmi dan medium komunikasi lain bagi mencapai persefahaman antara perusahaan. Melalui pindaan yang dilaksanakan, liabiliti boleh dikenakan terhadap persatuan perusahaan serta ahli atau perusahaan yang terlibat, manakala kewujudan perjanjian boleh dibuktikan melalui komunikasi elektronik, perlakuan atau bukti lain tanpa memerlukan dokumen bertulis.

6. Cadangan pindaan memperuntukkan bahawa perjanjian anti-persaingan tidak lagi membezakan secara khusus antara perjanjian mendatar atau perjanjian menegak. Perkara ini seterusnya akan membolehkan mana-mana pihak yang bersubahat tetapi tidak mempunyai hubungan mendatar atau menegak dengan perusahaan yang berkartel untuk dikenakan tindakan penguatkuasaan bagi pelanggaran larangan seksyen 4 Akta 712.
7. Cadangan pindaan ini juga adalah berdasarkan pengalaman penguatkuasaan serta amalan terbaik di beberapa negara, termasuk Singapura dan United Kingdom, bagi memastikan semua bentuk perjanjian antipersaingan dapat ditangani dengan lebih berkesan. Seterusnya, penetapan harga runcit yang disyorkan oleh pengilang atau pemborong adalah dibenarkan selagi peruncit mempunyai kebebasan untuk menentukan harga jualan, manakala penetapan harga secara mandatori di sepanjang rantai bekalan merupakan perlakuan anti-persaingan.
8. Peruntukan berkaitan penyalahgunaan kedudukan dominan bertujuan melindungi proses persaingan serta memastikan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dapat bersaing secara sihat. Akta Persaingan 2010 tidak melarang perusahaan menjadi dominan, tetapi melarang penyalahgunaan kedudukan dominan, termasuk amalan strategi penentuan harga pemangsa (*predatory pricing*) yang boleh menjejaskan persaingan dalam pasaran dan kepentingan PMKS.
9. Cadangan pengenalan kuasa pengeluaran surat amaran terhadap pelanggaran yang berimpak kecil akan memberikan asas perundangan yang jelas dan kukuh kepada amalan pentadbiran sedia ada MyCC serta memastikan pemantauan terhadap perundangan persaingan oleh perusahaan.
10. Asas penentuan pelanggaran yang mempunyai impak kecil bagi tujuan pengeluaran surat amaran akan diperincikan melalui garis panduan bagi memastikan pelaksanaannya dibuat secara konsisten.
11. Program Jualan Rahmah MADANI dan inisiatif seumpamanya tidak melanggar Akta Persaingan 2010 kerana merupakan inisiatif Kerajaan dan harga masih ditentukan secara berasingan oleh setiap peruncit.

12. Cadangan pindaan terhadap seksyen 35 akan membolehkan MyCC untuk mengambil langkah interim semasa penyiasatan sedang berjalan terhadap kes yang berpunca daripada aduan di bawah seksyen 15 Akta 712, di samping kes yang dimulakan oleh Suruhanjaya atau arahan Menteri di bawah seksyen 14, tanpa menjejaskan hak pihak yang terjejas untuk mencabar langkah interim tersebut melalui proses kehakiman.
13. Saranan memperkenalkan keputusan cadangan tambahan membolehkan keputusan cadangan tersebut dikeluarkan sekiranya terdapat fakta atau bukti baharu sebelum keputusan muktamad dibuat bagi memastikan semua fakta yang relevan dapat dipertimbangkan sebelum keputusan akhir dibuat.
14. Pelantikan panel pendengaran bagi mengendalikan representasi lisan yang dibuat oleh perusahaan merupakan pindaan yang dibuat berdasarkan peruntukan perwakilan kuasa Suruhanjaya di bawah Akta 713 dan diperincikan lagi melalui pindaan khusus yang dibuat terhadap seksyen 36 dan 37 Akta 712.
15. Perusahaan boleh diwakili oleh peguam atau pakar ekonomi semasa prosiding dalaman MyCC dan kemudahan tersebut dikekalkan dan telah ditambah baik melalui pindaan yang dicadangkan terhadap seksyen 37 Akta 712.
16. Pindaan khusus juga telah dilaksanakan bagi memperkukuh kuasa Suruhanjaya berkaitan penerimaan Aku Janji di bawah seksyen 43 Akta 712. Melalui pindaan yang telah dilaksanakan, MyCC boleh mengenakan syarat tambahan bagi Aku Janji termasuk denda. MyCC juga boleh membuka semula penyiasatan yang telah ditutup kerana penerimaan Aku Janji sekiranya perusahaan tidak mematuhi mana-mana syarat Aku Janji yang telah diterima atau memberikan apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen yang palsu atau mengelirukan.
17. Cadangan penambahbaikan kuasa penguatkuasaan turut memperjelaskan mekanisme membawa prosiding ke Mahkamah Tinggi, termasuk pembawaan kes rayuan terhadap keputusan Tribunal Rayuan Persaingan ke Mahkamah Tinggi, pengenaan faedah ke atas penalti yang lewat dibayar serta tindakan lanjut terhadap ketidakpatuhan kepada perintah mahkamah
18. Cadangan pindaan turut memberikan punca kuasa kepada MyCC untuk memberikan perlindungan dan ganjaran kepada pemberi maklumat bagi membantu MyCC dalam menjalankan aktiviti penyiasatan dan penguatkuasaannya.

BAHAGIAN 5

SYOR JAWATANKUASA

Setelah mengkaji dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan dalam mesyuarat-mesyuarat yang telah dijalankan, Jawatankuasa telah bersetuju mengemukakan syor-syor seperti yang berikut:

1. Jawatankuasa mengesyorkan supaya **KPDN** mendapatkan **pengesahan lanjut daripada AGC** berhubung kesesuaian peruntukan yang melibatkan pemakaian terhadap persatuan perusahaan bagi mengelakkan sebarang pertikaian perundangan berkaitan **isu *ultra vires*** semasa penguatkuasaan Akta.
2. Jawatankuasa mengesyorkan supaya **KPDN dan MyCC** menyediakan **garis panduan yang jelas** bagi membezakan **penyelarasan aktiviti industri yang dibenarkan dengan perlakuan kartel yang dilarang**, supaya kebebasan perusahaan untuk berpersatuan tidak terjejas dan tidak menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pemain industri.
3. Jawatankuasa mengesyorkan agar **KPDN dan MyCC** memastikan **pelaksanaan Akta terus melindungi PMKS** daripada **penyalahgunaan kedudukan dominan**, termasuk amalan strategi penentuan harga pemangsa (*predatory pricing*), di samping tidak menjejaskan daya saing perusahaan yang menjalankan aktiviti perniagaan secara sah.
4. Jawatankuasa mengesyorkan supaya **KPDN dan MyCC** **mempergiatkan program advokasi kepada persatuan perusahaan, dewan perniagaan dan pemain industri** bagi meningkatkan kefahaman mengenai larangan perlakuan kartel, termasuk melalui forum industri, aplikasi komunikasi dan platform lain yang boleh digunakan untuk mencapai persefahaman anti-persaingan.
5. Jawatankuasa mengesyorkan supaya **KPDN dan MyCC** menyediakan **garis panduan yang komprehensif** berhubung pelaksanaan pindaan Akta, termasuk tafsiran aktiviti ekonomi, penentuan pelanggaran berimpak kecil, penggunaan surat amaran, langkah interim, mekanisme tawaran penyelesaian kes (*offer of settlement*) dan perlindungan pemberi maklumat.
6. Jawatankuasa mengesyorkan supaya **MyCC** meneruskan **kajian semula pasaran secara berkala**, khususnya dalam sektor ekonomi digital dan sektor yang berisiko tinggi terhadap perlakuan anti-persaingan serta mengambil tindakan susulan terhadap syor yang dikemukakan melalui kajian tersebut.

7. Jawatankuasa mengesyorkan supaya **KPDN memperkukuh penyelarasan dengan kementerian dan pengawal selia sektoral** termasuk MITI, BNM, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Suruhanjaya Tenaga dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi mengelakkan pertindihan bidang kuasa serta memastikan penguatkuasaan undang-undang persaingan dilaksanakan secara adil dan berkesan.

BAHAGIAN 6

RUMUSAN JAWATANKUASA

Jawatankuasa berpandangan bahawa RUU Persaingan (Pindaan) 2026 dan RUU Suruhanjaya Persaingan (Pindaan) 2026 akan membawa impak signifikan terhadap kerangka undang-undang persaingan negara. Pindaan yang dicadangkan dilihat mampu memperkukuh kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), di samping menambah baik kejelasan peruntukan undang-undang bagi menangani pelbagai bentuk perlakuan anti-persaingan yang semakin kompleks selaras dengan perkembangan model perniagaan dan ekonomi digital.

Jawatankuasa turut berpandangan bahawa pelaksanaan pindaan ini hendaklah disokong dengan garis panduan yang jelas, program advokasi yang berterusan serta penyelarasan yang berkesan. Langkah ini penting bagi memastikan pelaksanaan Akta dapat dilaksanakan secara konsisten, mengelakkan pertindihan bidang kuasa, melindungi kepentingan pengguna dan PMKS serta mengekalkan iklim persaingan yang adil dan sihat.

Jawatankuasa juga berharap pindaan tersebut dapat meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang persaingan, memperkukuh keyakinan pelabur dan pemain industri serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara yang lebih berdaya saing, mampan dan inklusif.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa bersetuju mengesyorkan agar RUU Persaingan (Pindaan) 2026 dan RUU Suruhanjaya Persaingan (Pindaan) 2026 ini diluluskan di Dewan Rakyat.

BAHAGIAN 7

PENGHARGAAN

1. Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat yang telah memberikan kerjasama dengan mengemukakan pandangan serta cadangan yang berkaitan mengenai RUU Persaingan (Pindaan) 2026 dan RUU Suruhanjaya Persaingan (Pindaan) 2026.
2. Sekalung penghargaan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian dan juga kepada Kementerian dan Suruhanjaya seperti yang berikut:
 - i. Parlimen Malaysia;
 - ii. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup; dan
 - iii. Suruhanjaya Persaingan Malaysia

atas sumbangan yang diberikan untuk memastikan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini dilaksanakan berlandaskan kepada terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya.

LAMPIRAN PENYATA

**JAWATANKUASA PILIHAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**

**RANG UNDANG-UNDANG PERSAINGAN (PINDAAN) 2026
DAN
RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PERSAINGAN (PINDAAN) 2026**

NO	LAMPIRAN	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAMPIRAN A	Taklimat mengenai Dasar Pindaan Akta Persaingan 2010 [Akta 712] dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 713]	1
2	LAMPIRAN B	D.R. 12/2026 – Rang Undang-Undang Suruhanjaya Persaingan (Pindaan) 2026 dan D.R. 11/2026 – Rang Undang-Undang Persaingan (Pindaan) 2026	9
3	LAMPIRAN C	Taklimat mengenai RUU Persaingan (Pindaan) 2026 dan RUU Suruhanjaya Persaingan	54
4	LAMPIRAN D	Rangkuman Gambar Sepanjang Mesyuarat JKP Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian Bil. 14 dan Bil. 16 Tahun 2026	69



TAKLIMAT BAGI DASAR PINDAAN AKTA PERSAINGAN 2010 (AKTA 712) DAN AKTA SURUHANJAYA PERSAINGAN 2010 (AKTA 713)


9 JUN 2026

► Presented By:
Datuk Haji Iskandar Bin Ismail
Ketua Pegawai Suruhanjaya Persaingan Eksekutif
Malaysia (MyCC)

► Presented to:
Jawatankuasa Pilihan Khas
Perdagangan Dalam Negeri,
Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian



1. PENGENALAN MyCC



Akta Persaingan 2010 [Akta 712]

Suatu Akta untuk menggalakkan **pembangunan ekonomi** dengan menggalakkan dan melindungi **proses persaingan** dan dengan demikian itu **melindungi kepentingan pengguna**.

Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 713]

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi **penubuhan Suruhanjaya Persaingan** serta **kuasa dan fungsi** Suruhanjaya.

Akta Persaingan 2010 (Akta 712) & Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713) diwartakan pada **10 Jun 2010**



Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada **1 April 2011**



Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 bermula **1 Januari 2012**



Seksyen 3(1) dan (2)

Aktiviti komersial di dalam & luar Malaysia yang mempunyai kesan terhadap persaingan dalam **apa-apa pasaran di Malaysia**



Akta Komunikasi dan Multimedia 1998



Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan Peraturan – Peraturan Petroleum 1974 (Pindaan pada Perintah Jadual Pertama 30 Disember 2013)



Akta Suruhanjaya Penerbangan Awam 2015 (Pindaan pada Perintah Jadual Pertama 29 Februari 2016)



Akta Suruhanjaya Tenaga 2001

Seksyen 3(3) & Jadual Pertama

Kesemua pengawal selia sektor juga mempunyai perundangan persaingan sendiri **kecuali PETRONAS**

AMALAN ANTI-PERSAINGAN

Suruhanjaya boleh mengenakan **PENALTI KEWANGAN SEHINGGA 10% DARIPADA JUMLAH PUSING GANTI DI SELURUH DUNIA** apabila terdapat pelanggaran di bawah Akta Persaingan 2010.

PERJANJIAN ANTI-PERSAINGAN/ KARTEL (Seksyen 4)

PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN/MONOPOLI (Seksyen 10)

REJIM KAWALAN PERCANTUMAN (M&A)*

*Tiada dalam perundangan semasa dan akan diperkenalkan selaras pindaan Akta yang akan dilaksanakan sejajar dengan inisiatif A6.2 Penguatkuhan Ekosistem Perundangan Persaingan di bawah RMK-13

5

BADAN SEPARA KEHAKIMAN (QUASI-JUDICIAL)

Penguatkuasaan Pihak Berkuasa Lain

PDRM / SPRM
• Menjalankan Siasatan

PEGUAM NEGARA
• Mendakwa di Mahkamah

MAJISTRET / HAKIM
• Keputusan & Hukuman

Penguatkuasaan MyCC

SURUHANJAYA
• Menjalankan Siasatan

SURUHANJAYA
• Membuat Keputusan

SURUHANJAYA
• Penalti & Kuatkuasakan

PERANAN UTAMA MyCC



Penyasatan & Penguatkuasaan



Kajian Semula Pasaran



Advokasi



Rejim Kelonggaran



Pengecualian



Pematuhan




Hubungan Antarabangsa



Nasihat Polisi & Pandangan Ekonomi


6

PROSEDUR PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH AKTA 712



7

PENCAPAIAN PENGUATKUASAAN MyCC



8

156

**NASIHAT
DASAR**

40

**ANALISIS
EKONOMI**

468

ADVOKASI

9



UNDANG-UNDANG
MALAYSIA

SEKUTUP TUNJUK TUNJUK
CETAKAN SUDUT KANAN ATAS KIN

Akta 712

AKTA PERSAINGAN 2010

Sebagaimana pada 1 Februari 2011



UNDANG-UNDANG
MALAYSIA

Akta 713

AKTA SURUHANJAYA PERSAINGAN 2010

1 AKTA PERSAINGAN 2010 (AKTA 712)

A Pindaan peruntukan sedia ada berkaitan kuasa penyasatan serta penguatkuasaan

B *Pengenalan Rejim Kawalan Percantuman (*merger control regime*)

*Nota: telah dikeluarkan dalam pindaan semasa dan akan diselaraskan di bawah strategi A6.2 melalui RMK-13

2 AKTA SURUHANJAYA PERSAINGAN (AKTA 713)

Pindaan peruntukan sedia ada berkaitan fungsi dan operasi MyCC untuk menguatkuasakan Akta 712

Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan
Perdagangan Dalam Negeri,
Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan
Pertanian (10 Disember 2024)




10

2. SOROTAN PINDAAN PERUNTUKAN SEDIA ADA YANG UTAMA DI BAWAH AKTA 712 DAN AKTA 713

11

RINGKASAN PINDAAN AKTA 712

Pindaan Peruntukan Akta 712



1

Pengenalan Kuasa untuk
Mendapatkan Maklumat atau
Dokumen bagi Tujuan Kajian
Semula Pasaran

2

Pengenalan Kuasa untuk
mengeluarkan Surat Amaran
(Warning Letter)

3

Pengenalan kepada Tawaran
Penyelesaian Kes (*Offer of
settlement*)

4

Rayuan kepada Mahkamah
Tinggi

5

Pengenalan kepada Perlindungan
dan Ganjaran kepada Pemberi
Maklumat


6

Peluasan Skop Perjanjian yang
dilarang bagi memastikan pihak
bersubahat boleh dikenakan
tindakan penguatkuasaan

12

RINGKASAN PINDAAN AKTA 713

Pindaan Peruntukan Akta 713



1
Peluasan Skop Nasihat Berkaitan Perkara Persaingan termasuk polisi Kerajaan, Tatacara dan Program Kerajaan

2
Pengenalan Perwakilan Fungsi dan Kuasa Suruhanjaya

13

ARAH KE HADAPAN & HALA TUJU PINDAAN AKTA



14

TERIMA KASIH

Malaysia Competition Commission
Level 15, Menara CIM @Sentral, 7 Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur, Malaysia.

 +603 2273 2277
 +603 2272 2293
 www.mycc.gov.my

**PROMOTING
COMPETITION,
PROTECTING YOU**



D.R. 12/2026

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Persaingan 2010.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Persaingan (Pindaan) 2026.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Persaingan 2010 [*Akta 712*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “dokumen” takrif yang berikut:

‘ “Entiti Kerajaan” ertinya—

(a) Kerajaan Persekutuan, atau mana-mana Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun; atau

- (b) mana-mana kementerian, jabatan, pejabat, agensi, pihak berkuasa, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga, majlis atau badan lain, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, bagi Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri, sama ada ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya;’;
- (b) dalam takrif “pegawai Suruhanjaya”, dengan menggantikan perkataan “Akta Suruhanjaya Persaingan 2010” dengan perkataan “Akta Suruhanjaya Persaingan Malaysia 2010”;
- (c) dalam takrif “Pengerusi”, dengan menggantikan perkataan “Akta Suruhanjaya Persaingan 2010” dengan perkataan “Akta Suruhanjaya Persaingan Malaysia 2010”;
- (d) dalam takrif “perjanjian”, dengan menggantikan perkataan “persatuan” dengan perkataan “persatuan perusahaan”;
- (e) dengan memotong takrif “perjanjian mendatar”;
- (f) dengan memotong takrif “perjanjian menegak”;
- (g) dalam takrif “perusahaan”—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “apa-apa entiti” dengan perkataan “mana-mana orang”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “aktiviti komersial” dengan perkataan “apa-apa aktiviti komersial atau ekonomi”;
- (h) dengan memasukkan selepas takrif “perusahaan” takrif yang berikut:

“ ‘premis’ ertinya mana-mana premis, yang tidak bergerak atau selainnya, yang ditubuhkan atau didirikan oleh mana-mana orang, sama ada premis itu ada atau tiada kepungan, dan termasuklah kenderaan, pesawat udara, kapal, kereta api dan apa-apa cara pengangkutan lain yang melaluinya orang atau barangan dibawa;’; dan

- (i) dengan menggantikan takrif “Suruhanjaya” dengan takrif yang berikut:

‘ “Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan Malaysia 2010;’.

Penggantian seksyen 3

3. Akta ini dipinda dengan menggantikan seksyen 3 dengan seksyen yang berikut:

“Pemakaian

3. (1) Tertakluk kepada Jadual Pertama, Akta ini terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial atau ekonomi.

(2) Akta ini hendaklah berkuat kuasa kedua-duanya di dalam dan di luar Malaysia dan berhubung dengan pemakaian Akta ini di luar Malaysia, Akta ini terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial atau ekonomi yang dijalankan di luar Malaysia yang mempunyai kesan terhadap persaingan dalam apa-apa pasaran di Malaysia.

(3) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Pertama.

(4) Bagi maksud Akta ini, “aktiviti komersial atau ekonomi” ertinya apa-apa aktiviti yang bersifat komersial atau ekonomi tetapi tidak termasuk—

- (a) apa-apa aktiviti yang dijalankan dalam penjalanan kuasa kerajaan;
- (b) apa-apa aktiviti yang dijalankan berasaskan prinsip perpaduan; dan
- (c) apa-apa pembelian barangan atau perkhidmatan yang bukan bagi maksud untuk menawarkan barangan atau perkhidmatan sebagai sebahagian daripada suatu aktiviti komersial atau ekonomi.”.

Pindaan seksyen 4**4. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**mendatar dan menegak**”;
- (b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Suatu perjanjian mendatar atau menegak” dengan perkataan “Apa-apa perjanjian”; dan
- (c) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “suatu perjanjian mendatar” dengan perkataan “suatu perjanjian”; dan
 - (ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memotong perkataan “atau kesan”.

Pindaan seksyen 5**5. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan perkataan “berasaskan sebab-sebab yang berikut:” dengan perkataan “jika perusahaan itu membuktikan kepada Suruhanjaya bahawa—”;
- (b) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “perjanjian itu” perkataan “yang membenarkan pengguna mendapat bahagian yang saksama daripada faedah yang terhasil”; dan
- (c) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “untuk menghapuskan” dengan perkataan “kemungkinan untuk menghapuskan”.

Pindaan seksyen 10**6. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subperenggan (2)(d)(iii), dengan menggantikan perkataan “hiliran atau huluan” dengan perkataan “huluan atau hiliran”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Mana-mana perusahaan yang terlibat dalam apa-apa perlakuan yang dilarang di bawah seksyen ini adalah bertanggungjawab bagi pelanggaran larangan itu.”.

Seksyen baharu 11A

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 11 seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk menghendaki pemberian maklumat dsb., berhubung dengan kajian semula pasaran

11A. (1) Bagi maksud menjalankan kajian semula pasaran di bawah seksyen 11, jika Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang mempunyai apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen yang berkaitan dengan penjalanan kajian semula pasaran itu, Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis, mengarahkan orang itu untuk memberikan atau mengemukakan kepada Suruhanjaya, dalam bentuk dan mengikut cara dan dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu, maklumat, butir-butir atau dokumen itu.

(2) Jika orang yang diarahkan untuk memberikan atau mengemukakan maklumat, butir-butir atau dokumen di bawah subseksyen (1) tidak mempunyai pengetahuan mengenai maklumat, butir-butir atau dokumen itu atau maklumat, butir-butir atau dokumen itu tiada dalam jajaannya, orang itu hendaklah menyatakan, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, di mana maklumat, butir-butir atau dokumen itu boleh diperolehi atau dijumpai dan mengenal pasti sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, orang terakhir yang mempunyai jajaan terhadap maklumat, butir-butir atau dokumen itu dan di mana orang terakhir yang disebut itu boleh dijumpai.

(3) Mana-mana orang yang diarahkan untuk memberikan atau mengemukakan apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen di bawah subseksyen (1) hendaklah memastikan bahawa maklumat, butir-butir atau dokumen yang diberikan atau dikemukakan itu adalah benar, tepat dan lengkap dan hendaklah memberikan

representasi yang nyata yang bermaksud sedemikian, termasuk suatu perisytiharan bahawa dia tidak menyedari mengenai apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen lain yang akan menjadikan maklumat, butir-butir atau dokumen yang diberikan atau dikemukakan itu tidak benar atau mengelirukan.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan.

(6) Jika Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana Entiti Kerajaan mempunyai apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen yang berkaitan dengan penjalanan kajian semula pasaran di bawah seksyen 11, Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis, meminta Entiti Kerajaan itu untuk memberikan atau mengemukakan kepada Suruhanjaya maklumat, butir-butir atau dokumen itu dalam bentuk dan mengikut cara dan dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(7) Entiti Kerajaan yang diminta untuk memberikan atau mengemukakan apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen di bawah subseksyen (6) hendaklah mematuhi permintaan Suruhanjaya itu.”.

Penggantian seksyen 16

8. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 16 dengan seksyen yang berikut:

“Penutupan penyiasatan

16. (1) Suruhanjaya boleh, sebelum menjalankan apa-apa penyiasatan berhubung dengan apa-apa pelanggaran larangan di bawah Bahagian ini, membuat siasatan sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi maksud memutuskan sama ada Suruhanjaya patut menyiasat pelanggaran larangan itu.

(2) Bagi maksud subseksyen 14(2) dan 15(1), jika Suruhanjaya, apabila selesai siasatan di bawah subseksyen (1), memutuskan untuk tidak menyiasat pelanggaran larangan itu, Suruhanjaya hendaklah dengan seberapa segera yang praktik dan mengikut cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya, memaklumkan kepada Menteri atau pengadu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai keputusannya dan sebab bagi keputusannya itu.

(3) Jika Suruhanjaya memutuskan untuk tidak menyiasat pelanggaran larangan di bawah subseksyen (2), Suruhanjaya boleh mengeluarkan suatu surat amaran kepada perusahaan yang menjadi subjek siasatan itu jika Suruhanjaya fikirkan bahawa ia adalah sesuai atau perlu untuk mencegah apa-apa pelanggaran larangan itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa selepas penyiasatan dimulakan di bawah seksyen 14 atau 15, memutuskan untuk menutup penyiasatan terhadap pelanggaran larangan, jika Suruhanjaya berpendapat bahawa —

- (a) adalah tidak sesuai untuk meneruskan penyiasatan apabila Suruhanjaya menerima daripada perusahaan itu suatu aku janji di bawah seksyen 43; atau
- (b) dalam semua hal keadaan itu, penerusan penyiasatan itu bukan merupakan penggunaan terbaik sumber Suruhanjaya.

(5) Apabila memutuskan untuk menutup suatu penyiasatan di bawah subseksyen (4), Suruhanjaya hendaklah menyiarkan suatu pernyataan bahawa penyiasatan itu telah ditutup dan memberikan suatu ringkasan pendek mengenai sebab bagi Suruhanjaya menutup penyiasatan itu.

(6) Jika Suruhanjaya telah menutup penyiasatan itu menurut perenggan (4)(a) dan perusahaan yang disebut dalam perenggan itu tidak mematuhi aku janji di bawah seksyen 43, Suruhanjaya boleh memulakan semula penyiasatan di bawah seksyen 14 atau 15 terhadap perusahaan itu.”.

Penggantian seksyen 18

9. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 18 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk menghendaki pemberian maklumat, dsb.

18. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain, jika Suruhanjaya mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang —

- (a) mempunyai apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa Suruhanjaya di bawah Akta ini; atau
- (b) berupaya untuk memberikan apa-apa keterangan yang Suruhanjaya mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai adalah berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa Suruhanjaya di bawah Akta ini,

Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis, mengarahkan orang itu —

- (A) untuk memberikan apa-apa maklumat atau butir-butir sedemikian kepada pegawai Suruhanjaya dalam bentuk dan mengikut cara dan dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Suruhanjaya;
- (B) untuk mengemukakan apa-apa dokumen sedemikian, sama ada dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik, kepada pegawai Suruhanjaya mengikut cara dan dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Suruhanjaya;
- (C) untuk membuat salinan apa-apa dokumen sedemikian dan mengemukakan salinan itu kepada pegawai Suruhanjaya mengikut cara dan dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Suruhanjaya; atau

- (D) untuk hadir di hadapan seorang pegawai Suruhanjaya pada masa dan di tempat sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara lisan atau bertulis, dan mengemukakan apa-apa dokumen, sama ada dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik, mengikut cara dan dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Suruhanjaya.

(2) Jika Suruhanjaya mengarahkan mana-mana orang untuk mengemukakan apa-apa dokumen di bawah subseksyen (1) dan dokumen itu tiada dalam jagaan orang itu, orang itu hendaklah —

- (a) menyatakan, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, di mana dokumen itu boleh dijumpai; dan
- (b) mengenal pasti, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, orang terakhir yang mempunyai jagaan terhadap dokumen itu dan menyatakan, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, di mana orang terakhir yang disebut itu boleh dijumpai.

(3) Mana-mana orang yang diarahkan untuk memberikan atau mengemukakan apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen atau salinan apa-apa dokumen di bawah subseksyen (1) hendaklah memastikan bahawa maklumat, butir-butir atau dokumen atau salinan dokumen yang diberikan atau dikemukakan itu adalah benar, tepat dan lengkap dan orang itu hendaklah memberikan representasi yang nyata yang bermaksud sedemikian, termasuk suatu perisytiharan bahawa dia tidak menyedari mengenai apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen lain yang akan menjadikan maklumat, butir-butir atau dokumen yang diberikan atau dikemukakan itu tidak benar atau mengelirukan.

(4) Keterangan lisan yang diberikan oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bila mana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan dengan cap jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan —

- (a) selepas keterangan lisan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dalamnya keterangan lisan itu dibuat olehnya; dan

(b) selepas dia telah diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang ingin dibuat olehnya.

(5) Mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan.

(7) Jika Suruhanjaya mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana Entiti Kerajaan mempunyai apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa Suruhanjaya di bawah Akta ini, Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis, meminta Entiti Kerajaan itu untuk memberikan atau mengemukakan maklumat, butir-butir atau dokumen itu dalam bentuk dan mengikut cara dan dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(8) Entiti Kerajaan yang diminta untuk memberikan atau mengemukakan apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen di bawah subseksyen (7) hendaklah mematuhi permintaan Suruhanjaya itu.”.

Pindaan seksyen 20

10. Subseksyen 20(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “membenarkan Suruhanjaya” dengan perkataan “membenarkan pegawai Suruhanjaya”.

Pindaan seksyen 21

11. Seksyen 21 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Mana-mana orang hendaklah pada setiap masa memelihara kerahsiaan apa-apa maklumat berkenaan dengan perusahaan tertentu atau hal ehwal seseorang individu yang diperolehnya menurut kuasa mana-mana peruntukan Akta ini dan tidak boleh menzahirkan atau menggunakan mana-mana maklumat itu termasuk maklumat orang yang memberikan maklumat itu kepadanya.”;

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “maklumat” dengan perkataan “maklumat itu”;

(c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Maklumat yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah berkait dengan maklumat mengenai perdagangan, perniagaan atau industri yang dipunyai oleh mana-mana orang, yang mempunyai nilai komersial atau ekonomi dan tidak tersedia secara amnya kepada atau diketahui oleh orang lain.”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.”.

Pindaan seksyen 22

12. Subseksyen 22(2) Akta ibu dipinda —

(a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “maklumat” perkataan “, butir-butir”; dan

(b) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “maklumat” perkataan “, butir-butir”.

Pindaan seksyen 24

13. Perenggan 24(a) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “atau mengubah” perkataan “atau cuba untuk memusnahkan, menyembunyikan, mencatatkan atau mengubah”.

Pindaan seksyen 25

14. Seksyen 25 Akta ibu dipinda —

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “pelakuan suatu kesalahan” dengan perkataan “pelakuan apa-apa kesalahan”; dan

- (b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “atau benda lain” perkataan “atau salinan atau cabutan apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain”.

Pindaan seksyen 34

15. Seksyen 34 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(b), dengan memasukkan selepas perkataan “komersial” perkataan “, ekonomi”;
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Bagi maksud dan tanpa menjejaskan keluasan perenggan (1)(b), keadaan merugikan dari segi komersial, ekonomi atau lain terhadap seseorang boleh termasuk —

- (a) pembayaran lewat amaun yang kena dibayar dengan sewajarnya kepada orang itu;
 - (b) pembawaan atau penjalanan litigasi dengan tidak munasabah terhadap orang itu;
 - (c) pembatalan pesanan yang dibuat dengan orang itu;
 - (d) pengalihan perniagaan daripada orang itu atau keengganan untuk berdagang dengan orang itu; dan
 - (e) penamatan kontrak dengan orang itu, penahanan pembayaran yang genap masa dan kena dibayar kepada orang itu di bawah kontrak atau keengganan untuk membuat kontrak selanjutnya dengan orang itu.”; dan
- (c) dalam subseksyen (3)—
- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “dan” di hujung perenggan itu dengan perkataan “atau”; dan

- (ii) dalam perenggan (*b*), dengan memasukkan selepas perkataan “apa-apa penyiataan oleh Suruhanjaya” perkataan “atau pelaksanaan fungsi dan kuasa Suruhanjaya yang lain di bawah Akta ini”.

Pindaan seksyen 35

16. Seksyen 35 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 14” perkataan “atau 15”;
- (b) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dalam perenggan (*a*), dengan menggantikan perkataan “kepada seseorang atau suatu kategori orang tertentu” dengan perkataan “kepada perusahaan atau orang tertentu atau kategori perusahaan atau orang tertentu”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “ia boleh” dengan perkataan “Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa sebelum penyiataan selesai,”;
- (c) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “mana-mana orang” dengan perkataan “mana-mana perusahaan”;
- (d) dalam subseksyen (4)—
 - (i) dalam perenggan (*a*), dengan menggantikan perkataan “orang yang kepadanya” dengan perkataan “perusahaan yang kepadanya”; dan
 - (ii) dalam perenggan (*b*), dengan menggantikan perkataan “orang itu” dengan perkataan “perusahaan itu”; dan
- (e) dalam perenggan (7)(*a*), dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 14” perkataan “atau 15”.

Pindaan seksyen 36**17. Seksyen 36 Akta itu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Jika, selepas selesai penyiasatan,” dengan perkataan “Tertakluk kepada subseksyen (5) dan (6), jika, selepas penyiasatan selesai,”;

(b) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Notis itu” dengan perkataan “Notis bertulis yang disebut dalam subseksyen (1)”;

(ii) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) memberitahu setiap perusahaan yang kepadanya notis bertulis itu diberikan bahawa perusahaan itu boleh, dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis bertulis itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Suruhanjaya, memilih untuk mengemukakan representasi bertulis kepada Suruhanjaya.”;

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Jika perusahaan itu memilih untuk mengemukakan representasi bertulis kepada Suruhanjaya di bawah perenggan (2)(c), perusahaan itu hendaklah menunjukkan sama ada perusahaan itu berhasrat untuk membuat suatu representasi lisan di hadapan Suruhanjaya.

(4) Jika, apabila tamat tempoh yang dinyatakan di bawah perenggan (2)(c), tiada representasi bertulis atau petunjuk bagi representasi lisan dikemukakan oleh perusahaan itu, Suruhanjaya boleh meneruskan dengan keputusan yang dicadangkannya dalam ketiadaan representasi itu.

(5) Selepas notis bertulis mengenai keputusan yang dicadangkannya telah diberikan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa sebelum memberitahu keputusan yang dibuat di bawah seksyen 39 atau 40, memberikan satu atau lebih notis bertulis tambahan mengenai keputusan yang dicadangkan itu.

(6) Suruhanjaya boleh memulakan semula suatu penyiasatan selepas notis bertulis mengenai keputusan yang dicadangkan atau notis bertulis tambahan mengenai keputusan yang dicadangkan itu telah diberikan di bawah subseksyen (1) jika —

- (a) terdapat perubahan material dalam hal keadaan yang dengannya pelanggaran larangan itu berkait sebagaimana yang diperihalkan dalam notis bertulis mengenai keputusan yang dicadangkan atau notis bertulis tambahan mengenai keputusan yang dicadangkan yang diberikan; atau
- (b) fakta atau keterangan baharu yang berkaitan dengan penyiasatan oleh Suruhanjaya telah ditemui dan bahawa penyiasatan lanjut adalah dikehendaki.

(7) Bagi maksud memberikan notis bertulis tambahan mengenai keputusan yang dicadangkan di bawah subseksyen (5), subseksyen (1), (2), (3) dan (4) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.”.

Pindaan seksyen 37

18. Seksyen 37 Akta ibu dipinda —

- (a) dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1);
- (b) dalam subseksyen (1) sebagaimana yang dinomborkan semula —
 - (i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “taking” dengan perkataan “making”;

- (ii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “sesi” dengan perkataan “sesi tertutup”; dan
- (iii) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “tarikh, masa dan tempat” perkataan “sesi tertutup bagi representasi lisan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) sebagaimana yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:
 - “(2) Perusahaan boleh diwakili pada sesi tertutup representasi lisan oleh—
 - (a) mana-mana pegawai yang diberi kuasanya;
 - (b) mana-mana peguam bela dan peguam cara; atau
 - (c) mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh perusahaan.
 - (3) Suruhanjaya, sebelum memanggil sesi tertutup bagi representasi lisan itu, hendaklah memutuskan—
 - (a) sama ada representasi lisan itu akan didengar oleh anggota penuh Suruhanjaya atau oleh panel wakil yang terdiri daripada anggota Suruhanjaya sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya; dan
 - (b) sama ada hendaklah ada suatu sesi tertutup yang berasingan atau sesi tertutup bersama bagi representasi lisan yang dihadiri oleh semua perusahaan dan orang yang kepadanya notis bertulis di bawah perenggan (1)(b) telah diberikan.
 - (4) Representasi lisan yang dibuat oleh perusahaan kepada Suruhanjaya hendaklah dihadkan hanya kepada perkara yang telah dikemukakan oleh perusahaan dalam representasi bertulisnya kepada Suruhanjaya di bawah perenggan 36(2)(c), melainkan jika kebenaran untuk mengemukakan apa-apa perkara baharu diperoleh terlebih dahulu daripada Suruhanjaya atau panel wakil, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Suruhanjaya atau panel wakil boleh meminta perusahaan supaya memberikan penjelasan atau maklumat lanjut mengenai perkara yang telah dikemukakan oleh perusahaan dalam representasi bertulis dan lisannya bagi maksud membuat suatu keputusan oleh Suruhanjaya.

(6) Jika representasi lisan didengar oleh panel wakil, panel wakil itu hendaklah, selepas representasi lisan itu selesai, membuat suatu syor kepada Suruhanjaya untuk membolehkan Suruhanjaya membuat keputusan sama ada perusahaan itu telah melanggar atau sedang melanggar apa-apa larangan di bawah Bahagian II.

(7) Jika, dalam perjalanan suatu representasi lisan, mana-mana anggota Suruhanjaya yang mendengar representasi lisan itu tidak dapat terus mendengar representasi lisan itu—

(a) disebabkan oleh suatu penyakit;

(b) disebabkan oleh peletakan jawatannya;

(c) disebabkan oleh pengosongan jawatannya di bawah seksyen 12 Akta Suruhanjaya Persaingan Malaysia 2010; atau

(d) disebabkan oleh apa-apa sebab lain,

representasi lisan itu hendaklah diteruskan di hadapan anggota panel wakil yang tinggal yang mendengar representasi lisan itu atau anggota penuh Suruhanjaya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(8) Representasi lisan di bawah seksyen ini hendaklah ditadbir dan dijalankan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.”.

Pemotongan seksyen 38

19. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 38.

Seksyen baharu 38A

20. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 38 sebagaimana yang dipotong seksyen yang berikut:

“Tawaran penyelesaian

38A. (1) Suruhanjaya boleh—

- (a) selepas pengeluaran suatu notis bertulis mengenai keputusan yang dicadangkan di bawah seksyen 36; dan
- (b) tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya,

menawarkan suatu penyelesaian kepada perusahaan yang sedang disiasat bagi pelanggaran larangan di bawah seksyen 4 atau 10 di bawah Akta ini.

(2) Perusahaan hendaklah mengakui liabiliti bagi pelanggaran larangan yang sedang disiasat oleh Suruhanjaya apabila menerima tawaran bagi penyelesaian di bawah subseksyen (1).

(3) Selepas penerimaan tawaran bagi penyelesaian, Suruhanjaya hendaklah—

- (a) membuat keputusan mengenai pelanggaran larangan oleh perusahaan itu di bawah seksyen 4 atau 10; dan
- (b) mengenakan penalti kewangan dengan pengurangan sehingga empat puluh peratus terhadap perusahaan itu.

(4) Pengurangan penalti kewangan di bawah perenggan (3)(b) hendaklah sebagai tambahan kepada apa-apa pengurangan penalti kewangan yang perusahaan itu berhak di bawah seksyen 41.”.

Pindaan seksyen 39

21. Seksyen 39 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Keputusan mengenai ketiadaan pelanggaran larangan”;

- (b) dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1);

- (c) dalam subseksyen (1) sebagaimana yang dinomborkan semula—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Jika Suruhanjaya” dengan perkataan “Jika, selepas penyiasaan selesai, Suruhanjaya”; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan “notis keputusan itu kepada mana-mana orang yang” dengan perkataan “notis bertulis mengenai keputusan itu kepada perusahaan yang”; dan

- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) sebagaimana yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Jika—

- (a) selepas suatu notis bertulis mengenai keputusan yang dicadangkan di bawah seksyen 36 telah diberikan oleh Suruhanjaya kepada perusahaan itu; dan

- (b) selepas menimbangkan representasi bertulis di bawah seksyen 36 atau representasi lisan di bawah seksyen 37 yang dibuat oleh perusahaan itu, jika ada,

Suruhanjaya telah membuat keputusan bahawa tiada pelanggaran suatu larangan di bawah Bahagian II, Suruhanjaya hendaklah, tanpa kelengahan, memberikan notis bertulis mengenai keputusan itu kepada perusahaan yang tersentuh oleh keputusan itu dengan menyatakan fakta yang berasaskannya Suruhanjaya membuat keputusan itu dan sebab bagi Suruhanjaya membuat keputusan itu.”.

Pindaan seksyen 40**22. Seksyen 40 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Keputusan mengenai pelanggaran larangan”;

- (b) dengan menomborkan semula subseksyen (1), (2), (3) dan (4) sedia ada sebagai subseksyen (2), (3), (4) dan (5) masing-masing;

- (c) dengan memasukkan sebelum subseksyen (2) sebagaimana yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(1) Seksyen ini terpakai jika suatu notis bertulis mengenai keputusan yang dicadangkan di bawah seksyen 36 telah diberikan oleh Suruhanjaya kepada perusahaan dan Suruhanjaya telah menimbangkan representasi bertulis di bawah seksyen 36 atau representasi lisan di bawah seksyen 37 yang dibuat oleh perusahaan itu, jika ada.”;

- (d) dalam subseksyen (2) sebagaimana yang dinomborkan semula—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Jika Suruhanjaya memutuskan bahawa terdapat suatu pelanggaran suatu larangan di bawah Bahagian II, ia—” dengan perkataan “Jika Suruhanjaya telah membuat suatu keputusan bahawa terdapat suatu pelanggaran larangan di bawah Bahagian II, Suruhanjaya—”; dan

- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “dikehendaki supaya perlu diambil oleh perusahaan yang melanggar” dengan perkataan “yang dikehendaki supaya diambil oleh perusahaan yang tersentuh oleh keputusan itu”;

(e) dalam subseksyen (3) sebagaimana yang dinomborkan semula —

(i) dengan menggantikan perkataan “Bahagian ini” dengan perkataan “seksyen ini”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “memberitahu mana-mana orang” dengan perkataan “memberikan notis bertulis kepada mana-mana perusahaan”;

(f) dengan menggantikan subseksyen (5) sebagaimana yang dinomborkan semula dengan subseksyen yang berikut:

“(5) Penalti kewangan yang dikenakan oleh Suruhanjaya di bawah perenggan (1)(c) hendaklah dibayar oleh perusahaan yang tersentuh oleh keputusan itu dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dan tidak boleh melebihi sepuluh peratus daripada pusing ganti seluruh dunia perusahaan itu sepanjang tempoh pelanggaran larangan itu berlaku.”; dan

(g) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) sebagaimana yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(6) Jika perusahaan yang kepadanya penalti kewangan telah dikenakan tidak membayar penalti kewangan itu atau mana-mana bahagian daripadanya dalam tempoh yang ditentukan oleh Suruhanjaya, perusahaan itu hendaklah juga bertanggung untuk membayar caj pembayaran lewat pada kadar yang ditentukan oleh Suruhanjaya.”.

Pindaan seksyen 41

23. Seksyen 41 Akta ibu dipinda —

(a) dalam subseksyen (1) —

(i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “penurunan” dengan perkataan “pengurangan”;

- (ii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “pelanggaran mana-mana larangan” dengan perkataan “perjanjian”; dan
 - (iii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “pengenalpastian atau penyiasatan apa-apa dapatan” dengan perkataan “pengenalpastian, siasatan atau penyiasatan”; dan
- (b) dalam subseksyen (2)—
- (i) dalam subperenggan (b)(ii), dengan memotong perkataan “atau” di hujung subperenggan itu; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) sama ada perusahaan itu telah memaksa perusahaan lain untuk terlibat dalam suatu perjanjian di bawah subseksyen 4(2); atau”.

Pindaan seksyen 42

24. Seksyen 42 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**atau keputusan**” dengan perkataan “, dsb.”;
- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Suruhanjaya boleh membawa prosiding di hadapan Mahkamah Tinggi terhadap mana-mana perusahaan yang tidak mematuhi—

 - (a) apa-apa arahan yang diberikan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 35;

- (b) apa-apa keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 40; atau
 - (c) apa-apa aku janji yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 43.”;
- (c) dalam subseksyen (2)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “orang” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “perusahaan”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “arahan atau keputusan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “arahan, keputusan atau aku janji”; dan
- (d) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:
- “(3) Bagi maksud subseksyen (2), berhubung dengan suatu keputusan, jika Mahkamah Tinggi mendapati bahawa ketidakpatuhan terhadap keputusan itu termasuklah kegagalan untuk membayar penalti dalam tempoh yang dinyatakan dan caj pembayaran lewat yang dikenakan, Mahkamah Tinggi hendaklah, sebagai tambahan kepada perintah yang menghendaki perusahaan itu untuk membayar penalti dan caj pembayaran lewat itu, memerintahkan supaya perusahaan itu membayar faedah pada kadar penghakiman biasa mulai dari hari selepas pembayaran itu kena dibuat.”.

Pindaan seksyen 43

25. Seksyen 43 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:
- “(1) Suruhanjaya boleh—
- (a) sebelum mengeluarkan suatu notis bertulis mengenai keputusan yang dicadangkan di bawah seksyen 36 berhubung dengan suatu penyiasatan pelanggaran larangan di bawah seksyen 4 atau 10; dan

- (b) tertakluk kepada syarat yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya, yang termasuk syarat bagi pembayaran denda pada kadar yang ditentukan oleh Suruhanjaya,

menerima suatu aku janji daripada suatu perusahaan untuk membuat atau menahan diri daripada membuat apa-apa jua sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.”;

- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “dapatan pelanggaran dan tidak boleh mengenakan suatu penalti ke atas perusahaan itu” dengan perkataan “keputusan mengenai pelanggaran itu”;
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Walau apa pun subseksyen (2), Suruhanjaya boleh tidak menutup penyiasatan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa —

- (a) perusahaan itu telah tidak mematuhi mana-mana aku janji yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (1); atau
- (b) apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen yang diberikan oleh perusahaan itu yang berasaskannya Suruhanjaya telah menerima aku janji itu adalah palsu atau mengelirukan dalam butir-butir yang material.”; dan

- (d) dengan memotong subseksyen (4).

Pindaan seksyen 51

26. Subseksyen 51(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dari tarikh keputusan Suruhanjaya” dengan perkataan “dari tarikh keputusan Suruhanjaya disampaikan kepada perayu”.

Pindaan seksyen 54

27. Seksyen 54 Akta ibu dipinda —

- (a) dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) sebagaimana yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Jika, dalam perjalanan mana-mana prosiding Tribunal Rayuan Persaingan, mana-mana anggota Tribunal Rayuan Persaingan yang mendengar prosiding itu tidak dapat terus mendengar prosiding itu—

- (a) disebabkan oleh suatu penyakit;
- (b) disebabkan oleh peletakan jawatannya di bawah subseksyen 47(1);
- (c) disebabkan oleh pengosongan jawatannya di bawah seksyen 48; atau
- (d) disebabkan oleh apa-apa sebab lain,

prosiding itu hendaklah diteruskan di hadapan anggota Tribunal Rayuan Persaingan yang tinggal yang mendengar prosiding itu yang tidak kurang daripada tiga orang anggota.

(3) Dalam hal keadaan jika anggota yang tinggal yang disebut dalam subseksyen (2) adalah kurang daripada tiga orang, Presiden hendaklah melantik mana-mana anggota Tribunal Rayuan Persaingan yang lain untuk menggantikan anggota yang tidak dapat menghadiri prosiding itu dan terus mendengar prosiding itu.”.

Pindaan seksyen 58

28. Seksyen 58 Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (3).

Seksyen baharu 58A

29. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 58 seksyen yang berikut:

“Rayuan kepada Mahkamah Tinggi

58A. (1) Mana-mana orang, termasuk Suruhanjaya, yang terkilan dengan keputusan Tribunal Rayuan Persaingan boleh, dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh keputusan Tribunal Rayuan Persaingan disampaikan kepadanya, merayu kepada Mahkamah Tinggi.

(2) Rayuan kepada Mahkamah Tinggi di bawah seksyen ini hendaklah terbatas hanya kepada—

(a) persoalan undang-undang yang berbangkit dalam perjalanan rayuan; atau

(b) persoalan tentang amaun penalti kewangan.

(3) Mahkamah Tinggi hendaklah mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan yang dirujuk sedemikian dan boleh—

(a) mengesahkan, mengakas atau mengubah keputusan Tribunal Rayuan Persaingan; dan

(b) membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah Tinggi.

(4) Peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan rayuan dalam perkara sivil daripada Mahkamah Sesyen kepada Mahkamah Tinggi hendaklah terpakai bagi maksud rayuan di bawah seksyen ini.”.

Seksyen baharu 64A dan 64B

30. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 64 seksyen yang berikut:

“Perlindungan kepada pemberi maklumat

64A. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada saksi dalam mana-mana prosiding di hadapan Suruhanjaya, Tribunal Rayuan Persaingan atau dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah menurut Akta ini berkewajipan atau dibenarkan untuk menzahirkan nama, alamat atau apa-apa maklumat lain mengenai pemberi maklumat, atau intipati maklumat yang diterima daripadanya atau untuk menyatakan apa-apa perkara yang mungkin membawa kepada pemberi maklumat itu diketahui.

(2) Jika mana-mana rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer yang dikemukakan sebagai keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding di hadapan Suruhanjaya, Tribunal Rayuan Persaingan atau dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin membawa kepada dirinya diketahui, Suruhanjaya atau Tribunal Rayuan Persaingan atau mahkamah hendaklah menyebabkan supaya semua catatan itu disembunyikan daripada pandangan atau dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam prosiding di hadapan Suruhanjaya atau Tribunal Rayuan Persaingan atau dalam perbicaraan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah, selepas siasatan penuh terhadap kes itu, percaya bahawa pemberi maklumat itu dengan rela hati telah membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu adalah palsu atau percaya adalah tidak benar atau jika dalam mana-mana prosiding lain, Suruhanjaya atau Tribunal Rayuan Persaingan atau mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilakukan sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa pemberi maklumat itu diketahui, adalah sah bagi

Suruhanjaya atau Tribunal Rayuan Persaingan atau mahkamah untuk menghendaki pengemukakan aduan asal, jika dibuat secara bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki penzahiran penuh mengenai pemberi maklumat itu.

Ganjaran kepada pemberi maklumat

64B. Suruhanjaya boleh memberikan ganjaran dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya kepada seseorang pemberi maklumat bagi maklumat, pernyataan atau bantuan yang diberikan kepada Suruhanjaya yang membawa kepada penemuan apa-apa pelanggaran larangan atau yang membawa kepada apa-apa sabitan bagi suatu kesalahan, di bawah Akta ini.”.

Pindaan seksyen 65

31. Subseksyen 65(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Menteri boleh” perkataan “, atas syor Suruhanjaya,”.

Pindaan seksyen 66

32. Subseksyen 66(2) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “boleh mengeluarkan” perkataan “garis panduan mengenai”;
- (b) dalam perenggan (a)—
 - (i) dengan memotong perkataan “garis panduan mengenai”; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;
- (c) dalam perenggan (b)—
 - (i) dengan memotong perkataan “garis panduan mengenai”; dan
 - (ii) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan

(d) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) tatacara yang digunakan dalam mentadbir mana-mana peruntukan di bawah Akta ini.”.

Penggantian Jadual Pertama

33. Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA

[Seksyen 3]

Akta ini tidak terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial atau ekonomi yang dikawal selia di bawah undang-undang bertulis yang berikut:

- (a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*];
- (b) Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [*Akta 610*];
- (c) Akta Kemajuan Petroleum 1974 [*Akta 144*] dan Peraturan-Peraturan Petroleum 1974 [*P.U. (A) 432/1974*] setakat yang aktiviti komersial atau ekonomi yang dikawal selia di bawah undang-undang bertulis ini berkaitan secara langsung dengan operasi huluan yang merangkumi aktiviti mengeksplorasi, mengeskloitasi, mendapatkan dan memperoleh petroleum sama ada di pantai atau di luar pantai Malaysia;
- (d) Akta Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2017 [*Akta 788*];
- (e) Akta Bekalan Gas 1993 [*Akta 501*]; dan
- (f) Akta Perkhidmatan Pos 2012 [*Akta 741*].”.

Pindaan Jadual Kedua

34. Jadual Kedua kepada Akta ibu dipinda dalam perenggan (a) dengan menggantikan perkataan “dalam suatu perintah untuk” dengan perkataan “untuk”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Persaingan 2010 ("Akta 712") dengan matlamat untuk mengukuhkan pelbagai aspek Akta 712 termasuk peruntukan yang berhubungan dengan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia ("Suruhanjaya"), tatacara membuat keputusan oleh Suruhanjaya dan peruntukan yang mentadbir Tribunal Rayuan Persaingan.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 712 untuk memasukkan takrif baharu dan untuk meminda takrif sedia ada bagi istilah tertentu yang digunakan dalam Akta 712.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk menggantikan seksyen 3 Akta 712 untuk meluaskan ruang lingkup pemakaian Akta 712 kepada apa-apa aktiviti ekonomi dan bukan hanya bagi apa-apa aktiviti komersial. Peluasan ini adalah perlu bagi meliputi rangkuman aktiviti yang lebih luas yang boleh memberikan impak kepada persaingan dalam pasaran Malaysia.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 712 mengenai perjanjian antipersaingan yang dilarang dengan menggantikan istilah "perjanjian mendatar dan menegak" di mana-mana jua terdapat dalam seksyen itu dengan istilah "perjanjian". Pindaan ini memperuntukkan perspektif yang lebih luas dengan menunjukkan bahawa larangan perjanjian antipersaingan terpakai bagi semua jenis perjanjian, bukan hanya yang dikelaskan sebagai perjanjian mendatar atau menegak.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 712 mengenai pelepasan liabiliti daripada pelanggaran larangan di bawah seksyen 4 Akta 712 yang berkenaan dengan perjanjian antipersaingan yang dilarang. Pindaan ini bertujuan untuk menjelaskan bahawa perusahaan yang merupakan pihak kepada perjanjian yang dilarang dan berhasrat untuk melepaskan liabilitinya daripada pelanggaran di bawah seksyen 4 Akta 712 mempunyai beban untuk membuktikan perkara yang dinyatakan dalam perenggan (5)(a) hingga (d) Akta 712 bagi maksud pelepasan itu.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 712 untuk memasukkan subseksyen baharu 10(5) ke dalam Akta 712 dengan memperuntukkan bahawa mana-mana perusahaan yang terlibat dalam suatu perlakuan yang menyalahgunakan kedudukan dominan hendaklah bertanggungjawab bagi pelanggaran larangan di bawah Akta 712. Peruntukan ini adalah selaras dengan subseksyen 4(3) Akta 712 sedia ada yang secara nyata memperuntukkan mengenai pelanggaran larangan. Di bawah *fasal* ini, pindaan juga dibuat kepada subperenggan 10(2)(d)(iii) Akta 712 bagi memastikan kejelasan dan keseragaman antara teks bahasa kebangsaan dengan teks bahasa Inggeris Akta 712.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 11A ke dalam Akta 712 untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa Suruhanjaya untuk memperoleh, melalui notis secara bertulis, apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen bagi maksud menjalankan suatu kajian semula pasaran di bawah Akta 712 daripada mana-mana orang yang Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai mempunyai maklumat, butir-butir atau dokumen berkaitan yang perlu bagi kajian semula pasaran itu. Seksyen baharu ini juga membenarkan Suruhanjaya untuk meminta, melalui notis secara bertulis, apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen daripada mana-mana Entiti Kerajaan bagi maksud menjalankan kajian semula pasaran. Entiti Kerajaan yang diminta oleh Suruhanjaya untuk memberikan atau mengemukakan maklumat, butir-butir atau dokumen itu hendaklah mematuhi permintaan itu.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk menggantikan seksyen 16 Akta 712 untuk menambah baik tatacara bagi penutupan suatu penyiasatan oleh Suruhanjaya berhubung dengan mana-mana pelanggaran larangan di bawah Akta 712. Buat masa ini, seksyen 16 Akta 712 hanya memperuntukkan bagi penutupan penyiasatan yang berhubung dengan aduan mengenai pelanggaran larangan yang dibuat di bawah seksyen 15 Akta 712. Dengan pindaan ini, Suruhanjaya boleh menjalankan siasatan dan menutup penyiasatan berkenaan dengan seksyen 14 Akta 712 jika Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa mana-mana perusahaan telah melanggar atau sedang melanggar apa-apa larangan di bawah Akta 712 atau jika penyiasatan diarahkan oleh Menteri. Pindaan ini juga bertujuan untuk memberi Suruhanjaya kuasa untuk mengeluarkan surat amaran jika Suruhanjaya berpendapat bahawa ia adalah sesuai atau perlu untuk menghalang apa-apa pelanggaran larangan itu.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk menggantikan seksyen 18 Akta 712 untuk menambah baik kuasa Suruhanjaya untuk menghendaki maklumat, butir-butir atau dokumen daripada mana-mana orang yang Suruhanjaya mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai mempunyai apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa Suruhanjaya di bawah Akta 712 atau boleh memberikan apa-apa keterangan yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa Suruhanjaya di bawah Akta 712. Pindaan ini juga membenarkan Suruhanjaya untuk meminta, melalui notis secara bertulis, apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen daripada mana-mana Entiti Kerajaan yang Suruhanjaya mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai mempunyai apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa Suruhanjaya di bawah Akta 712. Entiti Kerajaan yang diminta oleh Suruhanjaya untuk memberikan atau mengemukakan maklumat, butir-butir atau dokumen itu hendaklah mematuhi permintaan itu.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta 712 untuk menjelaskan bahawa kuasa untuk mengakses rekod, buku, akaun atau benda lain bagi maksud melaksanakan mana-mana fungsi dan kuasa Suruhanjaya di bawah Akta 712 hendaklah dijalankan oleh seorang pegawai Suruhanjaya.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 712 mengenai kerahsiaan maklumat.

Subfasal 11(a) bertujuan untuk menggantikan subseksyen 21(1) Akta 712 untuk mengenakan kewajiban terhadap mana-mana orang untuk memelihara pada setiap masa kerahsiaan apa-apa maklumat berkenaan dengan suatu perusahaan tertentu atau hal ehwal seseorang individu yang diperolehnya menurut kuasa mana-mana peruntukan Akta 712 dan bahawa individu itu tidak boleh menzahirkan atau menggunakan apa-apa maklumat itu termasuk maklumat mengenai orang yang memberikan maklumat itu kepadanya.

Subfasal 11(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 21(2) Akta 712 untuk menjelaskan bahawa maklumat yang disebut dalam subseksyen itu merujuk kepada maklumat yang sama sebagaimana yang disebut dalam subseksyen 21(1) Akta 712.

Subfasal 11(c) bertujuan untuk menggantikan subseksyen 21(3) Akta 712 untuk menjelaskan bahawa maklumat yang disebut dalam subseksyen 21(1) Akta 712 merujuk kepada maklumat perdagangan, perniagaan atau industri yang mempunyai nilai komersial atau ekonomi yang dipunyai oleh mana-mana orang dan tidak tersedia secara amnya kepada atau diketahui oleh orang lain. Ini bagi memastikan bahawa suatu perlindungan menyeluruh terhadap maklumat sensitif diperuntukkan di bawah Akta 712.

Subfasal 11(d) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 21(4) ke dalam Akta 712 untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang melanggar obligasi kerahsiaan di bawah Akta 712.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 22 Akta 712 berbangkit daripada penggantian seksyen 18 Akta 712 di bawah *fasal 9*.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda perenggan 24(a) Akta 712 untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi seseorang yang cuba untuk memusnahkan, menyembunyikan, mencatitkan atau mengubah apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain dengan niat untuk memfraud Suruhanjaya atau untuk menghalang, menangguhkan atau menggalang pelaksanaan apa-apa penyiasatan atau pelaksanaan apa-apa kuasa oleh Suruhanjaya.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta 712 untuk meluaskan kuasa pegawai Suruhanjaya untuk mengeledah premis dan menyita apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain semasa melaksanakan kuasa penguatkuasaannya di bawah Akta 712.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 34 Akta 712.

Subfasal 15(a) bertujuan untuk meminda perenggan 34(1)(b) Akta 712 untuk memperuntukkan bahawa perbuatan menjadikan seseorang tertakluk kepada apa-apa keadaan merugikan dari segi ekonomi selain keadaan merugikan dari segi komersial atau keadaan merugikan lain juga merupakan suatu bentuk tindakan balas di bawah Akta 712 dan oleh itu adalah dilarang di bawah Akta 712.

Subfasal 15(b) bertujuan untuk menggantikan subseksyen 34(2) Akta 712 untuk meluaskan ruang lingkup keadaan yang merugikan terhadap mana-mana orang yang dinyatakan dalam subseksyen itu untuk merangkumi penamatan kontrak dengan orang itu, penahanan pembayaran yang genap masa dan kena dibayar kepada orang itu di bawah suatu kontrak atau keengganan untuk membuat kontrak selanjutnya dengan orang itu.

Subfasal 15(c) bertujuan untuk meminda subseksyen 34(3) Akta 712 untuk memastikan bahawa perlindungan terhadap ancaman dan tindakan balas dijadikan tersedia bukan hanya bagi seseorang yang membuat aduan kepada Suruhanjaya di bawah seksyen 15 Akta 712 atau seseorang yang bekerjasama dengan atau menawarkan atau bersetuju untuk bekerjasama dengan Suruhanjaya berkaitan dengan apa-apa penyiasatan oleh Suruhanjaya, tetapi juga bagi seseorang yang bekerjasama dengan atau menawarkan atau bersetuju untuk bekerjasama dengan Suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsi dan penjalanan kuasa Suruhanjaya.

17. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 35 Akta 712 mengenai langkah interim. Pindaan ini akan memberi Suruhanjaya kuasa untuk memberikan arahan tertentu kepada perusahaan sebagaimana yang difikirkannya sesuai dan berkadar, jika Suruhanjaya telah memulakan tetapi belum menyelesaikan suatu penyiasatan di bawah seksyen 15 Akta 712 selain seksyen 14 Akta 712 dan jika Suruhanjaya mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana larangan di bawah Akta 712 telah dilanggar atau berkemungkinan dilanggar dan bahawa Suruhanjaya fikirkan perlu untuknya bertindak sebagai perkara yang mendesak bagi maksud menghalang kerugian serius dan tidak boleh dibaiki kepada perusahaan atau orang tertentu, atau kepada kategori perusahaan atau orang tertentu.

18. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda subseksyen 36(1) Akta 712 bagi menjelaskan hal keadaan apabila suatu keputusan yang dicadangkan berikutan penyelesaian mana-mana penyiasatan akan dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

Subfasal 17(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 36(2) Akta 712 untuk memperuntukkan bahawa notis bertulis mengenai keputusan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya yang diberikan di bawah subseksyen 36(1) Akta 712 hendaklah memaklumkan perusahaan yang tersentuh dengan keputusan itu bahawa perusahaan itu boleh memilih untuk mengemukakan representasi bertulis kepada Suruhanjaya.

Subfasal 17(c) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 36(3), (4), (5), (6) dan (7) ke dalam Akta 712 untuk mengadakan peruntukan selanjutnya yang komprehensif yang berhubungan dengan keputusan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya. Ini termasuklah peruntukan yang membenarkan Suruhanjaya untuk memulakan semula penyiasatan di bawah Akta 712 selepas notis bertulis mengenai keputusan yang dicadangkan atau keputusan yang dicadangkan tambahan telah diberikan.

19. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 37 Akta 712 untuk menyatukan tatacara mengenai representasi lisan dan penjalanan pendengaran dalam satu peruntukan berbangkit daripada pemotongan seksyen 38 Akta 712 dalam *fasal 19*. Pindaan ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Suruhanjaya hendaklah, sebelum membuat keputusannya berkenaan dengan pelanggaran larangan di bawah Akta 712 dan jika perusahaan yang berkenaan memaklumkan Suruhanjaya bahawa perusahaan itu berhasrat untuk membuat suatu representasi lisan, mengadakan suatu sesi tertutup bagi representasi lisan itu. Pindaan ini selanjutnya memperuntukkan bahawa Suruhanjaya hendaklah memutuskan sama ada representasi lisan itu akan didengar oleh anggota penuh Suruhanjaya atau oleh panel wakil yang terdiri daripada anggota Suruhanjaya dan sama ada hendaklah ada suatu sesi tertutup yang berasingan atau sesi tertutup bersama bagi representasi lisan itu.

20. *Fasal 19* bertujuan untuk memotong seksyen 38 Akta 712 mengenai penjalanan pendengaran memandangkan peruntukan mengenai penjalanan pendengaran bagi maksud menentukan sama ada suatu perusahaan telah melanggar atau sedang melanggar mana-mana larangan di bawah Bahagian II Akta 712 dicadangkan untuk diperuntukkan di bawah seksyen 37 Akta 712 untuk meningkatkan kecekapan tatacara Suruhanjaya.

21. *Fasal 20* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 38A ke dalam Akta 712 untuk mengadakan peruntukan bagi suatu mekanisme penyelesaian yang boleh diterima oleh perusahaan yang sedang disiasat bagi pelanggaran larangan di bawah seksyen 4 atau 10 Akta 712. Di bawah mekanisme ini, Suruhanjaya boleh, selepas pengeluaran notis bertulis mengenai keputusan yang dicadangkan di bawah seksyen 36 Akta 712 dan sebelum membuat keputusan di bawah seksyen 40 Akta 712, menawarkan suatu penyelesaian kepada perusahaan itu, tertakluk kepada syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Suruhanjaya. Bagi menerima tawaran bagi penyelesaian, perusahaan itu hendaklah mengakui liabiliti bagi pelanggaran itu. Jika tawaran bagi penyelesaian itu diterima, Suruhanjaya akan membuat suatu keputusan mengenai pelanggaran itu dan mengenakan penalti kewangan terhadap perusahaan itu yang boleh dikurangkan sehingga empat puluh peratus.

22. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 39 Akta 712 untuk menjelaskan hal keadaan yang berdasarkannya suatu keputusan tiada pelanggaran akan dibuat oleh Suruhanjaya selepas penyiasatan Suruhanjaya terhadap pelanggaran larangan di bawah Bahagian II Akta 712 selesai. Pindaan ini juga memperuntukkan mengenai obligasi bagi Suruhanjaya untuk memberikan suatu notis bertulis mengenai keputusan tiada pelanggaran itu kepada perusahaan yang tersentuh dengan keputusan itu.

23. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 40 Akta 712 bagi menjelaskan hal keadaan yang berdasarkannya suatu keputusan pelanggaran akan dibuat oleh Suruhanjaya selepas penyiasatan Suruhanjaya terhadap pelanggaran larangan di bawah Bahagian II Akta 712 selesai yang termasuk penalti kewangan yang dikenakan. Jika perusahaan yang terdapatnya penalti kewangan telah dikenakan tidak membayar penalti kewangan itu atau mana-mana bahagian daripadanya dalam tempoh yang ditentukan oleh Suruhanjaya, perusahaan itu hendaklah juga bertanggungjawab untuk membayar suatu caj pembayaran lewat pada kadar yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

24. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 41 Akta 712 mengenai rejim kelonggaran.

Subfasal 23(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 41(1) Akta 712 untuk menjelaskan bahawa rejim kelonggaran yang menawarkan pengurangan sehingga maksimum seratus peratus bagi apa-apa penalti boleh diadakan dalam hal mana-mana perusahaan yang telah mengakui penglibatannya dalam suatu perjanjian di bawah subseksyen 4(2) Akta 712 dan telah memberikan maklumat atau bentuk kerjasama yang lain kepada Suruhanjaya yang membantu secara signifikan atau mungkin membantu secara signifikan dalam pengenalpastian, siasatan atau penyiasatan suatu pelanggaran mana-mana larangan oleh mana-mana perusahaan lain.

Subfasal 23(b) bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 41(2)(ba) ke dalam Akta 712 untuk memperuntukkan bahawa rejim kelonggaran boleh membenarkan peratusan pengurangan yang berlainan diadakan bagi sesuatu perusahaan bergantung kepada sama ada perusahaan itu telah memaksa perusahaan lain untuk terlibat dalam suatu perjanjian di bawah subseksyen 4(2) Akta 712.

25. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 42 Akta 712 untuk memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh membawa prosiding di hadapan Mahkamah Tinggi terhadap mana-mana perusahaan yang tidak mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 35 Akta 712, apa-apa keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 40 Akta 712 atau apa-apa aku janji yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 43 Akta 712.

26. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda seksyen 43 Akta 712 yang berhubungan dengan aku janji. Pindaan ini bertujuan untuk menjelaskan bahawa suatu aku janji hanya boleh diterima oleh Suruhanjaya sebelum Suruhanjaya membuat suatu keputusan yang dicadangkan di bawah seksyen 36 Akta 712 berhubungan dengan suatu penyiasatan pelanggaran larangan di bawah seksyen 4 atau 10 Akta 712. Jika Suruhanjaya menerima aku janji di bawah seksyen ini, Suruhanjaya hendaklah menutup penyiasatan berhubung dengan pelanggaran tanpa membuat apa-apa keputusan mengenai pelanggaran itu di samping membenarkan Suruhanjaya juga untuk mengenakan penalti kewangan. Pindaan ini juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 43(2A) ke dalam Akta 712 untuk memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh tidak menutup penyiasatan itu jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa perusahaan itu telah tidak mematuhi mana-mana aku janji yang diterima oleh Suruhanjaya atau apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen yang disediakan oleh perusahaan yang berasaskannya Suruhanjaya telah menerima aku janji itu adalah palsu atau mengelirukan dalam butir-butir yang material.

27. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda seksyen 51 Akta 712 mengenai pemfailan notis rayuan kepada Tribunal Rayuan Persaingan oleh orang yang terkilan atau yang kepentingannya tersentuh oleh keputusan Suruhanjaya di bawah seksyen 35, 39 atau 40 Akta 712.

28. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda seksyen 54 Akta 712 dengan memasukkan subseksyen baharu 54(2) dan (3) ke dalam Akta 712. Subseksyen baharu 54(2) Akta 712 bertujuan untuk memastikan kesinambungan prosiding di hadapan Tribunal Rayuan Persaingan dalam hal jika mana-mana anggota Tribunal Rayuan Persaingan tidak dapat terus mendengar prosiding Tribunal Rayuan Persaingan disebabkan oleh penyakit, peletakan atau pengosongan jawatannya atau apa-apa sebab lain. Pindaan ini selanjutnya memperuntukkan bahawa prosiding di hadapan Tribunal Rayuan Persaingan itu akan diteruskan di hadapan anggota Tribunal Rayuan Persaingan yang tinggal. Subseksyen baharu 54(3) Akta 712 pula memperuntukkan bahawa jika anggota Tribunal Rayuan Persaingan yang tinggal adalah kurang daripada tiga orang, Presiden Tribunal Rayuan Persaingan hendaklah melantik mana-mana anggota yang lain untuk menggantikan anggota yang tidak dapat hadir itu.

29. *Fasal 28* bertujuan untuk memotong subseksyen 58(3) Akta 712 yang memperuntukkan bahawa keputusan Tribunal Rayuan Persaingan adalah muktamad.

30. *Fasal 29* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 58A ke dalam Akta 712 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang, termasuk Suruhanjaya, yang terkilang dengan keputusan Tribunal Rayuan Persaingan, boleh memulakan prosiding rayuan di Mahkamah Tinggi terhadap keputusan Tribunal Rayuan Persaingan. Seksyen baharu ini selanjutnya memperuntukkan bahawa rayuan itu hendaklah terbatas hanya kepada persoalan undang-undang yang berbangkit dalam perjalanan rayuan dan amaun penalti kewangan yang dikenakan.

31. *Fasal 30* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 64A dan 64B ke dalam Akta 712.

Seksyen baharu 64A yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi larangan penzahiran identiti pemberi maklumat atau apa-apa maklumat lain yang mungkin mendedahkan identiti pemberi maklumat oleh seseorang saksi dalam mana-mana prosiding di hadapan Suruhanjaya, Tribunal Rayuan Persaingan atau dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah di bawah Akta 712.

Seksyen baharu 64B yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh memberikan ganjaran kepada pemberi maklumat bagi maklumat, pernyataan atau bantuan yang diberikan kepada Suruhanjaya yang membawa kepada penemuan apa-apa pelanggaran larangan di bawah Akta 712, atau yang membawa kepada apa-apa sabitan bagi suatu kesalahan di bawah Akta 712.

32. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda subseksyen 65(1) Akta 712 untuk memperuntukkan bahawa Menteri, pada menjalankan kuasanya untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Akta 712 adalah tertakluk kepada syor Suruhanjaya.

33. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda seksyen 66 Akta 712 untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa Suruhanjaya untuk mengeluarkan garis panduan mengenai tatacara yang akan digunakan dalam mentadbir apa-apa peruntukan di bawah Akta 712.

34. *Fasal 33* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta 712 bagi mengemas kini senarai perundangan yang dinyatakan dalam jadual itu bagi maksud subseksyen 3(1) Akta 712 mengenai pemakaian Akta 712.

35. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda Jadual Kedua kepada Akta 712 bagi membetulkan kesilapan tipografi.

36. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3312]

D.R. 11/2026

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Persaingan 2010.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Persaingan (Pindaan) 2026.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan tajuk panjang

2. Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [*Akta 713*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam tajuk panjang dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya Persaingan” dengan perkataan “Suruhanjaya Persaingan Malaysia”.

Pindaan seksyen 1

3. Subseksyen 1(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Akta Suruhanjaya Persaingan 2010” dengan perkataan “Akta Suruhanjaya Persaingan Malaysia 2010”.

Pindaan seksyen 2

4. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam takrif “Kumpulan Wang”, dengan menggantikan perkataan “Kumpulan Wang Suruhanjaya Persaingan” dengan perkataan “Kumpulan Wang Suruhanjaya Persaingan Malaysia”;
- (b) dengan menggantikan takrif “pegawai Suruhanjaya” dengan takrif yang berikut:

“pegawai Suruhanjaya” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 38;’; dan
- (c) dalam takrif “Suruhanjaya”, dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya Persaingan” dengan perkataan “Suruhanjaya Persaingan Malaysia”.

Pindaan Bahagian II

5. Bahagian II Akta ibu dipinda dalam kepala dengan menggantikan perkataan “SURUHANJAYA PERSAINGAN” dengan perkataan “SURUHANJAYA”.

Pindaan seksyen 3

6. Subseksyen 3(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya Persaingan” dengan perkataan “Suruhanjaya Persaingan Malaysia”.

Pindaan seksyen 4

7. Subseksyen 4(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya Persaingan” dengan perkataan “Suruhanjaya Persaingan Malaysia”.

Pindaan seksyen 16

8. Perenggan 16(a) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “yang berkenaan dengan persaingan” dengan perkataan “termasuklah tentang polisi, tatacara dan program yang berhubungan dengan persaingan”.

Pindaan seksyen 17

9. Subseksyen 17(2) Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) untuk mengenakan penalti kewangan dan caj pembayaran lewat berkenaan dengan penalti kewangan pada kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya bagi pelanggaran di bawah undang-undang persaingan;” dan

(b) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) untuk mengenakan fi, caj pentadbiran atau apa-apa caj lain bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Suruhanjaya atau bagi maksud pelaksanaan fungsi atau penjalanan kuasa Suruhanjaya di bawah undang-undang persaingan;”.

Seksyen baharu 17A

10. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 17 seksyen yang berikut:

“Perwakilan fungsi dan kuasa Suruhanjaya

17A. (1) Suruhanjaya boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsi atau kuasanya di bawah undang-undang persaingan kepada —

- (a) Pengerusi;
- (b) mana-mana jawatankuasa;
- (c) mana-mana pegawai Suruhanjaya; atau
- (d) mana-mana pekerja Suruhanjaya.

(2) Pengerusi atau mana-mana jawatankuasa atau orang yang diwakilkan dengan fungsi atau kuasa di bawah subseksyen (1) hendaklah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Suruhanjaya dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(3) Apa-apa fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Suruhanjaya.

(4) Perwakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Suruhanjaya daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi atau kuasa yang telah diwakilkan itu pada bila-bila masa.”.

Pindaan seksyen 27

11. Subseksyen 27(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Kumpulan Wang Suruhanjaya Persaingan” dengan perkataan “Kumpulan Wang Suruhanjaya Persaingan Malaysia”.

Pindaan seksyen 38

12. Seksyen 38 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “melantik” dengan perkataan “, atas syor Ketua Pegawai Eksekutif, melantik secara bertulis”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “melantik” dengan perkataan “, atas syor Ketua Pegawai Eksekutif, melantik secara bertulis”.

Pindaan seksyen 43

13. Subseksyen 43(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Akta ini” dengan perkataan “undang-undang persaingan”.

Kecualian

14. (1) Semua sebutan mengenai Suruhanjaya Persaingan dalam mana-mana undang-undang bertulis, surat cara, surat ikatan, hakmilik atau dokumen lain hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia.

(2) Semua sebutan mengenai Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 dalam mana-mana undang-undang bertulis, surat cara, surat ikatan, hakmilik atau dokumen lain hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Suruhanjaya Persaingan Malaysia 2010.

(3) Pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, pertukaran nama “Suruhanjaya Persaingan” kepada “Suruhanjaya Persaingan Malaysia” tidaklah menyentuh apa-apa fungsi, kuasa, hak atau liabiliti Suruhanjaya Persaingan atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya, dan apa-apa prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadapnya sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini boleh diteruskan atau dimulakan di bawah namanya yang baharu.

(4) Apa-apa arahan, garis panduan, syor, penyasatan, aku janji, keputusan, pengecualian, pembatalan, pengubahan, kajian semula, atau apa-apa tindakan, perbuatan atau perkara yang diberikan, dikeluarkan, dibuat atau dilakukan oleh Suruhanjaya Persaingan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini yang masih berkuat kuasa dan mempunyai kesan hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan sebagai telah diberikan, dikeluarkan, dibuat atau dilakukan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan sehinggalah dipinda, dimansuhkan, dibatalkan atau digantikan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia.

(5) Apa-apa permohonan, aduan atau representasi yang dibuat kepada Suruhanjaya Persaingan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini dan masih belum selesai di hadapan Suruhanjaya Persaingan hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan sebagai telah dibuat kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan hendaklah terus diuruskan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia.

(6) Semua wang yang terkandung dalam atau yang kena dibayar kepada Kumpulan Wang Suruhanjaya Persaingan yang ditubuhkan di bawah Akta ibu di bawah pentadbiran dan kawalan Suruhanjaya Persaingan hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan sebagai menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Suruhanjaya Persaingan Malaysia di bawah pentadbiran dan kawalan Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan dibayar kepada Kumpulan Wang Suruhanjaya Persaingan Malaysia.

(7) Apa-apa aset yang dimiliki oleh Suruhanjaya Persaingan sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, menjadi aset Suruhanjaya Persaingan Malaysia.

(8) Apa-apa jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya Persaingan di bawah Akta ibu sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan sebagai telah ditubuhkan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan tertakluk kepada terma penubuhannya, terus ditubuhkan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia.

(9) Mana-mana anggota Suruhanjaya, anggota jawatankuasa, Ketua Pegawai Eksekutif, mana-mana pegawai Suruhanjaya, mana-mana pekerja Suruhanjaya atau mana-mana orang lain yang dilantik atau diambil kerja oleh Suruhanjaya Persaingan di bawah Akta ibu sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan sebagai telah dilantik atau diambil kerja oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan tertakluk kepada terma dan syarat pelantikan atau pengambilan kerjanya, terus dilantik atau diambil kerja oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 ("Akta 713").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* dan *3* bertujuan untuk meminda tajuk panjang dan tajuk ringkas Akta 713 masing-masing untuk mengadakan peruntukan bagi pertukaran nama Suruhanjaya Persaingan ("Suruhanjaya") kepada "Suruhanjaya Persaingan Malaysia".

4. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda takrif tertentu yang digunakan dalam Akta 713 berbangkit daripada pertukaran nama Suruhanjaya kepada "Suruhanjaya Persaingan Malaysia".

5. *Fasal 5, 6* dan *7* bertujuan untuk meminda Bahagian II dan seksyen 3 dan 4 Akta 713 masing-masing berbangkit daripada pertukaran nama Suruhanjaya kepada "Suruhanjaya Persaingan Malaysia".

6. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 713 untuk menjelaskan lagi bahawa fungsi Suruhanjaya dalam menasihati Menteri atau mana-mana pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa pengawalseliaan yang lain mengenai segala perkara yang berkenaan dengan persaingan hendaklah termasuk memberikan nasihat tentang polisi, tatacara dan program yang berhubungan dengan persaingan.

7. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta 713 mengenai kuasa Suruhanjaya.

Subfasal 9(a) bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 17(2)(ba) ke dalam Akta 713 untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa Suruhanjaya untuk mengenakan penalti kewangan dan caj pembayaran lewat bagi penalti kewangan bagi pelanggaran di bawah undang-undang persaingan.

Subfasal 9(b) bertujuan untuk menggantikan perenggan 17(2)(c) Akta 713 untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa Suruhanjaya untuk mengenakan fi, caj pentadbiran atau apa-apa caj lain bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Suruhanjaya atau bagi maksud pelaksanaan fungsi atau penjalanan kuasa Suruhanjaya di bawah undang-undang persaingan.

8. *Fasal 10* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 17A ke dalam Akta 713 untuk membolehkan Suruhanjaya mewakili mana-mana fungsi atau kuasanya kepada Pengerusi Suruhanjaya, mana-mana jawatankuasa, mana-mana pegawai Suruhanjaya atau mana-mana pekerja Suruhanjaya.

9. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 27 Akta 713 untuk mengadakan peruntukan bagi pertukaran nama “Kumpulan Wang Suruhanjaya Persaingan” kepada “Kumpulan Wang Suruhanjaya Persaingan Malaysia”.

10. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 38 Akta 713 mengenai pelantikan dan kuasa pegawai Suruhanjaya.

Subfasal 12(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 38(1) Akta 713 untuk memperuntukkan bahawa pelantikan pegawai Suruhanjaya boleh dibuat oleh Suruhanjaya atas syor Ketua Pegawai Eksekutif. Pindaan ini bertujuan untuk meningkatkan lagi ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pelantikan pegawai Suruhanjaya.

Subfasal 12(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 38(2) Akta 713 untuk memperuntukkan bahawa pelantikan pegawai Suruhanjaya bagi maksud penyiasatan di bawah undang-undang persaingan boleh dibuat atas syor Ketua Pegawai Eksekutif.

11. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 43 Akta 713 mengenai obligasi kerahsiaan untuk memperuntukkan bahawa kecuali bagi mana-mana maksud undang-undang persaingan atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika diberi kuasa oleh Suruhanjaya, tiada anggota Suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasanya atau mana-mana pekerja atau ejen Suruhanjaya atau mana-mana orang lain yang berkaitan boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang didapatinya dalam penjalanan kewajipannya dan yang tidak disiarkan menurut undang-undang persaingan atau menzahirkan apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Suruhanjaya.

12. *Fasal 14* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian berikutan pertukaran nama Suruhanjaya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3308]



TAKLIMAT RANG UNDANG-UNDANG PERSAINGAN (PINDAAN) 2026 DAN RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PERSAINGAN (PINDAAN) 2026

25 JUN 2026

Presented By:
Datuk Haji Iskandar Bin Ismail
Ketua Pegawai Suruhanjaya Persaingan Eksekutif
Malaysia (MyCC)

Presented to:
Jawatankuasa Pilihan Khas
Perdagangan Dalam Negeri,
Keusahawanan, Kos Sara Hidup
dan Pertanian

PROMOTING
COMPETITION,
PROTECTING YOU

Taklimat Kepada Jawatankuasa Pada 9 Jun 2026

1

Taklimat Dasar Pindaan Akta 712 dan Akta 713



2

Taklimat RUU



Rang Undang-Undang Persaingan
(Pindaan) 2026
&
Rang Undang-Undang Suruhanjaya
Persaingan (Pindaan) 2026



Sokongan dan kelulusan daripada
Jawatankuasa

2

RANG UNDANG-UNDANG PERSAINGAN (PINDAAN) 2026



3

PINDAAN RANG UNDANG-UNDANG YANG BERSIFAT EDITORIAL (MELIBATKAN 8 SEKSYEN)

AKTA 712



Seksyen 2: Perjanjian

"perjanjian" ertinya apa-apa bentuk kontrak, perkiraan atau persefahaman, sama ada boleh atau tidak boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang, antara perusahaan, dan termasuklah suatu keputusan oleh suatu **persatuan perusahaan** dan amalan bersepadu;



Seksyen 2: Pegawai Suruhanjaya

"pegawai Suruhanjaya" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Suruhanjaya Persaingan **Malaysia** 2010 [Akta 713]



Seksyen 2: Suruhanjaya

"Suruhanjaya" ertinya Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan **Malaysia** 2010.



Seksyen 10: Penyalahgunaan kedudukan dominan dilarang

(d) mengenakan syarat yang berlainan kepada transaksi yang setara dengan pihak perdagangan yang lain ke suatu takat yang boleh—
(iii) Memudaratkan persaingan dalam apa-apa pasaran yang disertai oleh perusahaan yang dominan itu atau dalam apa-apa pasaran **huluan atau hiliran**;



Seksyen 20: Akses kepada rekod, dsb

(1) Seseorang hendaklah, jika pada bila-bila masa diarahkan oleh Suruhanjaya, membenarkan **pegawai Suruhanjaya** akses kepada rekod, buku, akaun atau benda lain bagi maksud menjalankan mana-mana fungsi atau kuasa Suruhanjaya



Seksyen 22: Komunikasi terlindung

(2) Jika—
(a) Suruhanjaya membuat suatu kehendak di bawah seksyen 18 terhadap seorang peguam bela dan peguam cara berkenaan dengan apa-apa maklumat, **butir-butir** atau dokumen; dan
(b) Maklumat, **butir-butir** atau dokumen itu mengandungi.....



Pindaan dilaksanakan bagi tujuan:

- 1 Menambah baik dan memperbaiki kesilapan kecil peruntukan berkaitan.
- 2 memperjelaskan lagi peruntukan semasa bagi penguatkuasaan Akta 712 yang lebih komprehensif.
- 3 Memastikan peruntukan yang ditambah baik selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.

4



1) **Seksyen 25:** Penggeledahan dan penyitaan dengan waran



2) **Seksyen 41:** Rejim kelonggaran



3) **Seksyen 65:** Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan



4) **Jadual Kedua**



**PENAMBAHBAIKAN
PERUNTUKAN SEDIA ADA
DI BAWAH AKTA 712**



MyCC
SURUHAJARA PERDAGANGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

PENAMBAHBAIKAN

AKTA 712

Seksyen 3: Pemakaian

Kemasukkan perkataan "aktiviti ekonomi" selain daripada aktiviti komersial bagi meluaskan pemakaian Akta 712. Pindaan ini turut memberi kesan kepada interpretasi perusahaan dalam seksyen 2.

Memperuntukkan supaya Menteri mendapatkan syor daripada Suruhanjaya sebelum membuat pindaan kepada Jadual Pertama

Memperjelas skop pengecualian aktiviti berkaitan perjalanan fungsi Kerajaan

Permasalahan:
Eksploitasi oleh "persatuan" seperti kes PIAM yang menggunakan kelemahan ini untuk berhujah bahawa **sebagai sebuah persatuan**, mereka **tidak menjalankan aktiviti komersial dalam pasaran**. Kesannya, kemudian antipersaingan mereka terlepas daripada tindakan undang-undang.

KOMERSIAL ATAU EKONOMI



Meluaskan rangkuman pemakaian Akta 712 dengan merangkumi persatuan dll yang tidak melaksanakan aktiviti jual beli tetapi menetapkan perlakuan perusahaan dsb yang memberi kesan kepada persaingan di Malaysia.

Definisi "Ekonomi" juga bermaksud sistem pengendalian sumber kekayaan (kewangan, perindustrian, perdagangan dll)
*DBP edisi keempat

7



MyCC
SURUHAJARA PERDAGANGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

PENAMBAHBAIKAN

AKTA 712

Seksyen 4: Perjanjian yang dilarang

Peluasan Skop Jenis perjanjian yang dilarang

Isu dan cabaran semasa

- 1

Penyasatan terhadap perjanjian antipersaingan atau kartel terhadap kepada 2 jenis iaitu **mendatar** atau **menegak**. Oleh itu, mana-mana pihak yang bersubahat secara langsung atau tidak langsung, tidak boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan.
- 2

Contohnya adalah **kes CSR dan PPJ**. Perusahaan yang terlibat dalam aktiviti kartel tetapi tidak memasuki bidang terlepas daripada liabiliti serta tindakan penguatkuasaan.
- 3

Pendekatan amalan terbaik daripada Singapura dan United Kingdom.

Peluasan Skop Perjanjian antipersaingan yang dilarang

SEMUA BENTUK PERJANJIAN TANPA MENGIRA MENDATAR ATAU MENEGAK

Skop Penyasatan



Perusahaan yang terlibat secara langsung dalam perjanjian yang dilarang



Perusahaan yang bersubahat



MyCC boleh mengambil tindakan penguatkuasaan.

8

Seksyen 5: Pelepasan Liabiliti



Memperjelaskan syarat yang perlu dipenuhi oleh Perusahaan untuk mendapat pelepasan liabiliti di bawah seksyen 5



Memperjelaskan bahawa **beban pembuktian** untuk mendapatkan pelepasan liabiliti adalah **pada Perusahaan yang memohon.**



Memastikan bahawa apa-apa faedah yang terhasil daripada kelakuan antipersaingan itu dapat **dinikmati oleh pengguna secara saksama**



Memperketatkan syarat bahawa apa-apa **kelakuan antipersaingan yang mampu menghapuskan pesaing** adalah tidak dibenarkan

9

Seksyen 16: Penutupan Penyiasatan



MyCC wajib melakukan penyiasatan awal atau inkuiri terhadap mana-mana aduan atau arahan Menteri



MyCC boleh mengeluarkan Surat Amaran!



Sekiranya kes mempunyai merit namun berimpak kecil, MyCC Boleh mengeluarkan surat amaran agar kelakuan antipersaingan dapat dicegah.



MyCC perlu mengeluarkan ringkasan pendek berkaitan penyiasatan yang ditutup disebabkan oleh

1. Penerimaan aku janji; atau
2. bukan penggunaan terbaik sumber Suruhanjaya




MyCC boleh membuka semula siasatan bagi mana-mana kes yang telah ditutup berikutan penerimaan suatu aku janji di bawah Seksyen 43

10

PENAMBAHBAIKAN

AKTA 712

Seksyen 18: Kuasa untuk menghendaki pemberian maklumat, dsb.




11

PENAMBAHBAIKAN

AKTA 712

Seksyen 35: Langkah Interim



12



PENAMBAHBAIKAN

AKTA 712

S42: Penguatkuasaan Arahan, Dsb.



Membolehkan MyCC membawa prosiding ke mahkamah bagi memastikan pematuhan penguatkuasaan.



Mahkamah Tinggi kini diberi kuasa jelas untuk mengenakan bayaran bunga berdasarkan kadar penghakiman biasa selain daripada mengarahkan Perusahaan untuk membayar penalti dan caj bayaran lewat, sekiranya ada.

Penguatkuasaan



Langkah Interim (S35)

Arahan sementara yang dikeluarkan oleh MyCC bagi menghentikan tingkah laku yang disyaki melanggar akta sepanjang tempoh siasatan dijalankan.



Keputusan Pelanggaran (S40)

Keputusan pelanggaran rasmi yang dikeluarkan berserta dengan pengenaan arahan pematuhan atau denda penalti kewangan.



Aku Janji (S43)

Komitmen bertulis yang dikemukakan oleh perusahaan dan diterima oleh MyCC sebagai alternatif penyelesaian bagi membetulkan kesilapan persaingan.

15

PENAMBAHBAIKAN

AKTA 712

Seksyen 43: Kuasa untuk menerima aku janji



Contoh Aku Janji yang dikuatkuasakan oleh MyCC

Persatuan Pengusaha Bot-Bot Laju Menumbok

Aku Janji selaras 43 Akta Persaingan 2010
No. Pendaftaran MyCC: MYCC/08/P/18/02/0019

AKTA PERSAINGAN 2010 ("AKTA 712")

Aku janji di bawah seksyen 43 Akta 712 ("Aku Janji") oleh ANI-ANI Persatuan Pengusaha Bot-Bot Laju Menumbok, yang merupakan perusahaan bagi pautan perkhidmatan bot laju antara Menumbok dan Labuan ("Perusahaan") kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia ("Suruhanjaya").

PERUSAHAAN YANG MEMBERI AKU JANJI INI

1. Aku Janji ini diberikan kepada Suruhanjaya oleh Persatuan Pengusaha Bot-Bot Laju Menumbok ("Persatuan") No. Pendaftaran ROS: PPM-011-12-21542014, iaitu sebuah persatuan yang berdaftar di Malaysia dan beroperasi di dalam Persatuan Pengusaha Bot-Bot Laju Menumbok, Terminal Bot Menumbok, 89760 Menumbok, Sabah, bersama-sama dengan Perusahaan seperti berikut:

NO.	NAMA PERUSAHAAN	ALAMAT PERUSAHAAN
1.	Punch Express (No. Pendaftaran 33753)	Punch Express, Kampong Tepi Laut, 89760 Menumbok, Sabah.
2.	Pendana Express 2 (No. Pendaftaran 33746)	Pendana Express 2, Kampong Darat, 89760 Menumbok, Sabah.
3.	DN Trans (No. Pendaftaran 33747)	Nordin Bin Mohd Tap, Kampong Seberang, 89760 Menumbok, Sabah.
4.	Pendana Express 1 (No. Pendaftaran 33737)	Pendana Express 1, W.D.T No.17, Kampong Darat, 89760 Menumbok, Sabah.

Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd.

Undertaking under Section 43 Competition Act 2010
MyCC Reference No: MYCC/08/P/18/02/0019

COMPETITION ACT 2010

Undertaking pursuant to section 43 of the Competition Act 2010 ("the Act") by Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd. to the Malaysia Competition Commission.

PERSONS GIVING THIS UNDERTAKING

1. This Undertaking is given to the Malaysia Competition Commission ("the Commission") by Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd. ("MCM") (69924-X), a company incorporated in Malaysia and having its registered office at 372, 1st Floor, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

BACKGROUND

2. MCM is incorporated on 26 November 1999 as a private limited company. Its nature of business is providing services relating to inspection, testing, verification, re-verification, and stamping of weights, measures and instruments for weighing or measuring ("said service").
3. On 5 April 2020, the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs ("MDTCA") had appointed both MCM and De Metrology Sdn. Bhd. ("DMSB"), respectively, to provide the said services from 5 April 2020 until 4 April 2025.

Memperjelas tatacara Aku Janji

1

Aku janji

2

Boleh dilaksanakan bila-bila masa sebelum Keputusan Cadangan dikeluarkan di bawah seksyen 36

3

Boleh dikenakan syarat tambahan termasuk denda

Penyiasatan Semula Aku Janji

- perusahaan itu telah tidak mematuhi mana-mana aku janji yang diterima oleh Suruhanjaya; atau
- apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen yang diberikan oleh perusahaan itu adalah palsu atau mengelirukan dalam butir-butir yang material.

16

- 1 **Seksyen 21:** Kerahsiaan
- 2 **Seksyen 24:** Pemusnahan, penyembunyian, pencacatan atau pengubahan rekod, dsb.
- 3 **Seksyen 34:** Ancaman dan tindakan balas dilarang
- 4 **Seksyen 39:** Keputusan mengenai tiada pelanggaran larangan
- 5 **Seksyen 40:** Dapatan pelanggaran
- 6 **Seksyen 51:** Rayuan kepada Tribunal Rayuan Persaingan
- 7 **Seksyen 54:** Komposisi Tribunal Rayuan Persaingan
- 8 **Seksyen 58:** Keputusan Tribunal Rayuan Persaingan
- 9 **Seksyen 66:** Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan
- 10 **Jadual Pertama**



PENGENALAN PERUNTUKAN BAHARU DI BAWAH AKTA 712

PERUNTUKAN BAHARU

AKTA 712

Seksyen 11A: Pengenalan Kuasa untuk Mendapatkan Maklumat atau Dokumen bagi Tujuan Kajian Semula Pasaran

Seksyen 11

Bab 3

Kajian semula pasaran

Kuasa untuk menjalankan kajian semula pasaran

11. (1) Suruhannya boleh, atas inisiatifnya sendiri atau atas permintaan Menteri, menjalankan suatu kajian semula terhadap mana-mana pasaran untuk menentukan sama ada apa-apa ciri atau gabungan ciri pasaran itu menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran.

(2) Kajian semula itu termasuklah kajian mengenai—

- (a) struktur pasaran yang berkenaan;
- (b) perlakuan perusahaan dalam pasaran;
- (c) perlakuan pembekal dan pelanggan kepada perusahaan dalam pasaran; atau
- (d) apa-apa perkara lain yang berkaitan.

Selepas pindaan seksyen 11A



MyCC boleh mendapatkan maklumat atau dokumen dari pelbagai pihak termasuk Kerajaan bagi tujuan menjalankan Kajian Semula Pasaran



Adalah menjadi kesalahan jenayah sekiranya, gagal mematuhi notis mendapatkan maklumat Kajian Semula Pasaran.



MyCC boleh memohon maklumat daripada Entiti Kerajaan, tetapi tidak boleh mengenakan kesalahan jenayah.

Kajian Semula Pasaran MyCC



19

PERUNTUKAN BAHARU

AKTA 712

Seksyen 38A: Pengenalan Tawaran Penyelesaian Kes (Offer of settlement)

Tawaran Penyelesaian Kes



Membantu MyCC dalam menyelesaikan kes-kes yang disiasat dengan cepat dan efisien

Penyiasatan MyCC

S36: Keputusan Cadangan

S37: Representasi Lisan

S40: Keputusan Akhir

S51: Rayuan kepada TRP



S38A: Tawaran Penyelesaian

Boleh ditawarkan oleh MyCC kepada perusahaan pada bila-bila masa sebelum MyCC mengeluarkan keputusan akhir

Pengurangan penalti sebanyak 40% maksimum kepada mana-mana perusahaan

Merupakan fast track procedure untuk mempercepat penyelesaian kes kartel atau monopoli yang memburi

20

PERUNTUKAN BAHARU

AKTA 712

Seksyen 58A: Rayuan kepada Mahkamah Tinggi



Kes MAS – Air Asia



Keputusan Mahkamah Rayuan
(2021) yang diperakui oleh

Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa MyCC tidak boleh mencabar keputusan yang dibuat oleh Tribunal Rayuan Persaingan kerana "administrative insubordination"



Situasi Semasa

- 1 Perusahaan yang terkesan dengan keputusan TRP boleh merayu, tetapi MyCC tidak boleh semakan kehakiman sekiranya keputusan TRP tidak menyalah MyCC
- 2 MyCC tidak boleh membuat rayuan terus ke Mahkamah Tinggi kerana tiada peruntukan khas di bawah Akta 712.
- 3 MyCC perlu mengambil kira untuk memasukkan "stand alone appeal provision" dalam penguatkuasaan perundangannya.



Pindaan Seksyen 58A



MyCC mengeluarkan keputusan pelanggaran



1 Rayuan kepada CAT bagi keputusan pelanggaran



2 Rayuan ke Mahkamah Tinggi bagi keputusan pelanggaran



3 Rayuan kepada Mahkamah Rayuan bagi keputusan pelanggaran muktamad



Rayuan terhadap Persoalan Undang-Undang (Question of Law) dan Penalti Kewangan

21

PERUNTUKAN BAHARU

AKTA 712

Seksyen 64A Pengenalan kepada Perlindungan dan Seksyen 64B Ganjaran kepada Pemberi Maklumat

Keadaan Semasa



Pemberi maklumat



Tiada perlindungan

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] tidak terpakai kepada sebarang penyiasatan pelanggaran di bawah Akta Persaingan 2010



Tiada ganjaran

Tiada punca kuasa bagi tujuan pemberian ganjaran bagi pemberi maklumat yang membantu penyiasatan MyCC

Penambahbaikan selepas pindaan



Pemberi maklumat



Mendapat perlindungan

Perlindungan terhadap nama, alamat atau apa-apa maklumat lain mengenai pemberi maklumat

buku, rekod, akaun, dokumen atau data berkomputer yang dikemukakan sebagai keterangan



Boleh mendapat ganjaran


Ada punca kuasa bagi tujuan pemberian ganjaran bagi pemberi maklumat yang membantu penyiasatan MyCC

22

PINDAAN DAN PENGENALAN PERUNTUKAN DI BAWAH AKTA 713

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PERSAINGAN (PINDAAN) 2026

Pindaan Peruntukan Akta 713



Jumlah seksyen yang dipinda
(10)



Sedia ada (9)



Baharu (1)



9 pindaan
bersifat
editorial

PINDAAN RANG UNDANG-UNDANG YANG BERSIFAT EDITORIAL (MELIBATKAN 9 SEKSYEN)



Seksyen 1: Tajuk Ringkas

- 1) Akta ini boleh dinamakan Akta Suruhanjaya Persaingan **Malaysia 2010**.
- 2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta.



Seksyen 2: Tafsiran Kumpulan Wang

Ertinya Kumpulan Wang Suruhanjaya Persaingan **Malaysia** yang ditubuhkan di bawah seksyen 27



Seksyen 3: Penubuhan Suruhanjaya

- (1) Suatu pertubuhan perbadanan yang dikenali sebagai "Suruhanjaya Persaingan **Malaysia**" ditubuhkan.



Seksyen 4: Menteri Perbadanan

- (2) Sehingga suatu menteri diadakan oleh Suruhanjaya, suatu cap yang mengandungi perkataan "Suruhanjaya Persaingan **Malaysia**" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai menteri perbadanan Suruhanjaya.



Pindaan editorial dan berbangkit disebabkan perubahan nama Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 kepada Akta Suruhanjaya Persaingan **Malaysia 2010**



Pindaan ini sejajar dengan pendekatan agensi penguatkuasa dan akta-akta lain

Seksyen 16(a): Peluasan Skop Nasihat Berkaitan Perkara Persaingan

Peruntukan Semasa

Fungsi Suruhanjaya

16. Suruhanjaya hendaklah mempunyai apa-apa fungsi yang dinyatakan di bawah undang-undang persaingan dan hendaklah juga mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) menasihati Menteri atau mana-mana pihak berkuasa awam atau pihak berkuasa pengawalseliaan yang lain tentang segala perkara yang berkenaan dengan persaingan;

MyCC stands firm with the public on Touch 'n Go

By THE STAR 12 March 2017



PETALING JAYA: The Malaysia Competition Commission (MyCC) has praised the government's recent moves to address the monopoly of Touch 'n Go in the tolls and public transportation system.

Pos Malaysia welcomes MyCC review, flags competition concerns

Wednesday, 11 Feb 2016 17:42 PM MYT



PETALING JAYA: Pos Malaysia Bhd said it welcomes the release of the Market Review on the Digital Economy Ecosystem under the Competition Act 2010 by the Malaysia Competition Commission (MyCC), which provides an evidence-based assessment of competition dynamics across key digital sub-sectors, including e-commerce retail marketplaces and digital platforms.

Peluasan Skop Nasihat

1



Polisi Kerajaan

2



Tatacara Kerajaan

3



Program Kerajaan

PINDAAN PERUNTUKAN SEDIA ADA

- 1 **Seksyen 1:** Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
- 2 **Seksyen 2:** Tafsiran "Kumpulan Wang", "pegawai Suruhanjaya", "Suruhanjaya"
- 3 **Seksyen 3:** Penubuhan Suruhanjaya
- 4 **Seksyen 4:** Menteri perbadanan
- 5 **Seksyen 16:** Fungsi Suruhanjaya
- 6 **Seksyen 17:** Kuasa Suruhanjaya
- 7 **Seksyen 27:** Kumpulan Wang
- 8 **Seksyen 38:** Pelantikan dan kuasa pegawai Suruhanjaya
- 9 **Seksyen 43:** Obligasi kerahsiaan

27

PERUNTUKAN BAHARU

Seksyen 17A: Pengenalan Perwakilan Fungsi dan Kuasa Suruhanjaya

Perwakilan fungsi dan kuasa MyCC

Perwakilan kuasa dan fungsinya
(*Delegation of powers and functions of the MyCC*) bagi memastikan pelaksanaan kuasa dan fungsi MyCC dengan lebih efektif dan efisien



Pihak yang boleh diwakilkan kuasa dan fungsi

- 1 **Pengerusi MyCC**
- 2 **Mana-mana Jawatankuasa**
- 3 **Pegawai Suruhanjaya**
- 4 **Pekerja Suruhanjaya**



Perwakilan di bawah seksyen ini, tidak menghalang Suruhanjaya daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi atau kuasa yang telah diwakilkan itu bila-bila masa

28



MyCC
SIRIMUNJAYA PERSANGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

TERIMA KASIH

Malaysia Competition Commission
Level 15, Menara CIM @Sentral, 7 Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur, Malaysia.

+603 2273 2277
+603 2272 2293
www.mycc.gov.my

**PROMOTING
COMPETITION,
PROTECTING YOU**

**MESYUARAT JKP PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS
SARA HIDUP DAN PERTANIAN BIL. 14 TAHUN 2026**







**MESYUARAT JKP PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS
SARA HIDUP DAN PERTANIAN BIL. 16 TAHUN 2026**







PARLIMEN MALAYSIA



DR. 13 TAHUN 2026

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN
RANG UNDANG-UNDANG PERSAINGAN (PINDAAN) 2026
DAN RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAY PERSAINGAN (PINDAAN) 2026**

LAPORAN PROSIDING

**LAPORAN PROSIDING
JAWATANKUASA PILIHAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**

NO	LAPORAN PROSIDING	TARIKH
1.	MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN BILANGAN 14 TAHUN 2026	9 JUN 2026
2.	MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN BILANGAN 16 TAHUN 2026	25 JUN 2026



**DEWAN RAKYAT
LAPORAN PROSIDING**

**JAWATANKUASA PILIHAN
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN,
KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**

**TAKLIMAT MENGENAI PINDAAN AKTA PERSAINGAN
2010 [AKTA 712] DAN AKTA SURUHANJAYA
PERSAINGAN 2010 [AKTA 713]**

**BIL. 14
SELASA, 9 JUN 2026
PENGKAL KELIMA, PARLIMEN KELIMA BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN,
KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN
BIL.14 TAHUN 2026**

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

SELASA, 9 JUN 2026

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Cha Kee Chin [Rasah]
YB. Tuan Tan Kar Hing [Gopeng]
YB. Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]
YB. Tuan Roslan bin Hashim [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh [Pasir Puteh]

– Pengerusi

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib [Tenggara]
YB. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai]
YB. Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
YB. Tuan Edwin Anak Banta [Selangau]
YB. Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]
YB. Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]
YB. Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]

– Naib Pengerusi

URUS SETIA

Puan Hazliana binti Yahaya [Pegawai Arkib, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Berkaitan Kementerian (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Aiman Haikal bin Abdul Rahman [Pegawai Arkib, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Berkaitan Kementerian (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Ex Officio

Tuan Abdul Rahman Emang Anyie [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)]
Encik Teoh Phi Li [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Antarabangsa), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)]

Encik Nurul Fizaham bin Fijasri [Ketua Penolong Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)]

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

Puan Siti Juriani Binti Jalaluddin [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Kepenggunaan dan Persaingan)]

Puan Sabariah Binti Atan Din [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kepenggunaan dan Persaingan)]

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

YBhg. Datuk Haji Iskandar Ismail [Ketua Pegawai Eksekutif]

YBrs. Dr. Syaiful Izad Ahmad Sofi [Pegawai Khas]

Encik Ismail Faruqi Abdullah [Pengarah Bahagian Reformasi Perundangan dan Antarabangsa]

Puan Zainab Hanis Zulkifli [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Reformasi Perundangan dan Antarabangsa]

Encik Hakeem Hamzah [Penolong Pengarah Bahagian Reformasi Perundangan dan Antarabangsa]

Cik Alysha Mariam Joseph [Pembantu Penyelidik Bahagian Reformasi Perundangan dan Antarabangsa]

Cik Phoebe Teh Hui Xin [Pembantu Penyelidik Bahagian Reformasi Perundangan dan Antarabangsa]

Cik Nur Hidayah binti Zainudin [Pembantu Penyelidik Bahagian Komunikasi Strategik dan Advokasi]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN BIL. 14 TAHUN 2026

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

SELASA, 9 JUN 2026

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.18 petang

*[Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Okey, saya rasa kita boleh mulakan mesyuarat sebab dah cukup kuorum. Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam Malaysia MADANI kepada semua yang berada dalam Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 2 untuk Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian, Parlimen Kelima Belas, Bil.14/2026. Pagi tadi Bil.13, ini Bil.14. Mesyuarat kita boleh mulakan sebab dah cukup kuorum.

Bersama dengan saya di sebelah kanan, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, di sebelah kiri, Yang Berhormat Pasir Puteh yang telah berada dalam bilik mesyuarat dan ada empat orang lagi Yang Berhormat yang masih dalam perjalanan untuk hadir ke mesyuarat ini. Mesyuarat pada petang ini dengan agendanya, satu, iaitu untuk jawatankuasa mendengar, mendapatkan taklimat daripada MyCC berkenaan dengan pindaan terhadap Akta Persaingan 2021 [Akta 712] dan juga Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 713] yang memang akan ada RUU pindaan yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen dalam mesyuarat kedua yang bakal bermula pada 22 Jun akan datang.

Dan hari ini, delegasi daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Haji Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif, CEO MyCC sendiri. Selamat datang Yang Berbahagia Datuk. Saya masih ingat sebelum ini Datuk pernah datang, hadir ke mesyuarat, waktu itu saya tak panggil Datuk. Waktu itu panggil Tuan.

■1420

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tahniah.

Tuan Pengerusi: Sekarang ini— Hah tahniah. Datuk dapat *datukship last year* kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail [Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Hah *last year*.

Tuan Pengerusi: *Last year*. Saya ingat lagi. YB Menteri ada cakap dengan saya.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Okey bersama dengan Yang Berbahagia Datuk CEO adalah Dr. Syaiful Izad. Ada? Ya. Encik Ismail Faruqi? Okey. Cik Zainab, ada Cik Zainab? Ada. Encik Hakeem, ada? Tak ada? Ada. Lepas itu Cik Alysha Mariam Joseph, tak ada? Ada. Okey. Lepas itu Cik Phoebe Teh, okey. Siapa lagi ini. Lepas itu ada wakil daripada KPDN, Yang Berusaha Puan Inu Baizura Mohamad Zain, ada? Tak ada.

Puan Siti Juriani binti Jalaluddin [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Kepenggunaan dan Persaingan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)]: YB, saya menggantikan Puan Inu Baizura. Siti Juriani.

Tuan Pengerusi: Siti Juraini. Okey, selamat datang.

Puan Siti Juriani binti Jalaluddin [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Kepenggunaan dan Persaingan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Dan juga *ex officio* kita yang ada pada petang ini, Tuan Abdul Rahman daripada KUSKOP. Tuan Muhamed daripada KPKM. Eh, ini apa nama?

Encik Nurul Fizaham bin Fijasri [Ketua Penolong Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)]: Saya Nurul Fizaham bin Fijasri, menggantikan Tuan Muhamed untuk petang ini.

Tuan Pengerusi: Okey. Lepas itu Tuan Teo daripada KPDN . Lama tak jumpa Tuan Teo. Okey dan juga urus setia Parlimen yang turut serta untuk pembentangan ataupun mesyuarat pada petang ini. Jadi saya nak maklumkan ada kemungkinan besar selepas sesi ini, pihak kami, pihak Jawatankuasa akan menerbitkan penyata. Okey itu biasalah, untuk beberapa pembentangan RUU pada sebelum ini.

Jadi saya nak maklumkan pada semua ahli dalam Dewan ini tentang perkara asas iaitu ahli-ahli mesyuarat bahawa mesyuarat ini tertakluk di bawah Peraturan

Mesyuarat 85, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 [Akta 347] di mana sebarang kenyataan atau dokumen yang dibentangkan di hadapan Jawatankuasa ini tidak boleh disiarkan sehingga Jawatankuasa membentangkan penyata di Dewan Rakyat.

Saya juga ingin mengingatkan ahli-ahli mesyuarat bahawa jika sesuatu dokumen ataupun maklumat yang dikemukakan kepada Jawatankuasa dikelaskan sebagai dokumen atau maklumat terperingkat, tuan-tuan dan puan-puan yang membentangkannya perlu memaklumkan kepada Jawatankuasa. Jadi sebelum saya memulakan pembentangan, saya nak mohon kepada Yang Berbahagia Datuk CEO sebab Datuk CEO akan membuat pembentangan kan.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya.

Tuan Pengerusi: Okey. Untuk mengangkat sumpah sebagai saksi dan— okey yang angkat sumpah ini selaras dengan seksyen 18, Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 [Akta 347], di mana saksi boleh diperiksa di bawah sumpah dan dengan tanpa melengahkan masa, saya jemput Datuk CEO.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *Bismillahirrahmanirrahim*, Bahawasanya saya, Iskandar bin Ismail dengan sesungguhnya bersumpah bahawa segala keterangan yang saya berikan di hadapan Jawatankuasa ini adalah benar, tiada yang tidak benar melainkan benar belaka. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih kepada Datuk Haji Iskandar, CEO MyCC yang telah mengangkat sumpah. Dan tanpa melengahkan masa— ini YB Gopeng pun baru masuk. Saya jemput Yang Berbahagia Datuk CEO untuk memulakan pembentangan.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Terima kasih YB Pengerusi. *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Just* nak maklumkan kali pertama kami berada di dalam bilik ini, pada 10 Disember 2024, kami membentangkan taklimat dasar pindaan Akta 712 dan 713. Dan kami sekali lagi berada di sini untuk membentangkan taklimat dasar pindaan berkaitan dengan Akta 712 dan 713.

YB Pengerusi, kalau dilihat Akta Persaingan 2010 [Akta 712] dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 713] telah diwartakan pada 10 Jun 2010. Hari ini 8 Jun 2026. 16 tahun, cukup 16 tahun sejak ia diwartakan.

Tuan Pengerusi: Tak pernah ada pindaan ya?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak pernah ada pindaan.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tetapi penguatkuasaannya bermula pada 1 Januari 2012 tetapi ia cukup untuk kami datang pada hari ini untuk menyampaikan hajat kami berkaitan dengan pindaan yang telah dirancang sekian lama.

So, jadi sedikit berkenaan dengan Akta 712 adalah satu akta untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan dan demikian itu melindungi kepentingan pengguna. Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 ataupun Akta 713 adalah untuk bagi penubuhan Suruhanjaya Persaingan serta kuasa dan fungsi Suruhanjaya itu. *Next*.

Skop undang-undang Akta 712 dan 713 ada pengecualiannya kerana seperti yang kita maklum, kita ada pengawal selia sektor-sektor tertentu. Contohnya MCMC, CAAM, Suruhanjaya Tenaga. So jadi mereka ini mempunyai kuasa persaingan dalam sektor mereka sendiri. So jadi apa yang— isu-isu di bawah sektor mereka adalah di bawah kawalan mereka. Jadi MyCC tidak boleh masuk campur. So jadi kalau kita nak lihat Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang dikawal selia oleh MCMC, mempunyai kuasa persaingan terhadap pemegang-pemegang lesen mereka. Sama juga dengan Akta Suruhanjaya Penerbangan Awam 2015 mengecualikan isu-isu *aviation* (penerbangan) di bawah undang-undang mereka. Jadi MyCC tidak mempunyai kuasa. Sama juga dengan Suruhanjaya Tenaga, dalam isu tenaga, elektrik dan juga gas.

Untuk PETRONAS, dia unik sedikit. PETRONAS kerana ia adalah di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan Peraturan-Peraturan Petroleum 1974. Aktiviti Huluhan ataupun *at upstream*, cari gali contohnya adalah dikecualikan daripada aplikasi Akta 712 dan Akta 713 tetapi untuk *downstream* ataupun hiliran, adalah di bawah bidang kuasa MyCC. Tetapi seperti yang kita tahu, PETRONAS bukan adalah satu badan kawal selia. So, *next*.

So, bagaimana kita melindungi proses persaingan? Dalam perundangan persaingan ini ada tiga tunjang utama. Tiga tunjang utama itu supaya kita untuk membolehkan kita untuk melindungi proses persaingan ini, kita mengadakan tiga perkara. Satu adalah larangan perjanjian anti-persaingan atau lebih dikenali sebagai kartel.

Keduanya, larangan penyalahgunaan kedudukan dominan atau monopoli dan ketiganya, adalah mesti ada rejim kawalan percantuman ataupun *mergers and acquisition regime*. Tetapi apabila MyCC ditubuhkan dan akta itu mula dikuatkuasakan, sampai hari ini MyCC tidak mempunyai tunjang yang ketiga iaitu

rejim kawalan percantuman. Dan Suruhanjaya boleh mengenakan penalti kewangan jika berlaku kartel ataupun penyalahgunaan kedudukan dominan atau monopoli, penalti kewangan sehingga 10 peratus daripada jumlah pusing ganti di seluruh dunia boleh dikenakan terhadap pihak-pihak industri yang melanggar Akta 712. *Next*.

Akta 712 juga menjadikan MyCC ini sebagai badan separa kehakiman ataupun quasi-judicial body. Kalau kita nak bandingkan, contohnya SPRM. Mereka menjalankan siasatan tetapi mereka tidak menjalankan pendakwaan. Yang akan menjalankan pendakwaan adalah Peguam Negara dan akan diadili sama ada bersalah atau tidak oleh seorang hakim ataupun tiga orang hakim, lima orang hakim ya, bergantung kepada tahap kes itu.

■1430

Tetapi MyCC ini, disebabkan dia adalah badan separa kehakiman, Suruhanjaya Persaingan Malaysia ini boleh menjalankan siasatan, membuat keputusan dan juga mengenakan penalti. *Everything is under one roof* ya. Pada masa yang sama, MyCC diberi kuasa di bawah Akta 713 ini. Kita boleh menjalankan penyiasatan dan penguatkuasaan, menjalankan advokasi, membuat kajian semula pasaran, menjalankan program pematuhan, memberi nasihat polisi dan pandangan ekonomi kepada kerajaan sahaja ya dan boleh menjalinkan hubungan antarabangsa. Jadi, kuasa MyCC ini banyak, penyiasatan dan penguatkuasaan bukan hanya tugas utama MyCC itu.

So, jadi saya nak terangkan sedikit bagaimana ya. Tadi saya dah terangkan MyCC jalankan siasatan, MyCC buat keputusan, MyCC kenakan hukuman. So, jadi kalau kita lihat prosedur MyCC dalam mencapai satu keputusan akhir sama ada pihak itu melanggar Akta 712 atau tidak. So, jadi dia selalunya bermula daripada aduan sebab aduan — banyak kes kita berpunca daripada aduan.

So, jadi daripada aduan itu kita buat siasatan awal ataupun penilaian. Jika ada isu, barulah kita buat penyiasatan berkaitan dengan isu-isu persaingan itu. Setelah selesai penyiasatan itu, kita keluarkan keputusan cadangan. *It's like* macam kalau di mahkamah kalau kita nak bandingkan ianya di mana OKT itu dipanggil membela diri di mana prima facie, kes prima facie telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. So, jadi samalah, lebih kurang kalau kita nak sama tarafkanlah.

So, jadi keputusan cadangan itu memberi ruang kepada pihak yang dikatakan melanggar itu memberikan representasi bertulis atau lisan atau kedua-duanya sekali. So, jadi daripada representasi itu dan juga bukti-bukti yang kami ada melalui penyiasatan dan keputusan cadangan itu kami akan timbal dan dari situ kita buat

keputusan akhir. Jika tiada pelanggaran, kita keluarkan keputusan di bawah seksyen 39. Kalau ada pelanggaran, kita keluarkan keputusan di bawah seksyen 40.

Tetapi pihak-pihak yang didapati melanggar ini ataupun jika kita keluarkan dapatan tiada pelanggaran, mana-mana pihak yang terkesan dengan keputusan MyCC ini boleh buat rayuan kepada Tribunal Rayuan Persaingan. Selalunya setakat ini yang membuat rayuan adalah pihak-pihak yang didapati melanggar Akta 712. Tidak pernah lagi orang selain daripada pihak-pihak yang disiasat dan didapati melanggar itu merayu.

So, jadi mereka boleh merayu kepada Tribunal Rayuan Persaingan. Tribunal Rayuan Persaingan ini adalah satu badan yang bebas, tidak ada kena mengena dengan MyCC. Ia adalah — Presidennya adalah seorang Hakim Mahkamah Tinggi dan juga terdapat lebih kurang 12 hingga 15 panel yang terdiri daripada bekas-bekas hakim, peguam bela dan peguam cara dan sebagainya yang dilantik oleh KPND. So, jadi kalau dia tak puas hati lagi dia boleh pergi Mahkamah Tinggi, kemudian ke Mahkamah Rayuan dan seterusnya yang terakhir adalah Mahkamah Persekutuan.

Tuan Pengerusi: Datuk.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: Berbalik pada carta rayuan tadi, berkenaan dengan Tribunal Rayuan Persaingan, diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: ...yang masih berkhidmatlah?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Anggota?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Anggota...

Tuan Pengerusi: Dia jumlah besar tribunal itu berapa orang?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dia yang saya dimaklumkan adalah 12 hingga 15.

Tuan Pengerusi: 12 hingga — dan setiap kali *seating* itu dia berapa orang?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Terpulang kepada mereka, ada yang tiga, ada yang lima. Dia mesti *odd numbers*.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Yang paling banyak yang kami pernah hadapi adalah lima.

Tuan Pengerusi: Lima?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey. Kalau dia tak puas hati dengan keputusan oleh MyCC, boleh tak dia *bypass* tribunal terus pergi Mahkamah Tinggi?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Boleh.

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] *Judicial review*.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dia pergi *judicial review*. Itu adalah di bawah undang-undang yang asing yang berasingan di bawah *Rules of the Court*.

Tuan Pengerusi: Okey. Maknanya dia bergantung kepada pihak yang terkesan itu.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Dia nak pergi tribunal dulu, lepas kalau tribunal masih tak puas hati baru nak pergi mahkamah ataupun dia kata, “*Tak payah tribunal, saya pergi mahkamah terus*”, dua-dua boleh?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dua-dua boleh, tetapi selalunya apa yang mereka lakukan adalah pada tahap keputusan cadangan itu mereka sudah bawa ke Mahkamah Tinggi untuk *judicial review*, semakan kehakiman.

Tuan Pengerusi: So, dia maknanya dia *bypass* tribunallah?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dia *bypass* MyCC pada — tapi ada juga pihak yang dia guna kedua-dua *channel* di mana mereka pergi ke Mahkamah Tinggi untuk *contest* kita punya keputusan cadangan. Pada masa yang sama, dia *contest* keputusan akhir kita di Tribunal Rayuan Persaingan.

Tuan Pengerusi: Dia boleh buat dua-dua serentak?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, ya, ya. Kita tidak — yang semakan kehakiman itu adalah satu keputusan mahkamah. So, jadi selalunya dia punya *threshold* untuk mendapat *leave for judicial review* itu rendah. So, jadi selalunya mereka akan dapat.

Tuan Tan Kar Hing: Tuan Pengerusi, kalau sistem kehakiman yang ada, kalau mohon *injunction* kah, *judicial review*, di proses yang sebelum itu dia akan tangguh. Tapi ini tribunal kalau dia dua-dua serentak, maknanya tribunal dia akan tetap jalanlah, tak perlu nak tunggu keputusan *judiciary*...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, ya dia akan tetap...

Tuan Tan Kar Hing: ...*Review*, semua itu, kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Yes, yes. So, jadi dia ada dua peluanglah. Kalau dia ada orang kata mampu untuk berbuat demikian, dari segi kewangan dan sebagainya, so jadi dia — mereka mempunyai peluang. Itu adalah bagaimana

perundangan di Malaysia itu. Bukan sahaja disebabkan Akta Persaingan itu, tetapi juga perundangan-perundangan yang lain. *Next*,

So, jadi sepanjang 14 tahun lebih, sebab Akta 712 ini dikuatkuasakan bermula 1 Januari 2012. Sekarang dah 8 Jun 2026, so, jadi lebih 14 tahun. Kami telah mengeluarkan 16 keputusan akhir yang didapati ada pelanggaran, 11 keputusan akhir yang tiada pelanggaran. Tak semua yang bersalah yang kita siasat dan juga ada lima keputusan cadangan yang masih dalam proses untuk penentuan sama ada ada pelanggaran atau tidak ada pelanggaran. Untuk keputusan cadangan ini ada 142 perusahaan.

So, jadi pada masa yang sama kita sedang menjalankan 14 penyiasatan yang melibatkan kes tipuan bida dalam perolehan kerajaan dan juga kes kartel penetapan harga. Kami juga telah mengeluarkan aku janji dan juga surat amaran secara pentadbiran kepada pihak-pihak tertentu dan kami telah melakukan penilaian sebanyak terhadap 2,217 aduan dan telah menerima 18 arahan menteri dan 55 penyiasatan yang bermula atas inisiatif MyCC sendiri. Itu adalah rekod-rekod penyiasatan dan penguatkuasaan MyCC.

Pada masa yang sama, seperti yang saya cakap tadi, MyCC mempunyai kuasa-kuasa yang lain. Jadi kami telah memberi nasihat dasar kepada kerajaan, lebih daripada 150, analisis ekonomi, lebih kurang 40 dan advokasi kami telah menjalankan hampir 500 program advokasi seluruh Malaysia daripada tahun 2011 sampailah sekarang. Okey.

So, jadi kita pergi kepada pindaan akta. Ini *just to recall* apa yang telah berlaku sebelum ini. Semasa kita — *we appear before you on 10th December 2024*, dengan izin. Pada masa itu, pembentangan dasar pindaan kami ini, kami menumpukan kepada pengenalan rejim kawalan percantuman. Tetapi pada kali ini disebabkan ada perubahan polisi kerajaan, kami telah mengeluarkan rejim kawalan percantuman dari pindaan itu tetapi kami masih lagi akan membawa pindaan terhadap kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan MyCC.

Pengenalan rejim kawalan percantuman ini telah dikeluarkan untuk diselaraskan di bawah Strategi A6.2 melalui Rancangan Malaysia yang Ketiga Belas dan juga tiada perubahan dengan berkaitan dengan Akta Suruhanjaya Persaingan [Akta 713] ya. *So, next*.

So, jadi, *in a nutshell* ya, sebab ini adalah kertas taklimat dasar ya. So, jadi apa yang kami lihat, ini *just to give you a taste of what is going to be* dalam pindaan itu. Jadi, kita merancang untuk mengenalkan kuasa untuk mendapatkan maklumat

atau dokumen untuk tujuan kaji semua pasaran ya. Kami mempunyai cabaran untuk mendapat maklumat ataupun data, dokumen dari pihak – pihak tertentu di luar sana untuk melengkapkan kajian semula pasaran kami ya. Yang kedua, kami akan mengenalkan kuasa secara perundangan yang utuh untuk mengeluarkan surat amaran kepada pihak – pihak yang telah disiasat supaya ia juga boleh dijadikan satu pelurulah, orang kata, kalau dia melakukan sekali lagi, apa yang surat amaran ini boleh dijadikan suatu *aggravating factor* dalam penentuan penalti mereka.

Pada masa yang sama, kita akan mengenalkan kepada tawaran penyelesaian kes. Kami, okey, beranggapan bahawa, kalau ada sabotaj ekonomi berlaku di dalam pasaran, ianya perlu diselesaikan secara secepat mungkin seperti yang saya maklumkan tadi. Pihak- pihak ini, dia mengambil peluang untuk pergi ke Mahkamah Tinggi, dia pergi dekat TRP dan sebagainya untuk melambat-lambatkan keputusan itu. So, kita ikut *best practices*.

So, jadi kita mengenalkan tawaran penyelesaian kes. Apabila contohnya, kita keluarkan keputusan cadangan, so dia boleh terus mengaku salah dan dia boleh dapat *discount* terhadap penalti itu ya. Dan pada masa yang sama, rayuan kepada Mahkamah Tinggi ya. Okey ini adalah isu yang kompleks di mana kita, MyCC telah menghadapi satu kes ini di mana kita telah mengeluarkan keputusan akhir terhadap kes kartel Malaysia Airlines dan AirAsia tetapi telah – Mahkamah Rayuan telah membatalkan keputusan kami.

Di situ – salah satu *effectnya* adalah kalau MyCC kalah di peringkat Tribunal Rayuan Persaingan, kami tidak boleh bawa pada peringkat semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi. Tetapi kalau pihak – pihak yang disiasat telah didapati melanggar dan telah dan kalah pada peringkat Tribunal Rayuan Persaingan, mereka boleh pulak buat, apa ini, semakan semula. MyCC tak boleh, tapi pihak – pihak yang disiasat boleh.

So, jadi kami akan membuat pindaan berkaitan itu dan juga kami akan mengenalkan juga dengan lebih luas lagi, skop perlindungan dan juga mengenal ganjaran kepada pemberi maklumat sebab kami dapati bahawa banyak, apa ni pemberi maklumat yang datang kepada kami tetapi mereka apa ni, apa orang kata, membatalkan hasrat apabila mereka mengetahui tiada ganjaran dan sebagainya ya.

Ini kita ikut *best practices*, macam pihak kastam ada memberi ganjaran kepada pemberi – pemberi maklumat mereka.

Nombor 6, perluasan skop perjanjian yang dilarang bagi memastikan pihak bersubahat boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan. So, dalam Akta 712 ini,

siapa yang bersubahat, kami tidak boleh mengenakan tindakan penguatkuasaan terhadap mereka. Contohnya, dalam Seksyen 4 mengatakan bahawa, terdapat dua jenis perjanjian; perjanjian *horizontal* ataupun mendatar ataupun *vertical agreement* perjanjian menegak. Tetapi, contohnya kalau *horizontal agreement* atau perjanjian mendatar dalam isu kartel tipuan bida dalam perolehan awam. Yang membida sahaja boleh dikenakan tindakan. Tetapi yang menolong itu, pihak – pihak yang membida itu, yang bersubahat, yang sediakan ikan, apa harga, sediakan logistik dan sebagainya, kami tidak boleh mengambil tindakan apa-apa.

So, jadi *that's why* kita luaskan skop perjanjian itu.

Tuan Tan Kar Hing: Datuk, boleh saya tanya soalan, Pengerusi?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Tan Kar Hing: Ada dua soalan. Satunya tentang apa ini, dia dah nilai kan nilai ambang yang dia — barulah dia akan ambil tindakan kan? Apakah...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha, tak ada, tak ada.

Tuan Tan Kar Hing: Tak ada?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak ada. Itu, itu untuk rejim percantuman.

Tuan Tan Kar Hing: Percantuman sahaja?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha.

Tuan Tan Kar Hing: So, ini memang tak ada?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak ada.

Tuan Tan Kar Hing: Dia, dia setakat...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Janji signifikan.

Tuan Tan Kar Hing: Signifikan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha, dia mempunyai kesan signifikan kepada pasaran.

Tuan Tan Kar Hing: Oh, signifikan itu bagaimana nak buat tafsiran itu ya?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Kalau kamilah ya?

Tuan Tan Kar Hing: Haah, ya.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Saya nak bagi contoh yang mudah ya. Kalau kita nampak di jalan rumah, depan rumah kita ada lima peniaga nasi lemak ya, kita tahu mereka ini mengenakan harga yang sama disebabkan kartel, kami tak akan ambil tindakan sebab itu hanyalah berlaku pada kawasan itu sahaja, jalan itu sahaja. Tetapi kalau ia berlaku di dalam satu negeri ya, satu daerah ataupun melibatkan contohnya lebih 80 syarikat tetapi kawasan dia kecil sahaja, kami akan ambil tindakan. Sebab bila kita cerita fasal signifikan itu, definisi signifikan itu bagaimana

dia mengherot-benyotkan pasaran itu. Ini apa orang kata, membuat apa ini, pasaran itu apa ini, terganggu ya.

So jadi, kalau contohnya baru-baru ini kita ada mengambil tindakan mengeluarkan keputusan cadangan terhadap apa ini, 81 syarikat yang mengendalikan apa ini, umrah, servis umrah, jadi dia mempunyai impak yang tinggi ya, walaupun dia melibatkan *small and medium enterprises*. So jadi, dia bergantung.

Ada juga yang kita mengambil tindakan terhadap dua syarikat, tetapi dia melibatkan amaun yang besar, perolehan besar. Contohnya melibatkan RM200 juta tender kerajaan. Jadi, kami ambil juga tindakan, bergantung. Tetapi yang kecil-kecil itu, sebab itu kami keluarkan surat amaran ya. Surat amaran kata ataupun kita buat advokasi dan sebagainya ya — dan sebagainya. Itu saja, ya.

So jadi, untuk pindaan peruntukan Akta 713 ya, kami akan menumpukan kepada pindaan perluasan skop nasihat berkaitan perkara persaingan termasuk polisi kerajaan, tatacara dan program kerajaan dan juga pengenalan perwakilan, fungsi dan kuasa suruhanjaya ataupun *we can delegate powers to our own members of the Commission* ataupun *MyCC officers themselves or any committees under MyCC*. So jadi, untuk melancarkan fungsi MyCC dalam melaksanakan ataupun menguatkuasakan perundangan persaingan itu.

So jadi, arah ke hadapan dan hala tuju pindaan akta adalah okey, mendapatkan — kita telah mendapat kelulusan MJM dasar okey, pada dalam bulan Mei 2026 ya. So jadi, *target* kita adalah untuk apa ini, *at least* bacaan pertama pada minggu pertama Mesyuarat Kedua Parlimen yang bermula pada 22 Jun. Kami dijadualkan untuk membentangkan MJM pindaan itu minggu depan. So jadi, pindaan itu telah mendapat kelulusan AGC ya, dan kita akan *appear* balik di hadapan jawatankuasa ini setelah bacaan pertama. Setelah bacaan pertama kan?

Tuan Pengerusi: Setelah bacaan pertama. Dia *gap* antara bacaan pertama dengan kedua itu berapa hari? *[Ketawa]* Kadang itu sangat singkat.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya. Kita...

Tuan Pengerusi: Saya lebih menjurus kepada seandainya boleh, kita dalam — sebab saya, saya nak sebut secara terbuka, ini untuk rakan-rakan Yang Berhormat ya, kalau pagi tadi itu, varieti itu sangat kata orang panas, ini *cool*, ini *cool*. Ini saya tak jangkakan ada macam tadi. Sebab untuk makluman Datuk Iskandar, pagi tadi kami ada bincang satu RUU bawah KPKM. Itu memang kami ada pandangan yang berbeza dan memang kami kata *sorry, you have to come back again*. Okey, dia berbeza dengan ini. Ini memang saya menjangkakan memang ada soalan, tapi

smooth lah. Sebab saya masih ingat saya pergi pejabat Menteri itu dalam *last month*, berjumpa dengan YBM. Sebab itu yang tetapkan hari ini untuk kita berjumpa. Memang YBM sendiri cakap dengan saya, tak banyak. Tak banyak *compared* dengan yang Datuk Iskandar hadir ketika itu, pada hujung tahun 2024, itu lagi banyak.

Cuma saya nak bawa satu persepsi yang positif, yang baik adalah kalau sudah bacaan pertama baru kita buat sesi yang terakhir itu, dia nampak macam semuanya sudah — kata orang sudah tersurat. *[Dicelah] [Ketawa]* Nak, nak — saya rasa itu. Maknanya, okeylah. *Bluebill* itu atas meja dah sebab bacaan pertama itu *bluebill* lah. Boleh dikatakan 22 hari bulan Jun atas meja itu, katakan kami masuk dalam 9.00 lebih nampak ada *bluebill* itu, maknanya hari itulah YBM akan bentangkan bacaan pertama.

■1450

Lepas itu kalau katakan hari itu kita buat sesi, nampak sangat benda itu dah kira dah *everything* dah *settled out* dah. So, seandainya boleh sebenarnya saya lebih menjurus kepada kita bincang. Bukan nak kata kita nak buat pindaan besar-besaran, tidak. *At least* biar nampak benda itu lebih tersusun, lebih molek, lebih kata orang nampak ada sesi libat urus yang sebenar.

Tapi cuma kalau hari pertama, hari pertama sudah ada *blue bill* itu, nampak sangat. Bila kita nak jumpa lagi? Sebab saya tengok cadangan tarikh dia, dia dua pilihan? . Tapi sekarang *you* ambil pilihan pertama, betul tak?

Datuk Haji Iskandar Ismail: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Sebab YBM hari itu sebut Mesyuarat Kedua. Saya tanya beliau, “*Hanya untuk bacaan pertama ataupun clear?*” Dia kata bacaan, “*Pertama, kedua, ketiga*”. Maknanya memang ada kemungkinan *you* buat hari yang apalah, yang awallah. Sebab antara bacaan pertama dan kedua pun ada *gap* sikit juga. Hari pertama itu mungkin bacaan pertama. Itu mungkin masuk minggu kedua baru bacaan kedua.

Tuan Tan Kar Hing: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tak masuk lagi taklimat.

Tuan Pengerusi: Itulah, taklimat itu yang jadi apa. Sebab hari ini, kita bincang pasal dasar. Saya tengok slaid ini pun dasar. Dia tak melibatkan fasal ke fasal. Seksyen itu tak apa, kan? Saya memang— sebab tadi saya ada nampak satu Datuk ada sebutkan, *next week* akan rujuk kepada Jemaah Menteri?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya. Kita akan...

Tuan Pengerusi: Kami tak mahu mendahului Jemaah Menteri, sebab itu saya tak mahu tanya mana perginya fasal ke fasal. Sebelum pergi Jemaah Menteri, kami tak mahulah berlagak macam lebih hebat, lebih ke depan dari Jemaah Menteri. Jadi, cuma tinggal bila saja nak ini. [*Dicelah*] *Blue bill* itu.

Saya harapkan satu— ini permintaan saya. Saya harap, kalau boleh kita jumpa dulu sebelum bacaan pertama. Tapi biar ikut protokol dia, Jemaah Menteri dulu.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: Jemaah Menteri dulu, lepas itu baru JKP, lepas itu baru bacaan pertama. Saya rasa rakan-rakan semua boleh bersetuju perkara ini.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Saya akan maklumkan kepada Menteri dengan cadangan itu.

Tuan Pengerusi: Saya sebenarnya saya yakin RUU ini dia tak melibatkan perkara yang *super* sensitif, yang mana kita kena dengar pandangan, ada benda yang kontroversi. Ada yang berkenaan dengan kepentingan pemegang taruh dan sebagainya.

Jadi, memang saya yakin dalam Mesyuarat Kedua yang empat minggu itu memang boleh kita luluskan. Sebab dia nampak yang— sebab itu saya memang ada cadangan nak sediakan penyata jawatankuasa untuk menyokong. Sebab itu Datuk Iskandar angkat sumpah tadi itu. Ada sebab itu. Kalau rakan-rakan Yang Berhormat, pagi tadi Ketua Pengarah Pertanian saya tak minta dia angkat sumpah. Sebab tak ada penyata. Itu nampak sangat itu saya dah memang dari awal lagi saya dah nampak ada beza dia. Jadi, saya minta Datuk CEO tolong ini kalau— cadangan daripada kami. Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Kami ambil maklum, YB Pengerusi.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Ringkas.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya?

Dato' Rosol bin Wahid: Pindaan ini nampak *straight forward* saja. Cuma nak mantapkan lagi akta yang sedia ada.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Yes.

Dato' Rosol bin Wahid: So, tak ada benda yang nak di-*dispute*. Cuma, apa yang dikatakan oleh Pengerusi tadi kita tak nak *bypass* Menteri. Maknanya, kalau katakan *bypass* Menteri ini kita buat *very short meeting* pun okey. Kalau nak *rush* untuk *next seating*, untuk *coming seating* ini. Saya rasa sebab ini tak kacau sangat.

Sebab dalam dia punya akta pun tak banyak pindaan itu pun. Cuma nak mantapkan lagi yang dah ada itu. Maknanya tak ada— teknikal pun tak banyak. Jadi, benda ini *very simple* sahaja.

Tuan Pengerusi: Dia tak ada benda yang kata orang panas.

Dato' Rosol bin Wahid: Tak panas.

Tuan Pengerusi: Panas itu mungkin kita kena fikir dan kaji.

Dato' Rosol bin Wahid: Dan nak memberi kuasa itu lagi kepada MyCC dan juga memberi dorongan kepada pemberi maklumat, contoh. Jadi, itu benda-benda yang wajar. Saya rasa dalam Dewan pun tak ada orang bangkang pun benda ini, saya rasa. Cuma kita nak ikut *flow* itu.

Tuan Pengerusi: *Flow* itu.

Dato' Rosol bin Wahid: Nak ikut *flow* itu. Itu pandangan, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya rasa macam ini, kalau betul— ini minta mungkin Datuk CEO bincang dengan kementerian, dengan YBM tengok bila. Mungkin hari pertama sidang pun kita buatlah satu mesyuarat yang ringkas itu, *simple* saja. Dia mesyuarat itu saya tak jangkakan dua jam, tiga jam. Mungkin bawah satu jam itu kita boleh *clear*. Saya rasa fasal yang terlibat pun tak banyak, kan? Berapa fasal?

Datuk Haji Iskandar Ismail: 67.

Tuan Pengerusi: Yang terlibat?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Yang terlibat. Tapi dia tak— substantif itu...

Tuan Pengerusi: Ya, substantif.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Substantif itu tak hampir separuhlah. Maksud saya yang lain itu macam editorial. Itu. Jadi, lebih separuh editorial.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Yang itu kurang daripada separuh itu..

Tuan Pengerusi: Substantif lah?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Substantif *in a sense that* kita tambah baik, kita perkenalkan...

Tuan Pengerusi: Kami ini senang saja, kalau benda yang tambah baik untuk kepentingan, kami tak *argue* dah. Kami *line clear* saja. Itu pengalaman kami. Jadi, kalau cuba *check*-lah kalau hari pertama kalau boleh tolak hari kedua kah. Biar hari pertama petang itu kita terus buat mesyuarat.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Okey, boleh.

Tuan Pengerusi: Kita untuk ini dengan— Yana, tolong. Saya rasa dalam satu jam, satu jam lebih begitu kita *settle*

Datuk Haji Iskandar Ismail: Okey, boleh.

Tuan Pengerusi: Okey. Datuk, minta teruskan.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya. So, jadi seperti yang dicadangkan oleh jawatankuasa ini, kami akan berbincang dengan pihak Menteri dan KPDN. Jadi ialah hasrat kami adalah untuk mendapat kelulusan Parlimen kalau boleh dalam Mesyuarat Kedua inilah. Sebab sudah lama kami membuat perancangan dan membuat segala usaha untuk pindaan ini.

Jadi, akhir sekali adalah kalau boleh dia diwartakan dalam tahun ini juga supaya kami boleh membuat tindakan penguatkuasaan yang lebih efisien dan efektif dari situ. Itu saja, YB Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih kepada Datuk Haji Iskandar, CEO MyCC yang memberikan pembentangan secara dasar. Saya rasa dari segi dasar ada tak apa-apa soalan, YB-YB? Ya, Gopeng.

Tuan Tan Kar Hing: Saya ada satu soalan sahaja. Sebab melihat kepada pindaan akta ini selalunya yang dibangkitkan oleh syarikat-syarikat korporat di luar sana adalah— tapi saya setuju, ini bukan pendirian saya. Saya setuju perkara ini kena diperkasakan, kuasa MyCC dalam mengatasi masalah-masalah kartel, monopoli dan sebagainya.

Tapi selalu dipertikaikan adalah kuasa terlalu besar diberikan kepada MyCC sehingga ada syarikat-syarikat dalam negara yang kecil yang nak buat konsolidasi dan sebagainya, dia akan ada unsur-unsur pelanggaran akta tersebut. So, ini selalunya akan disebutkan. Dia ada risiko, dia kena ada kos profesional yang lebih besar untuk dia nak melalui proses itu dan perkara itu menjadikan mereka tak kompetitif berbanding dengan platform-platform yang lain dan sebagainya.

So, tujuannya adalah mengambil tindakan terhadap korporat-korporat yang besar, digital platform kah, syarikat-syarikat besar. Tetapi akhirnya mungkin akan ada kesan terhadap syarikat-syarikat yang sederhana yang nak *consolidate*, nak menjadi besar. Dalam proses itu mungkin akan melanggar, ada risiko melanggar akta ini.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Okey, dia ada dua bahagian bercampur dalam itu, YB. Satu, YB telah menyentuh isu rejim kawalan percantuman yang telah dikeluarkan dari pindaan ini. Ya memang betul dan *the second part is that* di mana syarikat itu bila bergabung, dia menjadi monopoli ataupun jadi dominan dalam pasaran itu. Kita kalau cerita pasal dominan ini, *60 percent and above*. Kalau dia kawal pasaran itu 60 peratus ke atas, dia dikira dominanlah .

So, jadi dia ada dua isu di situ. Yang pertama kita tak boleh ambil tindakanlah seperti sekarang ini apa yang berlaku di Malaysia ini. Syarikat-syarikat simen dan sebagainya bergabung. So, jadi kita tak boleh ambil apa-apa tindakan. Kita tak boleh menahan mereka. Sebab kami tak ada kuasa rejim kawalan percantuman itu. Itu maksudnya rejim kawalan percantuman. Rejim kawalan percantuman ini kalau kita nak sentuh sedikit, ada syarikat-syarikat yang menggunakan percantuman ini atau *mergers and acquisition* ini untuk menghalalkan kartel mereka.

Sebab mereka tahu mereka tidak boleh buat kartel penetapan harga dengan *competitor* dia. Jadi, apa dia buat dia beli *competitor* dia. So, bila dia beli *competitor* dia, dia boleh tetapkan harga sebab itu dah syarikat dia dah. So, *it's a backdoor*-lah. *It's a backdoor activity*-lah *by certain big companies and whatnot*.

The second part yang cakap dominasi dan sebagainya. Okey, dalam perundangan persaingan ini, polisi ataupun *spirit of the law of under* Akta 712 ini adalah jadilah sebesar mana yang kamu hendak, tidak salah.

■1500

Tetapi ia menjadi satu pelanggaran apabila kamu mula membuat masalah dalam pasaran. Membuli kamu punya pesaing-pesaing yang kecil atau menutup pasaran supaya kamu kekal monopoli. So, itu yang terjadi kepada MyEG. MyEG Services yang kena RM10.3 juta penalti kewangan. Itu yang jadi kepada Dagang Net dan sebagainya yang telah kena lebih kurang RM9.6 juta ya.

Tuan Tan Kar Hing: Tapi kalau Datuk kata macam tu, bagaimanakah dengan produk-produk yang kita *direct import* daripada luar negara? Adakah dia tertakluk kepada akta ini?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak jadi masalah...

Tuan Tan Kar Hing: Contoh, contoh...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Kecuali, kecuali — Contoh di syarikat besar, contohnya ya. Kita ambil contoh *Google* lah, dia bawa satu produk yang besar. Jadi dia nak kawal pasaran di Malaysia. Jadi dia rendahkan harga dia di bawah kos. Jadi dia membunuh syarikat-syarikat yang lain yang ada itu. Itu menjadi satu isulah.

Tuan Tan Kar Hing: So, maknanya pindaan ini akan berkuat kuasa terhadap syarikat-syarikat yang luar yang masuk ke dalam pasaran Malaysia juga?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Yes, *provided that* dia adalah dominan.

Tuan Tan Kar Hing: Okey, saya bagi contoh Datuk, kalau ini benar kan. Saya bagi contoh: saya bertemu dengan syarikat-syarikat pembuatan elektronik *aircond*, Acson-nya, Daikin-nya, Panasonic-nya, dan sebagainya. Dan produk-produk lain

pun saya rasa ada masalah yang sama sebab lambakan produk murahan besar-besaran daripada negara-negara, contohnya China. Dia datang ke sini, dia jual pada harga yang lebih murah banyak berbanding dengan *local manufacturer* walaupun *branding* dia luar negara. Lambakan tak? Tak ada lambakan sebab harga dia di negara dia, dia tak rendah daripada harga asal negara dia. So, dia tak berlakunya unsur lambakan. So...

Datuk Haji Iskandar Ismail: *Anti-dumping issue is not under...*

Tuan Tan Kar Hing: Ya, *I know that one is under MITI, I know.*

Datuk Haji Iskandar Ismail: Yeah.

Tuan Tan Kar Hing: So, adakah benda ini akan menjadi sesuatu isu berlaku bawah akta ini?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Saya rasa ya, *it will put us under dilemma* sebab pengguna nak harga murah.

Tuan Tan Kar Hing: Ya, ya, ya, saya nak tanya. *That's why* nak tanya.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tetapi yang kacaunya adalah peniaga-peniaga yang ada di Malaysia ini, *the local champions*.

Tuan Tan Kar Hing: Yes, yes, sebab dia juga mengganggu pasaran.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Tan Kar Hing: Dia mengganggu ekosistem. Dia mengganggu segala-galanya.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya. So, jadi...

Tuan Tan Kar Hing: *But how do you define that?* Itu pun kita kena tengok juga dia punya kalau dia hanya *local manufacturer, local product* dan sebagainya, ok tak? *But now you're talking about import* pun termasuk dalam itu, kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya lah, *outsider*.

Tuan Tan Kar Hing: Semua kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dia selalunya produk-produk daripada China tetapi sekarang ni, itulah yang saya katakan kami boleh ambil tindakan dalam dua isu. Dia masuk dekat Malaysia, okey empat, lima syarikat contoh ya. Empat, lima syarikat dia kata, "*Okey, kita tetapkan harga tak lebih daripada 1,000 satu unit, yang lain 1,500.*" Kita tahu kita dah *check* — semak pasaran itu selalunya *1.5 HP aircond is RM1,500 and above. So, jadi, they go for RM1,000.* Empat, lima *company* terus — Itu kami boleh siasat isu kartel, okey.

Keduanya bila satu syarikat besar, syarikat *aircond* yang besar, yang boleh orang kata boleh telan satu pasaran Malaysia tu. Tiba-tiba dia datang, dia jatuhkan

harga dia supaya yang lain tak boleh lawan dengan dia punya harga dan produk dia. Lepas tu, *let's say* ada enam syarikat *aircond* Malaysia, dia ada satu sahaja. Tapi dia dapat kawal tu dalam masa enam bulan, yang lain enam tu dah bungkus. Lepas enam dah bungkus, dia tiba-tiba dia naikkan harga jadi RM3,000.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Boleh tak ambil tindakan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Boleh, boleh ambil.

Tuan Tan Kar Hing: Boleh ambil tindakan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Boleh ambil.

Tuan Tan Kar Hing: Kalau begitu, ada banyak sektor-sektor yang ada isu itu...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, betul.

Tuan Tan Kar Hing: ...Termasuk BYD. *[Ketawa]* Contohnya, contoh yang saya nak katakan termasuk BYD sebab kalau bukan instrumen lain di bawah kementerian-kementerian lain yang ada dasar-dasar untuk mengekangkan perkara tu, ia akan berlaku masalah dalam, dalam perkara tu juga. *I mean* ya lah, lambakan produk murah. *That means I know the dilemma. I faham dilemma* tu kita nak murah, kita nak pergi *Shopee*. Sekarang *Pinduoduo* lagi, China semua tu kan. Tapi masalahnya kalau kita nak ambil tindakan, *how you put your* — Apa ni *you* punya piawaian tu *on the right point* akan menjadi cabaran tu.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *All I can say is that* penguatkuasaan melalui perundangan persaingan bukan hanya jawapan dalam isu ni ya. Jadi dia mesti ada satu apa orang kata satu pendekatan menyeluruhlah. Dia dari segi polisi kerajaan berkaitan dengan kemasukan syarikat-syarikat asing dan MITI, polisi MITI yang dalam isu pengilangan (*manufacturing*) dan sebagainya. Dia banyak. *Anti-dumping issue* dan sebagainya. So, jadi — *Yes, we can take the action, but it won't solve the problem*. Sebab contohnya fasal kereta, ia adalah berkaitan dengan polisi kerajaan ya. So, jadi kita pun...

Tuan Tan Kar Hing: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Digital platform pun sudah terlampau banyak.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *Digital platform* — Kita dah sudah buat kajian semula pasaran. YB, *should* apa ni — *we have the* orang kata tu sudah terbitkan kajian pasaran kami. Kami telah lihat kepada lima subsektor; *e-commerce, digital advertising, mobile operating system and payment system, online travel agency* dan

juga *data privacy and protection*. So, jadi dalam hal itu, kita telah kenal pasti isu-isu persaingan dan kami telah memberi saranan kepada kerajaan.

Dan *alhamdulillah*, setakat ni dia membuahkan hasil yang positif. Syarikat-syarikat besar telah datang ke MyCC untuk apa orang kata memperbetulkan keadaan ya. So, jadi kami berusaha untuk *these two first* apa ni — Kami melancarkan pada — Terbitkannya pada Februari tahun ini dan kami akan berterusan sehingga hujung tahun depan untuk memastikan saranan itu disambut.

Tuan Pengerusi: Okey. Saya kembali kepada slaid nombor 8, pencapaian penguatkuasaan MyCC. Saya nampak ada yang keputusan akhir, okey. Ada pelanggaran, ada yang tak ada. Boleh tak yang keputusan akhir tu yang ada pelanggaran, sebab jumlah penalti saya nampak besar.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Dia hanya 16 kes saja, kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Tapi jumlah lebih setengah bilion, RM600 juta lebih.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Boleh tak dalam mesyuarat akan datang tu, perjumpaan kita akan datang, boleh tak senarai kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Boleh, boleh.

Tuan Pengerusi: Kami tak nak *detail* kes tu. Cuma — okey, kes pertama, ni mana? Ini kartel ayam.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *Two-third* adalah kartel ayam.

Tuan Pengerusi: *Two-third* kartel ayam?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, kartel ayam. Kartel makanan ayam.

Tuan Pengerusi: Okey.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Beratus juta.

Tuan Pengerusi: Okey. Dia — okey, macam ni, kes pertama kartel ayam. Okey, katakan 50 juta *something like that only*.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, boleh, boleh.

Tuan Pengerusi: *We don't want the detail*. Okey, kami tak nak kes tu sebab kes tu dah diputuskan, dah dimuktamadkan. Saja nak tahu tengok trend dia macam mana.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, boleh, boleh.

Tuan Pengerusi: Saya minta itu secara ringkas saja. Okey, kepada rakan-rakan ada soalan lain? Dato' Rosol, mantan Timbalan Menteri KPDNHEP.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Ya, memang nak mantapkan lagi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Dato' Rosol bin Wahid: Cuma, ya, *part* denda tu memang besarlah dan memang dia menggerunkan dan pengalaman kita pun dengan Datuk Is sebelum ni pun, dia orang bila dah masuk ke tribunal tu dia tak nak bawa panjang-panjang dah, sebab dia memang masuk kat pergi ke mahkamah pun lagi teruk dia kena. Itu sebenarnya apa yang berlaku, yang pengalaman dululah Datuk Is kan? Dia akan sampai itu, dia boleh selesai gitu saja. Dia tak nak bawa panjang. Okey. Cuma ni luar sikitlah. Mafia korporat ni, adakah terlibat dengan MyCC atau tidak?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Jawapannya tidak.

Dato' Rosol bin Wahid: Tidak?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tidak. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dibawa ke SPRM?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Saya tak ada komen. Saya tak berani nak masuk dalam ni...

Tuan Pengerusi: Datuk Iskandar *[Tidak jelas]* bukan MyCC. So, jawapan Datuk bukan MyCC.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Bukan MyCC dan tak — kami tidak tahu-menahu.

Tuan Pengerusi: Okey, okey. Dan memang tak ada bidang kuasa?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak ada, tak ada.

Tuan Pengerusi: Bukan bawa bidang kuasa?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak ada. Isu dalam kartel dan monopoli yang bermasalah. Itu yang utama bagi kami.

Tuan Pengerusi: Yang monopoli, isu monopolilah.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Sebab yang kartel ni dia lebih kepada kita pakat. Nama saja pesaing depan orang tapi belakang dia ada *backdoor* tu. Adalah hubungan dia, kan?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tapi ada... *[Tidak jelas]*

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Okey, soalan lain? Ada?

Tuan Roslan bin Hashim [Kulim-Bandar Baharu]: Okey, kalau tengok slaid 4 tu, slaid 4. Okey, kalau tengok skop undang-undang pengecualian ni, adakah ada empat; MCMC, PETRONAS apa semua tu, adakah empat ini sahaja yang di — ada kebanyakan ada pengecualianlah, kan? Kemudian, adakah di — ada *company*, *company* lain ataupun *company* yang sederhana pun ada juga pengecualian yang dicadangkan oleh pihak MCMC?

■1510

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak ada, tak ada.

Tuan Roslan bin Hashim: Tak ada ya?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Itu sahaja, pemegang-pemegang lesen di bawah akta-akta yang tertentulah, yang di bawah sektor *regulator*. Macam MCMC, dia ada Akta Komunikasi dan Multimedia dan juga Akta *Postal Services*, perkhidmatan pos yang termasuk syarikat-syarikat kurier mendapat lesen.

Tuan Roslan bin Hashim: Tadi Datuk kata ada AirAsia.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Itu, okey. Dia cerita macam ini, dia ada sejarah dia YB. Apabila MyCC ditubuhkan, kita mempunyai kuasa terhadap industri penerbangan termasuk syarikat penerbangan dan sebagainya, *airport* dan sebagainya. Setelah kami mengeluarkan keputusan MAS dan AirAsia, kerajaan pada masa itu, 2016 membuat keputusan untuk menubuhkan — sebenarnya *they called it Malaysian Aviation Commission (MAVCOM)*. Tapi sekarang ini dia dah tukar, apa orang kata gabung dengan CAAM... *[Disampuk]*

Dato' Rosol bin Wahid: Isu *BlackRock* masuk sekali tak?

Datuk Haji Iskandar Ismail: *[Ketawa]*. Okey, itu memang bawah CAAM.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*. Bukan MyCC ya?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Bukan-bukan, nasib baik. Korporat mafia tak, *BlackRock* pun tak. *[Ketawa]*

Dato' Rosol bin Wahid: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*. Di bawah CAAM, maknanya dia terkecuali jugalah. Di bawah CAAM?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya lah, tapi CAAM dia ada kuasa persaingan. Dia ada kuasa rejim kawalan percantuman di bawah mereka. So, jadi mereka itu. So, jadi 2016 YB kerajaan itu. So, jadi dia keluarkan industri penerbangan itu dia letak di bawah MAVCOM yang sekarang ini CAAM.

Suruhanjaya Tenaga dia ada dua akta; Akta Suruhanjaya Tenaga dan Akta Bekalan Gas. So, jadi — okey, kalau kita nak cerita bekalan gas, saya nak cerita sahajalah sikit. Okey, Suruhanjaya Tenaga mempunyai kuasa terhadap gas yang melalui paip ya. Tetapi, kalau gas itu sudah dalam *canister*, itu di bawah MyCC. So, dia ada dia punya bidang kuasa dia.

So, jadi dia — tetapi tak banyak yang ada dalam *canister*. Jarang-jaranglah kecuali ada syarikat tertentu sahaja yang guna dalam *canister*. So, jadi tetapi kebanyakannya inilah. So, jadi itulah ianya masih....

Dato' Rosol bin Wahid: Kalau macam itu *merger* bank-bank ini bukan bawah MyCC?

Datuk Haji Iskandar Ismail: *Merger* apa?

Dato' Rosol bin Wahid: *Banking*.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Itu bawah Bank Negara.

Dato' Rosol bin Wahid: Oh, bukan bawah MyCC ya?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, itu di bawah *Central Bank Act* dan sebagainya, tapi dia tak ada kuasa persaingan. Tapi dia menggunakan kuasa mereka di bawah *financial stability* punya isu, di bawah *Central Bank Act*.

Tuan Pengerusi: Itu ada kepentingan kewangan.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, dia lain sikit. Lain kategori.

Tuan Roslan bin Hashim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*. Panggil parti politik bawah ini. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Itu pun bukan MyCC. Itu saya jawab bagi pihak Datuk Iskandar. Okey, ada lagi soalan yang berkaitan? Kalau tak ada, saya, satu ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang mengemukakan soalan kepada Yang Berbahagia Datuk Iskandar, CEO kita yang hadir yang memberikan taklimat dan menjawab soalan.

Dato' Rosol bin Wahid: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*. *Next meeting simple je*.

Tuan Pengerusi: Yes, yes. Tak, sebab benda ini yang substantial yang terlibat dalam pindaan ini dia tak kontroversi. Dia tak ada kata, "*Eh, you betul kah, tak betul kah ini?*" Dia kalau benda kontroversi, betul kah untuk manfaat? Itu persoalan. Bila timbul persoalan itu, tak bolehlah satu jam selesai *meeting*. Dia mesti *drag* lama sebab banyak perkara-perkara yang berkaitan akan ditimbulkan.

Tapi yang ini *straightforward*. Dia memang — rasanya tak ada yang tak setuju. Ini kita semua setuju. Cuma saya minta itulah permintaan saya tadi, minta kalau boleh

jangan hari pertama buat bacaan pertama okey. Kita boleh buat mesyuarat yang ringkas dalam satu jam. Lepas mesyuarat itu — sebab kalau sempat sebelum bacaan kedua penyata itu kita bentangkan sekali. Kita menyokong.

Saya nak sebutkan secara terbuka, kalau pagi tadi satu RUU itu saya tak bagi komitmen itu. Saya minta rakan-rakan, mana kertas itu tadi. *You* tak isi tadi. Dia tak isi tadi. *[Merujuk kepada Ahli Parlimen]*. Kawan-kawan semua isi.

Tapi, petang ini saya tak minta.

Dato' Rosol bin Wahid: Kulim berkecuali tadi.

Tuan Pengerusi: Tapi petang ini saya tahu, saya tak payah tanya dah. Saya tak tanya macam ini dah. *So*, petang ini *line clear*. Cuma saya harap prosedur itu kita buat cara yang baik sebab benda yang baik adalah jadi tanggungjawab untuk pihak jawatankuasa sama-sama menyokong.

Dato' Rosol bin Wahid: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
Biar nampak cantik.

Tuan Pengerusi: Ya, biar nampak cantik, nampak tersusun, nampak JPK pun memainkan peranan bersama-sama dengan pihak MyCC, pihak KPDN. Sebab untuk makluman, KPDN sebelum ini pindaan yang berkaitan dengan Akta Syarikat, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad, apa lagi? Akta Koperasi adakan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Koperasi-koperasi.

Tuan Pengerusi: Akta Sewa Beli. Semuanya mudah melalui kami dan kami memberikan sokongan padu. Dan saya yakin perkara yang sama akan berterusan untuk RUU kali inilah, dua RUU yang terlibat iaitu Akta Persaingan 2010 *[Akta 712]* dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 *[Akta 713]*.

Sebab dua-dua ini dia akan, dia ringkas sahaja. Dia akan ambil hari yang sama. Saya rasa hari yang sama boleh *clear* kedua-dua untuk bacaan kedua dan bacaan yang ketiga.

Okey, betul ya? Ataupun Datuk jangka dalam dua hari untuk bahas?

Seorang Ahli: Sehari cukup.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Terpulang.

Tuan Pengerusi: Tak, saya rasa okeylah, *within one day* boleh *settle*. Jadi, okey dengan itu saya ucapkan terima kasih sekali lagi dan dengan itu saya menangguhkan mesyuarat bilangan ke-14 pada petang ini. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.16 petang]



**DEWAN RAKYAT
LAPORAN PROSIDING**

**JAWATANKUASA PILIHAN
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN,
KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**

**TAKLIMAT MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG
PERSAINGAN (PINDAAN) 2026 DAN RANG
UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PERSAINGAN
(PINDAAN) 2026**

**BIL. 16
KHAMIS, 25 JUN 2026
PENGKAL KELIMA, PARLIMEN KELIMA BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN,
KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN
BIL.16 TAHUN 2026**

**BILIK JAWATANKUASA 3, BLOK SEMENTARA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

KHAMIS, 25 JUN 2026

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Cha Kee Chin [Rasah]	– <i>Pengerusi</i>
YB. Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib [Tenggara]	– <i>Naib Pengerusi</i>
YB. Tuan Tan Kar Hing [Gopeng]	
YB. Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]	
YB. Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]	
YB. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai]	
YB. Tuan Roslan bin Hashim [Kulim-Bandar Baharu]	
YB. Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh [Pasir Puteh]	
YB. Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]	
YB. Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]	
YB. Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]	
YB. Tuan Edwin Anak Banta [Selangau]	

URUS SETIA

Puan Kaishune Surang [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Berkaitan Kementerian (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

Puan Hazliana binti Yahaya [Pegawai Arkib, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Berkaitan Kementerian (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

Encik Aiman Haikal bin Abdul Rahman [Pegawai Arkib, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Berkaitan Kementerian (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

Encik Johari bin Junid [Pegawai Penyelidik, Seksyen Ekonomi dan Perdagangan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]

Puan Nur Hafirah binti Kamarudin [Pegawai Penyelidik, Seksyen Ekonomi dan Perdagangan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Ex Officio

Puan Rafidah binti Datu Derin [Setiausaha Bahagian (Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Antarabangsa), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)]

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

Tuan Mohammad Sanusi bin Abdul Karim [Timbalan Ketua Setiausaha (Kepenggunaan & Pengurusan)]

Puan Sabariah binti Atan Din [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kepenggunaan dan Persaingan)]

Puan Ainur Ain Najiha binti Mohd Pakri [Bahagian Kepenggunaan dan Persaingan (Mystep)]

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MYCC)

YBhg. Datuk Haji Iskandar Ismail [Ketua Pegawai Eksekutif]

YBrs. Dr. Syaiful Izad Ahmad Sofi [Pegawai Khas (Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif)]

YBrs. Encik Ismail Faruqi Abdullah [Pengarah (Bahagian Reformasi Perundangan dan Antarabangsa)]

Cik Zainab Hanis Zulkifli [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Reformasi Perundangan dan Antarabangsa)]

Encik Hakeem Hamzah [Penolong Pengarah (Bahagian Reformasi Perundangan dan Antarabangsa)]

Cik Nur Atiqah Amran [Pembantu Penyelidik (Bahagian Reformasi Perundangan dan Antarabangsa)]

Cik Alysha Mariam Joseph [Pembantu Penyelidik (Bahagian Reformasi Perundangan dan Antarabangsa)]

Cik Phoebe Teh Hui Xin [Pembantu Penyelidik (Bahagian Reformasi Perundangan dan Antarabangsa)]

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN,
KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN
BIL. 16 TAHUN 2026**

**BILIK JAWATANKUASA 3, BLOK SEMENTARA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

KHAMIS, 25 JUN 2026

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.06 pagi

*[Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Okey, saya rasa saya boleh mulakan mesyuarat pada pagi ini. Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam Malaysia MADANI kepada semua yang telah berada di dalam Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 3, Bangunan Sementara untuk Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian Bilangan Ke-16 Tahun 2026. Selamat datang kepada semua.

Bersama dengan saya pada pagi ini yang telah berada dalam bilik mesyuarat ini adalah di sebelah kanan saya YB Tenggara selaku Timbalan Pengerusi. Sebelah beliau YB Gopeng, YB Selangau dan YB Pasir Puteh. Dan di sebelah kiri saya YB Keningau yang telah berada dalam bilik mesyuarat ini. Jadi kita dah cukup kuorum untuk memulakan mesyuarat.

Sepertimana yang kita sedia maklum, mesyuarat pada pagi ini [Tidak jelas]kepada mendapatkan pembentangan ataupun taklimat daripada Suruhanjaya Persaingan (MyCC). Taklimat berkenaan dengan Rang Undang-undang Persaingan (Pindaan) 2026 dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan (Pindaan) 2026 yang akan diberikan oleh KPDN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan Suruhanjaya Persaingan. Di mana kedua-dua RUU ini telah ya, telah dibacakan untuk bacaan pertama.

Dibentangkan untuk bacaan pertama pada hari Selasa, tak silap saya hari Selasa ya. Sebab *blue bill* sudah ada atas meja dan kedua-duanya bertujuan untuk meminda akta induk, Akta 712 dan Akta 713 yang dijangka bacaan kedua dan perbahasan akan berlangsung pada minggu depan tak silap saya, hari Rabu, Khamis?

Seorang Ahli: Hari Khamis.

Tuan Pengerusi: Hari Khamis kan, 2 Julai. Jadi ada keperluan untuk kita meneliti ya lah berkenaan dengan pindaan ini terutamanya kita kena meneliti fasal ke fasal. Ketika mesyuarat bilangan 14 ya, ketika mesyuarat bilangan 14, 14 kan? Yang berlangsung pada 10 Jun. *[Dicelah]* 9 Jun, kita telah membincangkan, meneliti dasar dan ketika itu mesyuarat secara dasarnya bersetuju ya, dengan pindaan yang dicadangkan dan bakal dibentangkan ini. Sebab waktu tu belum ada *blue bill*, belum ada bacaan pertama, jadi hari ini kita lebih menjurus kepada perbincangan fasal ke fasal.

Jadi dengan itu saya mengalu-alukan kehadiran wakil daripada KPDN, Yang Berusaha Tuan Mohammad Sanusi; Timbalan Ketua Setiausaha untuk Bahagian Kepenggunaan dan Pengurusan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Selamat datang tuan. Dan bersama dengan beliau adalah Puan Sabariah ya, Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kepenggunaan dan Persaingan.

Dan daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Datuk Haji Iskandar Ismail; Ketua Pegawai Eksekutif, CEO kita yang tadi sama-sama saya dan Datuk pergi Bilik Mesyuarat 2. *[Ketawa]* Sama-sama kami pergi sana, sama-sama kami datang sini. Okey. Yang mempengerusikan mesyuarat dan yang akan memberikan pembentangan sama-sama salah tempat.

■1110

Okey, bersama dengan Yang Berbahagia Datuk adalah Encik Ismail Faruqi, Pengarah Bahagian Reformasi Perundangan dan Antarabangsa; Cik Zainab Hanis Zulkifli, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Reformasi Perundangan dan Antarabangsa; Encik Hakeem Hamzah, Penolong Pengarah Bahagian Reformasi Perundangan dan Antarabangsa; bersama dengan beberapa Pegawai Penyelidik yang turut hadir pada pagi ini.

Dan untuk *ex officio*, setakat ini saya nampak Puan Rafidah ya, yang hadir bersama dengan kita. *[Dicelah]* Ha ini, YB Hulu Terengganu ada saya nampak, siapa lagi tadi? YB Tanjong Piai, YB Beruas hadir bersama, Sungai Besar, situ Kulim-Bandar Baharu sebab soalan lisan soalan kedua. Saya percaya sebentar lagi beliau akan bersama dengan kita. YB Pasir Gudang ada? Pasir Gudang pun ada. Saya harap kalau *first time* boleh dapat 12 Ahli Parlimen menyertai mesyuarat kita.

Jadi tanpa melengahkan masa, saya nak jemput Yang Berbahagia Datuk ya. Datuk yang akan bagi pembentangan ... *[Dicelah]* Oh, mula dengan Yang Berusaha Tuan Mohammad Sanusi dulu. Tapi sebelum itu, saya sebab ada kemungkinan besar

penyata akan kami siapkan oleh jawatankuasa, jadi selaras dengan keperluan yang telah ditetapkan bahawa mesyuarat ini adalah tertakluk di bawah Peraturan 85, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 iaitu Akta 347 di mana sebarang kenyataan atau dokumen yang dibentangkan di hadapan jawatankuasa ini tidak boleh disiarkan, tidak boleh disiarkan sehingga jawatankuasa membentangkan penyata di Dewan Rakyat.

Dan juga, saya ingin mengingatkan ahli-ahli mesyuarat bahawa jika sesuatu dokumen ataupun maklumat yang dikemukakan kepada jawatankuasa dalam mesyuarat ini dikelaskan sebagai dokumen ataupun maklumat terperingkat, tuan-tuan dan puan-puan yang memaklumkan maklumat tersebut perlu memberitahu terlebih dahulu kepada jawatankuasa. Saya satu lagi, berkenaan dengan saksi mengangkat sumpah. Jadi, siapa nak angkat sumpah ini? Datuk Iskandar ke Tuan Mohammad Sanusi? *[Dicelah]*

Seorang ahli: Dua-dua.

Tuan Pengerusi: Dua-dua? Kena dua-dua juga?

Okey, kalau macam itu sebab ini ada keperluan selaras dengan seksyen 18, Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952, jadi saya jemput Tuan Mohammad Sanusi dulu, selepas itu Yang Berbahagia Datuk Haji Iskandar. Okey, silakan. Eh, mana dia teks dia? Oh! Ha, ini.

Tuan Mohammad Sanusi bin Abdul Karim [Timbalan Ketua Setiausaha (Kepenggunaan & Pengurusan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)]: *[Bangun] [Membaca ikrar tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Tuan. Seterusnya saya jemput Yang Berbahagia Datuk Iskandar.

Datuk Haji Iskandar Ismail [Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MYCC)]: *[Bangun] Bismillahirrahmanirrahim. "Bahawasanya saya Iskandar bin Ismail dengan sesungguhnya bersumpah bahawa segala keterangan yang saya berikan di hadapan jawatankuasa ini adalah benar, tiada yang tidak benar melainkan benar belaka."*

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Yang Berbahagia Datuk. Jadi, saya jemput Tuan Mohammad Sanusi dulu untuk memulakan pembentangan. Dipersilakan Tuan.

Tuan Mohammad Sanusi bin Abdul Karim: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera Yang Berhormat*

Pengerusi jawatankuasa, ahli-ahli jawatankuasa. Nama saya Mohammad Sanusi bin Abdul Karim dan saya akan membuat sedikit pembukaan untuk sesi taklimat ini di mana kita akan membincangkan mengenai Rang Undang-undang Persaingan (Pindaan) 2026 dan juga Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan (Pindaan) 2026.

Sepertimana yang dimaklumkan di mesyuarat pada 9 Jun sebelum ini, pindaan ini bertujuan untuk menambah baik ataupun memperbaiki peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang 712 dan 71 — undang-undang 712 — Akta 712 dan 713 di mana daripada perkara-perkara tersebut, kita akan melibatkan perubahan kepada — di Akta 712, kita akan melibatkan 34 seksyen di mana akan mengalami perubahan di mana 29 daripada seksyen tersebut merupakan pindaan dan selebihnya merupakan seksyen yang baru di mana kita tuliskan supaya dapat memantapkan lagi pelaksanaan Akta Persaingan.

Bagi Akta 713, perubahan akan melibatkan 10 seksyen di mana sembilan merupakan pindaan dan satu merupakan satu seksyen yang barulah. Di antara perubahan-perubahannya kebanyakan besar daripada ini merupakan *consequential* kepada perubahan yang dibuat di dalam 712 lah. Dan juga, perkara ini banyak yang juga sebahagian besarnya akan melibatkan bersifat editorial dan juga yang lain, selebihnya akan melibatkan pindaan yang sepertimana yang saya katakan, sebuah penambahbaikan dan juga perubahan terhadap akta yang sedia ada, peruntukan sedia ada supaya untuk mantapkan perjalanan Akta 712 inilah. Selebihnya saya akan minta Yang Berbahagia Datuk Iskandar selaku CEO MyCC untuk membuat perincian terhadap pindaan-pindaan yang akan dibuat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih kepada Tuan Mohammad Sanusi dan saya jemput Yang Berbahagia Datuk Iskandar untuk memberikan perincian.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam MADANI. Terima kasih YB Pengerusi, kita berjumpa lagi. Buat pengetahuannya, saya nak beri sejarah tentang pindaan ini. Kerja ini telah dimulakan sejak 2019 lagi dan akhirnya *alhamdulillah*, telah sampai waktunya untuk pindaan ini dibentangkan di Parlimen. Dan saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada jawatankuasa ini kerana memberi ruang dan peluang kepada kami untuk membentangkannya. Dan kami mengharapkan kelulusan serta sokongan jawatankuasa ini. Dengan berpaksikan kepada moto, “*Kartel hancur, rakyat makmur*”.

Taklimat Rang Undang-undang Persaingan (Pindaan) 2026 dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan (Pindaan) 2026 — *next*, kalau kita boleh

pergi ke slaid seterusnya. Okey, kalau kita fokuskan kepada pindaan peruntukan Akta 712, jumlah seksyen yang dipinda adalah 34. Tetapi, dia terbahagi kepada dua kumpulan besar iaitu yang terlibat adalah yang sedia ada 29 seksyen dan yang seksyen baru ada lima. Di bawah sedia ada itu kita bahagikan kepada dua kumpulan kecil di mana penambahbaikan peruntukan sebanyak 28 seksyen dan satu seksyen yang dikeluarkan. Di bawah penambahbaikan peruntukan yang 28 seksyen itu, terdapat lapan bersifat editorial dan 20 pindaan bersifat penambahbaikan. So, *next*.

So, jadi, kalau kita ingin lihat — saya anggap apa ini, saya pasti kesemua ahli-ahli jawatankuasa mempunyai *blue bill* ini dan bersama dengan apa ini, dengan slaid dan juga ada satu maklumat tambahan yang diminta oleh jawatankuasa sebelum ini yang tentang apa ini, senarai-senarai penalti kewangan yang telah dikenakan dalam kes-kes MyCC.

So jadi, yang pertama sekali kalau kita mahu — saya mahu fokus kepada editorial. Kalau kita lihat kepada seksyen 2 Akta 712, ada tiga perkara yang dipinda secara editorial. Erti perjanjian itu kita tambahkan perkataan “*suatu persatuan perusahaan*”.

■1120

Ini berpandukan kepada pengalaman MyCC dan sebagainya di mana apabila kita menghadapi mana-mana persatuan yang terlibat dalam kartel, kami mempunyai cabaran dari sudut undang-undang. So, jadi ia menjelaskan lagi apa itu – di mana persatuan itu boleh membuat satu perjanjian.

Seksyen 2 juga hanya meletakkan perkataan “*Malaysia*” dua kali dalam definisi Pegawai Suruhanjaya dan juga Suruhanjaya. Jadi, selama ini secara administratif Suruhanjaya Persaingan Malaysia ini dipanggil Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau Malaysia Competition Commission (MyCC). Tetapi dalam undang-undangnya sendiri, Akta 712 ini tiada perkataan “*Malaysia*”. Jadi kami masukkan saja.

So, jadi yang kalau seksyen 10 ini perkataan “*hulu* atau *hiliran*”. Ini tersilap di mana kalau dalam versi bahasa Inggeris dia mulanya “*hiliran*” baru kemudian “*hulu*”. Tetapi disebabkan kami nak selaraskan, kami ubah balik aturan itu, “*hulu* atau *hiliran*”, “*upstream or downstream*”.

So, jadi seksyen 20 pula kami memasukkan perkataan “*Pegawai Suruhanjaya*” supaya jelas siapa yang boleh mendapat akses kepada rekod dan sebagainya semasa penyiasatan.

Seksyen 22 pula berkenaan dengan komunikasi terlindung. Kami masukkan perkataan “*butir-butir*”, hanya untuk melengkapkan apa yang boleh kita perolehi

daripada penyiataan dan serbuan dan sebagainya. Pindaan ini dilaksanakan bagi tujuan secara kumulatifnya memperjelaskan lagi peruntukan semasa bagi penguatkuasaan Akta 712 supaya ia lebih komprehensif dan efektif dan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. *Next*.

Tuan Pengerusi: Okey, sebelum Datuk ke slaid yang seterusnya, saya minta macam ini. Semua Ahli Yang Berhormat kalau ada apa-apa soalan, tanya terus. Jangan nanti dah lepas ke fasa seterusnya, kita patah balik pula ya. Okey, minta Datuk teruskan.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *So, next. [Merujuk slaid]* So, jadi ini adalah seksyen-seksyen lain yang melibatkan pindaan editorial. Seksyen 25, seksyen 41, 65 dan juga Jadual Kedua. Ini hanya editorial, tidak bersifat substantif. *Next*.

Jadi, kita pergi kepada penambahbaikan. Saya akan pilih *certain, certain section* ataupun seksyen-seksyen tertentu untuk dijelaskan dan ada juga seksyen lain yang saya tak akan jelaskan. Saya cuma senaraikan ya. Tetapi saya terbuka untuk mana-mana soalan ataupun untuk *elaboration* yang berkaitan.

Jadi, seksyen 3 – Pemakaian. Jadi, kita semasa sepanjang 15 tahun menguatkuasakan Akta 712 ini, syarikat-syarikat yang kita boleh siasat ya bila perkataan “*syarikat*” ataupun “*perusahaan*” itu, kita mesti membuktikan mereka menjalankan aktiviti komersial. Tetapi kami mendapati bahawa ada syarikat, ada juga persatuan juga yang tidak menjalankan aktiviti komersial ataupun aktiviti komersial ini macam jual beli dan sebagainya. Tetapi bila kita lihat macam persatuan *traders* ataupun persatuan contohnya empunya lori dan sebagainya. Mereka tidak menjalankan aktiviti komersial tetapi mereka menjalankan aktiviti persatuan yang hanya contohnya sekali setahun buat *dinner*, jual tiket *dinner*, buat kutipan derma dan sebagainya.

So, jadi kami nak masukkan aktiviti itu dan dikategorikan sebagai aktiviti ekonomi. Kerana ada persatuan yang mencipta kartel melalui aktiviti ekonomi mereka. Contohnya dalam *dinner* ataupun makan malam tahunan mereka dan sebagainya. Dari situ ada terdapat kemungkinan bahawa mereka boleh menggunakan aktiviti ekonomi ini untuk mencipta kartel ataupun melaksanakan amalan anti persaingan itu. So, jadi kita masukkan supaya mereka ini termaktub.

Dato’ Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai]: Datuk, boleh mencelah sedikit? Kalau katakan perusahaan itu, kata Datuk dia *just* untuk setahun sekali kah, dua kali dengan tujuan hanya untuk mengutip bagi mengembangkan kepada kepentingan keahliannya sahaja?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Itu termasuk sebagai satu...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya. Dia aktiviti ekonomi *because* dalam kes-kes kami ya, dalam kes rayuan dan sebagainya didapati bahawa kalau persatuan itu tidak menjalankan aktiviti komersial. Walaupun dia yang mencipta kartel itu melalui contohnya undian semasa ataupun selepas makan malam itu. Jadi mereka— kami tak dapat kenakan persatuan itu. Sebab kebanyakannya perusahaan-perusahaan di luar ini dia menggunakan persatuan mereka untuk buat kartel. Ya.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Contoh, sekarang *let's say* sekolah.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Pihak PIBG dia buat *dinner*, dia buat kutipan, dia buat hari amal untuk kutip, pungut kutipan itu untuk pembangunan sekolah. Itu termasuk juga sebagai satu...?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak, tak.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Tak?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Maksudnya di sini dalam menjalankan kutipan itu, dia selitkan aktiviti kartel itu. Ada satu kes, ada satu kes di Sibul. Persatuan Roti dan Manisan Sibul ya. Mereka panggil semua ahli-ahli mereka iaitu pesaing-pesaing yang menjual roti dan manisan di seluruh Sibul. Satu malam itu dia panggil— kami siasat ini, dia berlaku lebih kurang tujuh tahun lepas.

Apa yang mereka buat, makan malam selepas itu tiba-tiba Pengerusi kata, "*Okey, kita menghadapi cabaran ini,*" dalam ucapan beliau, dia kata, "*Menghadapi cabaran di mana keuntungan kita dah berkurang. So, jadi apa yang kita perlu buat?*". So, jadi apa yang mereka buat adalah, "*Okey, AJK mencadangkan bahawa kita menaikkan bersama-sama 10 peratus harga kita.*" So, jadi dalam makan malam itu— dia tak ada dalam agenda. Jadi, semuanya setuju. Kalau setuju, semua angkat tangan. Semua angkat tangan dan media pula ada di situ dia ambil gambar, lepas itu dia paparkan di surat khabar di seluruh Sarawak.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya. Itu yang berlaku. Sama juga dengan persatuan-persatuan lain. Contohnya dulu Persatuan Empunya Lori Semenanjung. Sama juga, membuat satu AGM. Bila buat AGM, dia tak melakukan apa-apa aktiviti komersial, dia tak— persatuan itu tidak menjalankan aktiviti komersial di mana dia mengangkat simen kah, mengangkat batu-bata kah, tidak. Dia hanya menjaga ahli-ahlinya. Ahli-ahlinya terdiri daripada pesaing-pesaing.

So, jadi bila mereka menghadiri AGM itu dia kata, "*Okey, salah satu agenda kita adalah untuk menaikkan fi kita. So, jadi siapa bersetuju?*" So, jadi semua

bersetuju, dia akan letakkan dalam minit. Lepas itu dah letak dalam minit, dia panggil surat khabar, dia kata ambil gambar kami ramai-ramai menunjukkan kami ini bersetuju supaya kami ini nampak adil di hadapan kesemua pengguna.

So, jadi itulah yang kami nak kenakan sekali dengan persatuan. Sebab persatuan ini digunakan sebagai satu *channel* untuk pesaing-pesaing menjalankan aktiviti kartel ini.

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng]: Datuk, boleh saya tanya soalan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Tan Kar Hing: Ya. Ada dua aspeklah. Satu yang dikatakan tadilah, contoh yang dikatakan oleh Datuk tadi.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Tan Kar Hing: Platform persatuan itu hanya sebagai satu bukti yang mana MyCC nak ambil tindakan terhadap syarikat ataupun mengambil tindakan terhadap persatuan? Itu pertama. Kedua, kalau dia nak buat kartel, dia boleh dalam pelbagai bentuk dan pelbagai platform.

So, kalau kita dalam definisi aktiviti ekonomi itu, kita nak *define* dalam persatuan ini, adakah dia akan mungkin akan dalam satu sudut dia akan rasa macam kalau saya tak ambil bahagian dalam persatuan itu, lebih baik saya tak akan dikenakan apa-apa tindakan. Atau mereka sahaja yang hadir sahaja dikenakan ataupun yang tak hadir tak kena. Macam mana? / tak berapa...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Okey, dia macam ini. Minta maaf ya. Jadi, kita ada dua jenis kes selalunya melalui berkenaan dengan kartel ini. Ada yang menggunakan persatuan, ada yang tidak menggunakan persatuan.

■1130

Contohnya yang tidak menggunakan persatuan adalah persatuan adalah produser —*chicken feed producer* yang menghasilkan pengisar makanan ayam, yang baru-baru ini yang kena RM415 juta itu. Dia tak gunakan platform *association*. Tetapi yang gunakan platform *association* ni — okey, *association* ni ada perlembagaannya sendiri. ROS ada sertakan. Okey, kena buat ini, kena buat AGM, kena ada AJK, lepas tu apa objektif. Tetapi tidak ada dalam objektif itu mengatakan bahawa mereka boleh menetapkan harga. Mereka boleh mencipta kartel dan sebagainya.

Sama juga, mereka tidak boleh terlibat dalam rasuah. So, jadi bila mereka menggunakan platform mereka, okey, persatuan ni, okey, kita akan kenakan juga ahli-ahli yang bersetuju dengan kartel itu. Tetapi persatuan itu, kami nak ambil

tindakan terhadap persatuan itu kami tidak boleh sebab persatuan itu telah disalahgunakan.

Tuan Tan Kar Hing: So, maknanya kalau begitu, persatuan yang akan dikenakan tindakan, bagaimana pula dengan syarikat-syarikat yang hadir dan yang tak hadir untuk mengambil keputusan itu?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Yang selalunya yang kami kenakan yang hadir. Sebab dia adalah — dia mesti ada perjanjian. Jadi perjanjian tu siapa yang berjanji? Siapa yang bersetuju dengan perjanjian itu? Siapa yang hadir pada hari itu ya. Dia ada, mungkin dia akan keluarkan notis ya. Kami akan *check* juga. Kami akan siasat sama ada mereka mematuhi atau tidak, itu perkara kedua. Tetapi yang penting tu siapa berjanji? Siapa sahkan?

So, jadi kami tak nak mereka ni menggunakan persatuan untuk mencipta kartel. Dan dalam sekarang ni, kes-kes yang kami bawa ini, dalam kes rayuan, ada persatuan yang tidak boleh diheret bersama.. So, jadi itu adalah tujuannya.

Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib [Tenggara]: Sikit, sikit. Terima kasih Tuan Pengerusi. Datuk, sikit saja. Tadi, saya sambung Gopeng tadi ni. Makna kata siapa yang hadir — Datuk kata siapa yang hadir je. Tapi sekarang ni kita ada *WhatsApp*, ada *WhatsApp group* semua, kan? Macam kalau tak hadir pun tapi dia respons dalam satu-satu platform, kita boleh *charge* juga sekali, kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Boleh.

Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib: Satu lagi kadang-kadang orang persatuan ni dia pandai. Dia buat *public pooling*. Dia pakai untuk mendapatkan *right* untuk *so called* kartel itulah. Jadi mungkin kita tengoklah dekat celah mana pindaan ini supaya boleh ketat lagilah. Maksudnya bukan semasa persatuan iaitu sebagai sebuah persatuan je ataupun nak tengok tapi benda lain yang kita boleh masukkan supaya lebih ketat lagi sebab benda ni memang kita tahu. Orang gunakan persatuan untuk jadi macam *so called* kartel inilah.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dia seksyen 4. Pindaan seksyen 4 akan *cover*...

Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib: Ya.

Datuk Haji Iskandar Ismail:...bahagian itu YB.

Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib: Okey. Baik, baik.

Tuan Pengerusi: Okey. Datuk, saya tanya sikit.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: Tadi Datuk ketika jawab soalan dari YB Gopeng, Datuk sebut kalau persatuan tu, dia punya perlembagaan dia, tak adalah kata boleh tetapkan harga dan sebagainya.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Dengan pindaan ni, nanti kalau persatuan tu dia nak apa, dia gunakan cara alternatif dia, *plan B* dia, dia buat pindaan terhadap perlembagaan persatuan dan di mana dia dibenarkan. Jadi, ada tak benda tu akan menyebabkan kita...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Okey.

Tuan Pengerusi: Pindaan ini tak membawa makna.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Selalunya, perlembagaan persatuan telah ditetapkan oleh ROS.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Okey. Dia kena pakai yang standard. Tetapi ada juga persatuan terutama persatuan *professional bodies*, dia mempunyai punca kuasa undang-undang untuk menetapkan yuran mereka ataupun yuran perkhidmatan, fi dan sebagainya. Contohnya, *engineer, architect*...

Tuan Pengerusi: *Bar Council*.

Datuk Haji Iskandar Ismail:...*doctor, Bar Council* dan sebagainya. Itu kami tidak boleh usik sebab dia ada punca kuasa undang-undang itu.

Tuan Pengerusi: Ini yang Datuk sebut awal bulan hari itu kata pengecualian kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Untuk apa? Mana-mana yang ada undang-undang tertentu...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: ...macam PETRONAS, MCMC.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Itu, itu lain. Itu pemakaian secara keseluruhan.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tetapi kalau dia mempunyai kuasa, punca kuasa melalui undang-undang...

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail:...dia dibenarkan untuk menetapkan *schedule* dia.

Tuan Pengerusi: Yang tak ada undang-undang spesifik...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak boleh langsung.

Tuan Pengerusi:...tertakluk kepada ini?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak boleh.

Tuan Pengerusi: Dia tertakluk kepada inilah?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, tertakluk kepada ini.

Tuan Pengerusi: Jadi maksudnya di sini, persatuan di situ bukan maksudnya persatuan penduduk, PIBG sekolah, KRT. Itu boleh, itu dia buatlah majlis makan malam semua kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, ya. Betul.

Tuan Pengerusi: Cuma, dia lebih menjurus kepada persatuan yang mana menghimpunkan *certain, certain* jenis-jenis perniagaan.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Yang mana ahli-ahli dia, kenapa dia jadi ahli untuk persatuan itu? Sebab dia terlibat dalam *business* tertentu. Apa nama, syarikat lori ke...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: ...penjual sayur ke. Apa nama kedai runcit ke. *Something like this* lah.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Yes, yes.

Tuan Pengerusi: Okey. Ya, YB Pasir Gudang.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Ya, Terima kasih YB Pengerusi. Saya merujuk kepada ini, persatuan itu ya.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Meluaskan rangkuman pemakaian Akta 712 merangkumi persatuan. Persatuan ini, yang dimaksudkan ini, dia berdaftar dengan ROS kah?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, selalunya berdaftar dengan ROS.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Jika persatuan berdaftar dengan ROS, ertinya dia punya perlembagaan dia itu disahkan oleh ROS. Jika persatuan itu membuat apa-apa keputusan, keputusan itu *valid* dan mahkamah tidak akan mempersoalkan keputusan yang dibuat oleh ROS. Jadi, tidakkah pindaan yang nak dikemukakan MYCC berkaitan dengan persatuan ini bersifat *ultra vires*? Makna melangkaui bidang kuasa, ya. Ini berlaku.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, ya.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Pertubuhan politik berdaftar dengan ROS. Keputusan mana-mana pertubuhan politik yang berdaftar dengan ROS yang tidak menyalahi perlembagaan pertubuhan itu, keputusan itu tidak boleh dipersoalkan di mahkamah. Hakim tidak akan membuat apa-apa. Dia mengakui *sovereignty*, keabsahan. Jadi, mungkin — ini tafsiran sayalah.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Mungkin Datuk boleh tengok adakah pindaan ini bersifat *ultra vires*, melangkaui bidang kuasa.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, okey. Saya nak jelaskan, ya. Konteks pindaan dengan memasukkan perkataan “aktiviti ekonomi” ini adalah menjurus kepada persatuan-persatuan perusahaan, perusahaan-perusahaan yang melakukan aktiviti komersial. Itu satu. Ia tidak terpakai kepada parti politik, PIBG, NGO dan sebagainya.

Tuan Tan Kar Hing: Koperasi?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Koperasi lain.

Tuan Tan Kar Hing: Koperasi masuk tak? Oh, itu lain.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Koperasi dia ada akta dia sendiri ya. Akta dia sendiri. Jadi, yang tadi YB Dato’ cakap, yang berkenaan dengan keputusan mereka tidak boleh dipertikaikan oleh mahkamah sendiri, parti-parti politik. Itu lebih — satu, kalau kita lihat kepada perlembagaan sesuatu persatuan itu, dia lebih kepada bagaimana proses nak mencapai keputusan itu, dia lebih diperjelaskan dalam perlembagaan itu. Tetapi kalau keputusan itu mengandungi — ini bagi pandangan kami buat masa sekarang ya YB, mengandungi perkara-perkara yang menjadi satu kesalahan dari segi undang-undang. *Of course*, saya yakin mahkamah akan masuk campur.

Contoh, contoh ya. Contoh macam balik kepada persatuan perusahaan-perusahaan ya. Dalam perlembagaan dia kata, okey, kita boleh kutip yuran. Kita boleh buat AGM. Kita boleh buat *dinner*. Kita boleh tolong kalau ahli-ahli terlibat dalam kemalangan dan bencana dan sebagainya. Itu yang dibenarkan. Tiba-tiba dalam keputusan minit mesyuarat dia, dia mengatakan, “*Okey, kita telah membincangkan kos dan juga cabaran dunia sekarang ni. Jadi, kita bersetuju untuk menaikkan harga bersama-sama pada peringkat 10 peratus*”. Jadi, itu sudah menyalahi undang-undang dan itu yang kami akan masuk dekat situ. Dan kami rasa pada peringkat ini tidak *ultra vires*.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Ya. Terima kasih, Datuk. Itu satu penjelasan. Tapi bagaimana kalau saya cadangkanlah...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Hassan bin Abdul Karim:...sebelum *Blue Bill* ini dibentangkan, perkara yang saya timbulkan ini dirujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-undang dan *AG Chambers*. Kemusykilan yang saya rujukkan itu, supaya perkara ini tak perlu dibahaskan lagi di Parlimen.

Tuan Pengerusi: YB, *Blue Bill* sudah ada.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Sudah ada?

Tuan Pengerusi: Bacaan pertama, dua hari dulu, hari Selasa. Sudah, sudah kan? Atas meja kita. Saya dah *go through* ini dah.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Dia terpakai — yang saya boleh jamin YB, dia terpakai kepada persatuan perusahaan-perusahaan, yang melakukan aktiviti komersial.

■1140

Cuma kita nak apa orang kata nak luaskan supaya persatuan itu sendiri yang boleh kena, persatuan-persatuan yang melakukan aktiviti kartel itu. Ia tidak termasuk kepada parti politik dan sebagainya. Memang jelas dalam akta ini dan telah dirujuk kepada bahagian gubalan dan sebagainya, AGC, ini memang sesuai dan dibenarkan dan tidak *ultra vires*.

Tuan Pengerusi: Okey bahagian ini...

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Perkara ini akan saya bangkitkan bila berbahas nanti.

Tuan Pengerusi: Okey, macam ini. Sambil itu untuk — ini pandangan saya, *with due respect to* Pak Hassan, *much more senior than me* dalam undang-undang. Saya— fahaman saya macam ini. Ini akta Parlimen, kalau yang perlembagaan NGO itu persatuan, katakan persatuan peruncit kah, persatuan pembuat roti, apa nama? Roti kah dekat Sibu kah, itu NGO.

So, kalau dia *ultra vires*, ia bagi saya, ia tak timbul *ultra vires*, *correct me if I'm wrong*. Sebab apa? Akta ini ia lebih tinggi daripada — bukan sebab — yang kita sebut itu bukan Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan nombor satu. Akta Parlimen nombor dua. Yang perlembagaan-perlembagaan untuk NGO ini ke bawah lagi status dia. Itu pemahaman sayalah.

Tapi, saya setuju YB Pasir Gudang kemukakan soalan. Mungkin Datuk boleh maklumkan — tanya PUU supaya adil. Kita tak mahu nanti kita luluskan ini esok nak ambil tindakan, suka-suka, "*Eh, tak, kita ultra vires, ultra vires.*" Buat malu sahaja.

So, saya rasa niat YB Pasir Gudang adalah jangan nanti mudah untuk orang timbulkan. Nanti kata bila luluskan? Siapa duduk dalam Dewan Rakyat yang luluskan? Nama Pak Hassan ada, nama saya ada. Itu yang kita tak nak. Okey, saya minta tolong *take note* bahagian ini. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Pengerusi, boleh saya dapat satu penjelasan. Kita wujudnya persatuan bagi kebanyakan persatuan ialah untuk penyelarasan. Jadi kalau ada sesuatu persetujuan, adakah ia dikatakan monopoli ataupun *what is the word*...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Kartel.

Dato' Ngeh Koo Ham: Kartel. Kerana dalam semua perniagaan atau kita mesti ada penyelarasan juga. Katakan kalau untuk mengangkut kelapa sawit. Katakan mereka datang bersama bentangkan kos pengangkutan diesel dan sebagainya kerana ada perubahan, mereka tetapkan pengangkutan ini RM30 semetrik tan. Katakan untuk berapa kilometer ataupun satu kilometer berapa harganya.

Adakah ini satu kartel kah ataupun penyelarasan? Kerana kalau tidak pun juga akan berlakunya pasaran ini yang tidak menentu dan akan kucar-kacir sedikit. Jadi, dalam perlembagaan mengadakan persatuan ini satu kebebasan dan hak mereka.

Jadi saya tidak mahu hak untuk bersama berbincang ini pula dianggap satu kartel. Sementara kita pun setuju kalau kartel itu niatnya mengaut untung berlebihan, kita bantah. Tapi, jangan juga hinggakan kebebasan untuk berbincang ini kita menyusahkan ataupun menidakkan hak untuk berbincang.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Okey, kita kena lihat inti pati Akta 712. Akta 712 adalah untuk melindungi proses persaingan. Jadi bila kita cerita pasal persatuan perusahaan-perusahaan, contohnya, pengangkutan kelapa sawit. So, jadi mereka ini sebenarnya bersaing di dalam pasaran mereka antara satu sama lain. Contoh, kita ambil dalam Johor. So, jadi ada 50. So, mereka bersaing antara satu sama yang lain untuk mendapat apa orang kata *loyalti royalti customer* dia dan sebagainya.

So, jadi pengguna seperti kita ataupun pemilik kebun kelapa sawit mendapat manfaatnya. Kami tidak menghalang mana-mana perusahaan untuk menubuhkan persatuan. Kita tidak — itu bukan objektifnya. Objektifnya adalah bila mereka menubuhkan persatuan itu, kami tidak mahu mereka mengganggu-gugat proses persaingan itu. Kerana mereka, bila mereka menjadi ahli, mereka masih lagi pesaing-pesaing dalam pasaran. Cuma, seorang jadi presiden, seorang jadi timbalan presiden, seorang jadi setiausaha dan sebagainya. Itu sahaja.

Kalau kita cakap, kalau kita — YB ada cakap tadi penyelarasan boleh tetapi kalau untung berlebihan tak boleh. Kalau kita cerita pasal untung berlebihan, itu isu pencatutan. Itu di bawah KPDN, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan. Itu pun jadi satu kesalahan. Rasuah pun jadi satu kesalahan, ya.

So, jadi datangnya Akta 712 ini, kita mahu kesemua perusahaan-perusahaan yang dalam persatuan ini menjaga tatasusila dalam hal isu persaingan, ya. So, jadi bila mereka — YB, guna perkataan penyelarasan, bersetuju, pemahaman dan sebagainya. Kalau kita lihat balik kepada seksyen 2, erti kata – definisi perjanjian itu

merangkumi apa-apa persetujuan perjanjian tidak bertulis ataupun persefahaman ataupun termasuk isyarat seperti kenyitan mata, bersetuju melalui *WhatsApp* dan sebagainya. Sebab pesaing-pesaing ini, perusahaan-perusahaan ini dia tidak hanya apa orang kata bersetuju melalui MOU dan sebagainya. Dia kadang-kadang di padang golf pun dia boleh bersetuju.

So, jadi penyelarasan tentang kos dan juga harga tidak boleh dilakukan oleh persatuan perusahaan-perusahaan yang sememangnya pada masa yang sama bersaing di dalam pasaran mereka. Itu memang salah.

Tuan Pengerusi: Okey, saya rasa bab ini saya rasa kita dah faham penjelasan Datuk. Minta Datuk teruskan.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham: Tuan Pengerusi, saya haraplah pihak kerajaan pun mesti faham sesuatu dalam perniagaan ini. Sebenarnya, pada hemat saya kalau boleh kerajaan jangan terlalu campur tangan dalam isu perniagaan kerana perniagaan ini bukan sesuatu yang statik ataupun yang kita kata *fixed*.

Maksudnya, kalau tidak dibenarkan ada persefahaman, saya takut ini peniaga-peniaga besar dia boleh hancurkan peniaga-peniaga kecil dan kita pun tahu itu pun satu strategi di mana jualan barangan di bawah harga. Itu satu strategi *control the market share*. Ini satu strategi.

Jadi kalau tak ada persefahaman, hanya syarikat-syarikat besar yang dapat hiduplah kalau mereka bersaing secara kita kata bebas tanpa persetujuan. Jadi, harap-harap – pada pandangan saya jangan kerajaan campur tangan terlalu banyaklah. Jadi kalau boleh kita buat satu garis panduanlah. Niatnya kita tidak mahu kartel tetapi dalam masa yang sama kita menolong pula peniaga-peniaga besar untuk menghancurkan peniaga-peniaga kecil kalau tak ada peraturan.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *Just* nak tambah dua poin sahaja Tuan Pengerusi. Satu, Akta 712 ini memang untuk membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana yang terdiri daripada yang jumlahnya 98 peratus perniagaan Malaysia. Yang dua peratus yang syarikat-syarikat besar itu kami pun juga kawal melalui seksyen 10.

What you said just now YB is about predatory pricing, berkelakuan seakan pemangsa. Maksudnya dia menjual bawah kos untuk membunuh pesaing-pesaing dia di dalam pasaran. Itu juga kami ambil tindakan. So, jadi yang dua peratus itu syarikat-syarikat besar pun kami akan kawal dan selia dan sebagainya dan siasat mereka. Kami dah siasat MYEG, kami dah siasat Malaysia Airlines, kami dah siasat

AirAsia, Dagang Net dan sebagainya, Leong Hup, semua kami — yang syarikat-syarikat besar kami siasat.

Tak kira kecil dan besar, janji proses persaingan itu dilindungi. Pokoknya persaingan. Kami tidak mahu persaingan itu hilang ataupun diganggu-gugat. Kalau tiada persaingan habislah semua, harga semua sama. *Consumer* tiada pilihan macam kita. Kita masuk semua harga kopi RM50 satu kilo. Siapa yang kena ini?

■1150

So, jadi pengguna itu mesti mendapat manfaat pilihan harga kompetitif dan juga kualiti. Kalau tiada persaingan melalui persefahaman itu memang adalah satu kesalahan — pelanggaran yang serius di bawah seksyen 4.

Tuan Pengerusi: Okey, saya minta Datuk Iskandar teruskan.

Datuk Haji Iskandar Ismail: So, jadi, yang kedua— ini perjanjian yang dilarang. Ini yang punca kuasa kami untuk mengenal pasti perjanjian itu adalah satu perjanjian kartel ataupun amalan anti persaingan.

So, jadi sekarang ini kita ada dua jenis perjanjian antipersaingan. Satu adalah mendatar. Contohnya mendatar ini adalah syarikat kasut. 10 syarikat kasut berjanji dan bersetuju untuk menaikkan harga kasut mereka sebanyak 10 peratus, contohnya, melalui tak kisahlah AGM ke, melalui kejohanan golf mereka ke dan sebagainya, mereka membuat satu perjanjian. So, esok itu naik 10 peratus. Itu perjanjian mendatar. Dia dalam pasaran yang sama.

Perjanjian menegak pula adalah di mana pengeluar, pemborong dan juga peruncit bersetuju untuk menetapkan harga daripada peringkat hulu sampai hiliran. Maksudnya *producer* kata, “*Okey saya akan jual kepada kamu RM20 sekotak. Kamu kena jual RM30*”. Lepas itu *wholesaler* pula cakap, “*Saya dah dapat RM30, kamu kena jual RM50 kepada peruncit*”. So, jadi itu adalah satu perjanjian kartel yang menegak. So, jadi dia menetapkan harga pada semua peringkat.

Tuan Pengerusi: Pengeluar itu satu sahaja?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dia kadang-kadang ada dua, tiga pengeluarlah.

Tuan Pengerusi: Tapi kalau pengeluar yang sama — saya bagi contoh, kasut Bata yang *famous*. Pengeluar kata — pengeluar kepada dia punya pemborong, lepas itu kedai. Dia memang ada tetapkan harga.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Itu dalam skim *francais* lain.

Tuan Pengerusi: Bukan *francais*, dia bukan *francais*. Dia macam ini tahu.

Tuan Tan Kar Hing: Mungkin Pengerusi katakan itu RCP—*Recommended Consumer Price*. Dia diborong pun ada...

Tuan Pengerusi: Dia memang— dia ada *sit price* dan *so called ceiling price*. Katakan— sebab dulu waktu saya kecil, saya terlibat dengan ini, ayah saya terlibat, bukan kartel [Ketawa]. Memang kira ejen yang sah untuk jual kedai kasut, kasut sekolah Bata itu dekat pekan kecil. So, memang ditetapkan harga. You punya keuntungan itu berapa *percent* memang tak boleh naik. So, adakah itu terlibat dengan menegak?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya. Dia macam ini. Dia ada perbezaan di sini. Dia ada *recommended retail price*, *resale price maintenance*. *Resale price maintenance* ini itu adalah perjanjian kartel. Maksudnya *resale price maintenance* ini dia tetapkan harga pada semua peringkat. Tetapi kalau *recommended retail price*, maksudnya *retailer* itu dia ada hak nak menaikkan harga atau menurunkan harga. Kadang-kadang dia kasi diskaun RM2. So, dia tak jadi salah.

Tuan Pengerusi: Tapi kalau *fix* itu salah?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Hah *fix* itu salah. Dia mesti bermula daripada *producer*, *wholesaler* dengan *retailer*, ataupun *wholesaler* kepada *retailer*.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Mesti ada perjanjianlah. Maksudnya salah satu perjanjian yang selalu digunakan oleh *producer* ini adalah kalau kamu tak jual RM50 pada peringkat *retail*, saya akan perintahkan *distributor* itu tak...

Tuan Pengerusi: Tak bagi *you*?

Datuk Haji Iskandar Ismail: ...Tak bagi.

Tuan Pengerusi: Saya pergi kedai lain.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: Walaupun secara lisan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: Perjanjian boleh jadi lisan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Hah.

Tuan Pengerusi: Okey. So kalau dulu nasib baik waktu itu tak ada akta ini. Itu tahun 70an, 80an, tak ada Akta 712. Kalau tidak dah kena dah.

Dato' Ngeh Koo Ham: Tuan Pengerusi, nak tanya satu lagi penjelasan. Kalau sesuatu itu ditetapkan oleh kerajaan, monopoli ini, katakan BERNAS, hanya dia boleh saja import beras.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham: Adakah dia melanggar akta ini?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tidak. Dia sebab ada *concession agreement*. Itu adalah perjanjian kuasa kerajaan. Dan mereka dikawal oleh Kementerian Pertanian, dikawal selia di bawah akta yang berkaitan lah.

Dato' Ngeh Koo Ham: Jadi, maksudnya kerajaan boleh jadi kartel lah, orang ramai tak boleh?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak, tak, tak.

Dato' Ngeh Koo Ham: Katakan sekarang beras dia murah, harga antarabangsa. Gula pun kadang-kadang dia sangat murah. Tapi di Malaysia kita boleh naik harga gula kerana dia dikawal selia oleh satu badan atau BERNAS ini satu syarikat. Jadi, dia tak terpakai.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham: Sebab itu kadang-kadang ini, orang yang niaga ini, kadang-kadang dia kata terlalu banyak kawalan, bisnes susah untuk mereka laksanakan kerana perniagaan ini, dia ada masa untung mereka, ada masa rugi mereka.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, betul.

Dato' Ngeh Koo Ham: Jadi, kalau terlalu dikawal selia, masa boleh buat untung yang lebih, *you* tak benarkan. Kemudian masa rugi, mereka terpaksa rugi. Jadi, terlalu banyak kawalan ini yang menyebabkan perniagaan ini tidak dapat *survive*-lah

Datuk Haji Iskandar Ismail: YB, kami tak kawal BERNAS. Itu satu. Mereka boleh buat perniagaan apa-apa yang mengikut *consession agreement* yang diberikan oleh kerajaan itu. Kalau cerita pasal kartel, kita nak cerita — kami ada buat kajian padi dan beras. Kami dah bentangkan dan sebagainya. So, jadi dari situ kita dah dapat lihat tiada isu kartel. So, jadi setakat ini sajalah YB yang saya boleh terangkan. Kalau nak cerita pasal beras, satu hari saya boleh cerita pasal beras.

Tuan Pengerusi: Okey. Beras itu kita cerita lain.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Betul.

Tuan Pengerusi: Biar jawatankuasa ini *settle* dengan KPKM.

Datuk Haji Iskandar Ismail: So, jadi yang ini— okey, kita akan tidak panggil lagi dalam seksyen 4 ini perjanjian mendatar atau menegak. Kita buang perkataan 'mendatar' dan 'menegak' itu, dia jadi satu perjanjian. Apa-apa jenis perjanjian. Kerana mengikut pengalaman kami, perjanjian ini, perjanjian menegak dan mendatar boleh berlaku pada masa yang sama dalam kartel

Tuan Pengerusi: Dia boleh bercondonglah?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dia condong kiri, kanan, *zig zap* semua boleh. Contohnya saya bagi. Dalam kes CSR, dalam kes tipuan bida, di mana Mangkubumi dan sebagainya — Syarikat Mangkubumi dan syarikat yang lain telah didapati melanggar seksyen 4 kali ini, dalam isu tipuan bida perolehan kerajaan.

Ada lapan syarikat yang kena. Tetapi ada satu syarikat tak kena. Satu syarikat ini, yang dapat subkontrak dari Mangkubumi itu. Dia yang kasi harga, harga pokok. Dia dah ada perjanjian dengan Mangkubumi. Dia kata, "*Sebelum kamu nak masuk, bid ini, tender ini, kamu kena datang dekat saya, kamu kena tanya harga berapa*".

So, contohnya dia kata, "*Saya nak harga RM180 juta*". So jadi Mangkubumi dan yang lain-lain itu, yang tujuh syarikat lain itu, dia set harga RM180 juta ke atas. Jadi, dia letakkan 200, 210, 220, 230 dan sebagainya. Tetapi syarikat yang dapat subkontrak ini dia tak masuk bidaan. Dia tak masuk tender. Yang lapan masuk tender. Tapi dia dah bersubahat dari dulu dah. Dia yang tetapkan harga pokok. So, jadi bila Mangkubumi menang, dia subkontrak terus. So, Mangkubumi dapat atas angin RM40 juta, yang itu dapat RM180 juta. So, jadi kita nak kenakan yang dapat subkontrak itu. Walaupun dia tak masuk bidaan, dia bersubahat, so, jadi kita masukkan dia dalam ...

Tuan Pengerusi: Lepas pindaan, dia akan kenalah?

Datuk Haji Iskandar Ismail:...Dia akan kena.

Tuan Pengerusi: Okey faham.

Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib: Saya sikit saja.

Tuan Pengerusi: Okey, sikit saja.

Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib: Datuk, saya sikit saja. Kadang-kadang, penetapan-penetapan macam harga ini, dia tak berlaku dalam persatuan, dia buat dalam majlis saja. Macam forum apa benda itu.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ada. Ada.

Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib: Yang itu pun termasuk dalam yang ini ?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib: Maksudnya saya bagi contohlah. RXZ *members*. Dia tak ada kena mengena. Tapi dalam perhimpunan yang terbesar itu, menetapkan tentang harga *spare part* motor, harga motor tertentu.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Boleh.

Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib: Yang itu pun maksudnya terkena. Bererti bukan persatuan, tak semestinya persatuan? Maksudnya forum ekonomi

entah apa-apa, tapi dekat situ dia tentukan. Kita buat keputusanlah naikkan harga lada, misalan.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dia mesti mempunyai *ability* untuk menetapkan harga. Kalau RXZ itu — mungkin dia pembeli-pembelilah. Sebab dia pengguna RXZ. So, jadi dia kata, *“Okey, kita bersetuju, kita mesti pergi cakap dekat penjual-penjual spare part. You kena jual RM30. Kalau tidak kami tak nak beli”*.

Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yang itu?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Itu bukan kartel.

Tuan Pengerusi: Sebab dia pengguna.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dia pengguna. Dia tidak boleh kawal sebab dia bukan menjual. Dia membeli.

Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib: Dia macam ini Datuk. Mula-mula dia pengguna. Lepas itu dia dah ada lima, enam biji RXZ, dia *setting* tahu, *“Kita sekarang buka harga . RXZ spec ini mesti RM35,000 ke atas”*. Itu jadi macam mana itu?

■1200

Datuk Haji Iskandar Ismail: *Once* dia menjual...

Tuan Manndzri bin Nasib: Maksudnya pengguna...

Datuk Haji Iskandar Ismail: ...*Once* dia menjual dia boleh kena.

Tuan Manndzri bin Nasib: Okey.

Tuan Pengerusi: Oh, *once* dia...

Tuan Tan Kar Hing: Boleh menjualah.

Tuan Pengerusi: ...Dia termasuk penjual dia akan kena.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Okey.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Sebab dia menetapkan harga.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Siapa yang boleh menetapkan harga, penjual saja.

Tuan Pengerusi: Okey. Okey, faham. Bab ini faham.

Tuan Manndzri bin Nasib: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Walaupun dia individu ya, Datuk ya?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak, dia mesti berkumpul.

Tuan Manndzri bin Nasib: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dia individu-individu ni, bukan syarikat-syarikat ni.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Boleh.

Tuan Pengerusi: Berkumpulan lah.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Boleh.

Tuan Manndzri bin Nasib: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Oh, Berkumpulan ya.

Tuan Pengerusi: Berkumpulan. So, YB Tenggara ada soalan lagi fasal yang ketiga itu?

Tuan Manndzri bin Nasib: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Saya tak ada.

Tuan Pengerusi: Yang ketiga tu, ha. Okey.

Tuan Manndzri bin Nasib: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Pendekatan terbaik tu. Maksudnya dimaksudkan kat sini Singapura dan United Kingdom ini kan, macam mana dinamakan terbaik dari segi penguatkuasaan akta ini? Nombor tiga daripada slaid ini.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, ya, ya. Dia *best practices*. Bila kita buat kajian dan sebagainya bagaimana nak mengatasi isu ini yang bersubahat ini, yang tak masuk tender ini tapi dia dapat manfaat kartel itu. Dia juga yang menyebabkan kartel itu.

So, jadi kami *study all over the world*, yang paling dekat sebab kita ini *Commonwealth* kan. Yang paling dekat dengan kita adalah Singapura dan United Kingdom. Mereka telah meminda akta mereka untuk menjadikan tidak kira mendatar atau menegak, janji ada perjanjian.

Tuan Manndzri bin Nasib: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dia jadi bagus *because of* dia punya akta ataupun penguatkuasaan dia itu?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Kedua-duanya.

Tuan Manndzri bin Nasib: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Kita?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Kitanya, kita dapat...

Tuan Manndzri bin Nasib: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

...Bagus kedua-dua ni?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha, ya betul.

Tuan Manndzri bin Nasib: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Iskandar Ismail: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Datuk bila pergi UK tu?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha?

Tuan Pengerusi: Bila pergi UK tu.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak ada, tak ada. Kami apa ni Zoom...

Tuan Manndzri bin Nasib: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
Saya nak pergi UK ni.

Datuk Haji Iskandar Ismail: ...Zoom.

Tuan Pengerusi: Tak, saya tahu. MyCC pergi UK bulan September 2022.
Betul kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: *[Ketawa]* Betul, betul, betul. Betul, betul.

Tuan Pengerusi: Siapa yang dalam ini ada pergi?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dengan Dato, Dato Alex...

Tuan Pengerusi: Alex.

Datuk Haji Iskandar Ismail: ...Nanta Linggi.

Tuan Pengerusi: Dato Sri Alex kan, ha.

Tuan Manndzri bin Nasib: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Okey, teruskan.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *[Ketawa]* Next. Okey, pelepasan liabiliti ya. Seksyen 5 ini adalah memperjelaskan syarat yang perlu dipenuhi oleh perusahaan untuk mendapatkan liabiliti di bawah seksyen 5, okey. Maksudnya seksyen 5 ini membenarkan perusahaan-perusahaan yang terlibat dalam kartel ini mendapat pelepasan daripada MyCC berkaitan dengan kartel mereka ini ya.

So jadi, seksyen 5 ini dipinda untuk memperjelaskan bahawa beban pembuktian untuk mendapat pelepasan liabiliti adalah pada perusahaan yang memohon dan juga memastikan apa-apa faedah yang terhasil daripada kelakuan antipersaingan ini dapat dinikmati oleh pengguna secara saksama. Dan kelakuan antipersaingan yang mampu menghapuskan pesaing adalah tidak dibenarkan. So, *next*.

Tuan Pengerusi: Okey, ada soalan? Teruskan.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Penutupan penyiasatan ya. So, maksudnya di sini yang dua pertama itu, sebelum ini Menteri iaitu Menteri KPDN boleh mengarahkan MyCC menjalankan penyiasatan terus ya. Selalunya kalau aduan kami buat *enquiry* ataupun penyiasatan awal untuk menentukan ada tak isu persaingan itu. So jadi, tapi kalau arahan Menteri kita terus kena siasat, buka terus kertas siasatan.

So jadi, kami letakkan pindaan sedikit di situ di mana arahan Menteri kami akan buat *enquiry* juga seperti aduan. Itu saja. Dan MyCC boleh mengeluarkan surat

amaran sekiranya kes mempunyai merit tapi berimpak kecil. MyCC boleh mengeluarkan surat amaran agar kelakuan antipersaingan dapat dicegah.

Contohnya YB, contoh kalau kita ambil, apa ni orang kata contoh dalam satu *food court* ya. *Food court* ini *food court* yang kawasan taman-taman ni, kita dapati mereka ni meletakkan harga makanan-makanan mereka. Nasi lemak RM5, semua RM5. Sepuluh kedai semua letak RM5 tapi impak dia kecil ya. Kami selalunya mensasarkan kes-kes yang berimpak besar. So jadi, apa yang kami buat untuk ini kami akan mengeluarkan surat amaran.

Tuan Pengerusi: Tapi kalau menu itu RM5, menu Rahmah.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *[Ketawa]* Ya, betul. Ya.

Tuan Pengerusi: Okey, faham.

Datuk Haji Iskandar Ismail: So jadi – Ha, ya.

Tuan Pengerusi: Sebelum ini tak ada kuasa untuk berikan surat amaran?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Secara *administrative*. Kami keluarkan secara *administrative*.

Tuan Pengerusi: Oh, okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dan kami nak letakkan dalam apa inilah secara undang-undanglah.

Tuan Pengerusi: Tapi kalau – okeylah. Kes kecil macam kat *food court* impak kewangan dia mungkin very minima tapi berlaku kartel, surat amaran tu apa dia punya *[Tidak jelas]* dari sudut undang-undang?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Okey. Surat amaran tu kami akan pegang, okey kami akan cakap kata kami akan – *we will ask them to stop*, hentikannya lepas itu kami akan pantau selepas itu. Buat lagi sekali kalau dia buat lagi sekali kami akan ambil tindakanlah.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Cuma Pengerusi, definisi impak kecil itu maknanya suatu yang abstrak. Amaun RM5 kecil, RM10 tu kecil itu yang susah kita nak definisi itu, berimpak kecil. Apa contoh – macam mana yang dikatakan berimpak kecil?

Tuan Pengerusi: Ha?

Dato' Rosol bin Wahid: Ha, maknanya...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Kita akan ada garis panduan YB dalam hal ini. Kita ada garis panduan apa itu impak kecil. Sebab dalam akta ini kita yang *provision* seksyen 4 ini ataupun seksyen 10 ini yang mempunyai impak yang signifikan. Ada tertulis dalam akta itu, signifikan. So jadi, kalau yang berimpak kecil itu dia hanya kena kat Taman Desa Rasah, Taman Rasah Jaya saja, kecil kan, so boleh kita buat

keluarkan surat amaran kita *educate* mereka *at the same time* buat advokasi. Dari situlah.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Terima kasih YB Pengerusi. Datuk ya, saya ada satu soalan nakal ya.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya. *[Ketawa]*

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Iaitu adakah Program Jualan Rahmah sekarang ini yang disertai beberapa syarikat tertentu yang dipilih-pilih ini, melanggar Akta Persaingan ya?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tidak, tidak, tidak. Tidak.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Fasal apa tidak?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tidak, sebab ini adalah perjalanan kuasa kerajaan ya, itu satu. Dia adalah program kerajaan, itu satu ya YB. Keduanya pemilihan itu apa yang kami lihat, kami lihat semua benda ini. Ya, ada soalan-soalan datang kepada kami kenapa syarikat ini *je* dapat, ini, ini, ini. Tetapi sekarang ini KPNDN buat dia bergilir-gilir. Lepas itu bila kami lihat kononnya – contohnya di KPNDN ada buat ya.

Mydin ada, siapa nama tu, AEON ada dan sebagainya kami lihat harga semua berbeza untuk produk yang sama dan sebagainya. Kami pantau semua itu, KPNDN saja tak tahu kadang-kadang. Ya, sebab kami risau jugalah ya.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Maknanya...

Dato' Rosol bin Wahid: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
[Beberapa Ahli ketawa]

Datuk Haji Iskandar Ismail: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Okey, minta teruskan Datuk.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya. *So, next.* Okey, seksyen 18, kuasa untukengehendaki pemberian maklumat, penambahbaikan dibuatnya untuk kaedah pemberian maklumat melalui salinan dokumen, keterangan lisan, keterangan bertulis. Jadi kami strukturkan nya dengan lebih jelas lagi. Dan sesiapa yang tidak memberi maklumat kepada MyCC, ia menjadi satu kesalahan jenayah. Dan kerajaan pun kena beri ya. Kami boleh beri arahan kepada kerajaan, kerajaan boleh tapi kerajaan tidak akan dikenakan tindakan kesalahan jenayah tetapi mereka wajib berikan kepada kami. Ya, itu saja. *Next.*

Langkah interim ya. Langkah interim ini seperti kalau kita nak faham ni sama dengan *injunction* ya. *So*, maksudnya bila kami siasat kami dapati ada satu kartel

yang besar, so jadi kami keluarkan satu notis langkah interim bawah seksyen 35 kita kata *stop* dulu sampai habis kami punya penyiasatan. Tetapi ia terpakai kepada isu-isu yang timbul di bawah seksyen 14 saja, aduan tidak ada.

Kami merasakan bahawa bila akta ini digubal pada tahun 2010, saya rasa mereka tertinggal seksyen 15 itu. So jadi kami masukkan seksyen 15. Itu saja.

Tuan Pengerusi: Seksyen 15 itu, seksyen yang...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Aduan.

Tuan Pengerusi: Ha?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Aduan. Maksudnya...

Tuan Pengerusi: Aduan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: ...Punca, punca penyiasatan MyCC adalah aduan seksyen 15. Seksyen 14 inisiatif MyCC sendiri dan arahan Menteri.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Seksyen 14 saja yang masuk sekarang ini untuk seksyen 35 kalau kes itu berpunca daripada arahan Menteri ataupun inisiatif MyCC. Aduan kami tak boleh kenakan langkah interim. Kecuali kami letak seksyen 15.

Tuan Pengerusi: So, seksyen ini — Sekarang ini seksyen 14 sajalah.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha, ya.

Tuan Pengerusi: Lepas pindaan ini, seksyen 15...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: ...Aduan pun boleh juga.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, boleh.

Tuan Pengerusi: Okey. Kalau pihak yang terkilan, dia boleh *challenge* kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, boleh, boleh.

Tuan Pengerusi: Dia pergi mahkamah *challenge* lah.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Boleh.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Okey. *Next*. Penambahbaikan. Keputusan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya. Memperjelaskan proses pengeluaran keputusan cadangan ya oleh Suruhanjaya. Dia satu yang paling utama adalah memperjelaskan hak perusahaan untuk mengemukakan representasi bertulis kepada Suruhanjaya. Jika representasi bertulis dikemukakan, perusahaan perlu menyatakan sama ada ingin membuat representasi lisan di hadapan Suruhanjaya.

■1210

Dan juga, jika — keputusan cadangan ini hanya boleh dikeluarkan selepas suruhanjaya telah melengkapkan penyiasatannya.

So jadi, bila keluar keputusan cadangan, contohnya ada bukti-bukti baru, bukti-bukti baru yang menyatakan mereka ini menambah lagi ahli-ahli kartel, contohnya lah. So jadi, kami boleh mengeluarkan keputusan cadangan tambahan *on top of that* keputusan cadangan ya. So jadi, itu boleh dibuat sebelum keputusan muktamad dibuat di bawah seksyen 39 ataupun 40.

Tuan Pengerusi: Sebelum ini memang tak ada kuasa ini kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak ada. Tak ada. Kami ada keluaran secara *administrative*. *Administrative* itu terpaksa lah. So jadi, kami jelaskan...

Tuan Pengerusi: Ini macam *quasi-judicial*?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya. Kami adalah *quasi-judicial body*.

Tuan Pengerusi: Tak. Ini seksyen 36, selepas pindaan ini.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya lah.

Tuan Pengerusi: Sebab Datuk sebut sebelum pindaan ini, seksyen 36 lebih kepada *administrative*.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak, tak. Maksud saya, yang keputusan cadangan tambahan.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Itu, *part* itu, bahagian itu kami keluaran secara *administrative*.

Tuan Pengerusi: Oh.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha, okey. So, jadi, kami nak letakkan — disimenkan di dalam akta ini melalui peruntukan yang jelas lah ya.

Tuan Pengerusi: Okey. Jadi, ini yang menjelaskan proses pengeluaran keputusan cadangan oleh suruhanjaya, ini semua benda yang baru yang dimasukkan dengan pindaan ini?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, ya betul.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Pindaan ini menunjukkan hubungan dan proses yang jelas antara seksyen 36 hingga 40. Seksyen 36 hingga 40 adalah proses di mana MyCC untuk memuktamadkan — proses untuk memuktamadkan keputusan kartel ataupun isu monopoli bermasalah.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: So, penambahbaikan representasi lisan. Sebelum ini seksyen 37 ini amat-amat *simple*-lah ya. So jadi, kami tambah baik untuk menyatakan prosedurnya dengan lebih jelas ya. So jadi, ada panel pendengaran dan sebagainya dan memastikan prinsip *natural justice*, memastikan hak perusahaan

terpelihara dengan memastikan ruang pembelaan yang lebih adil dan telus dan kami juga boleh buat sesi tertutup untuk perusahaan yang disiasat yang kalau mereka mohonlah.

Tuan Pengerusi: Boleh diwakili peguam tak?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Boleh.

Tuan Pengerusi: Sebelum ini?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Boleh dia diwakili oleh pakar ekonomi juga.

Tuan Pengerusi: Tak, sebelum ini?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ada.

Tuan Pengerusi: Jadi, itu tak ada perubahanlah?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak ada perubahan.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Datuk, Datuk, satu saja. Panel wakil yang dilantik, siapa yang dilantik itu?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Itu adalah anggota-anggota yang terdiri daripada anggota suruhanjaya...

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Siapa yang ada punca kuasa melantik semuanya?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Itu ada dalam seksyen 7 —~~seksyen 71~~, Akta 713. *Consequential amendment to this.*

Tuan Pengerusi: Kita kan bincang lepas ini, ada.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ada hujung, dekat hujung nanti. So jadi, dia ada inilah, ada punca kuasa di situ.

Seksyen 42, penguatkuasaan arahan dan sebagainya. Maksudnya di sini, apabila MyCC mengeluarkan keputusan muktamad di bawah seksyen 40, didapati ada pelanggaran dan dikenakan penalti kewangan. Contohnya, syarikat itu enggan membayar penalti itu. So jadi, kami boleh membawa mereka ke Mahkamah Tinggi untuk menguatkuasakan pematuhan pembayaran penalti itu.

Tuan Pengerusi: Sebelum itu?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ada, tetapi dia tak jelas sangat dan kami tambah baik. Kalau kami tambah apa ini orang kata, cili sikitlah orang kata. Kalau dia tak bayar, dia lambat, dia kena *interest*-lah. Kalau dia tak bayar juga, *contempt of court*. So jadi, itu adalah cara kami untuk memperkasakan keputusan MyCC itu.

Tuan Pengerusi: Maksudnya, kuasa ini, kuasa untuk membawa prosiding mahkamah memang telah ada...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: ...dalam versi asal, versi yang ada pada ketika ini.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, ada.

Tuan Pengerusi: Cuma, ini untuk yang dikatakan inilah, kalau apa, kalau dia lambat ke apa, kena bayaran bunga ha?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Ikut yang penghakiman biasalah?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey, yang lain itu tak banyak — ini tak banyak beza kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ada, aku janji. Seksyen 43.

Tuan Pengerusi: Ini yang baru?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha, yang baru. Maksudnya, kita boleh menguatkuasakan seksyen 35, 39 dengan 40 ya, melalui penguatkuasaan bawah seksyen 42 ini.

Tuan Pengerusi: Oh, yang bawah ini seksyen 35, seksyen 40 dan seksyen 43 ini benda baru?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya. Eh, tak. 43 baru.

Tuan Pengerusi: Ini baru.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha.

Tuan Pengerusi: Yang dua itu memang ada kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha, dah ada. Ya.

Tuan Pengerusi: Okey. Okey, teruskan.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya. Okey, *next*. Dan kuasa untuk memberi — menerima aku janji, okey. So jadi, aku janji ini adalah di mana adalah satu kuasa di bawah MyCC yang sedia ada di mana kita — apabila penyiasatan terhadap kartel dilakukan ataupun monopoli bermasalah. Di tengah-tengah penyiasatan itu, syarikat-syarikat yang disiasat oleh MyCC itu dia boleh datang kepada MyCC. Dia kata okey, *we will stop. We will stop* apa-apa amalan persaingan ini, antipersaingan dengan menandatangani aku janji, perjanjian dengan MyCC. So, dia akan *stop*.

So jadi, tetapi kami nak tambah baik di mana mereka ini kami boleh kenakan apa-apa syarat untuk mereka tanda tangan — untuk aku janji itu termasuk dikenakan denda ya. Sebab *all this while*, apa yang kami lihat, *all this* yang syarikat-syarikat tertentu ini dia ada *take it for granted*-lah aku janji ini. So, selepas itu kami lihat dia ada melakukannya lagi sekali dan dia mengambil ringan berkaitan dengan isu aku janji ini.

Tuan Pengerusi: Ini yang pindaan kepada seksyen 43...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: Masukkan frasa aku janji. Sebelum itu tak ada isu aku janji kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ada, ada.

Tuan Pengerusi: Ada?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ada. Seksyen 43 itu memang ada aku janji.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha, nombor tiga itu, syarat-syarat termasuk denda.

Tuan Pengerusi: Oh, dulu tak ada benda inilah?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, tak ada. Syarat-syarat tambahan, ada syarat-syarat. Kita boleh mengenakan apa-apa syarat ya.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tetapi kita tak letakkan dekat situ termasuk denda, denda.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Haah.

Tuan Pengerusi: Tapi, apa beza dia? Saya tengok sama je kalau macam itu.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak sama.

Tuan Pengerusi: Pinda tak pinda.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Sebelum ini okey, efek aku janji ini adalah...[Dice lah] pelanggaran itu, pelanggaran itu terhenti yang di — pelanggaran yang disiasat terhenti dan aku janji ini seolah-olah adalah satu keputusan tiada pelanggaran. Tutup kertas siasatan.

Tuan Pengerusi: Oh.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Let say penyiasatan pada tahap 60 peratus, so menjurus kepada keputusan pelanggaran. So jadi, syarikat-syarikat itu dia datang dan dia *invoke* seksyen 43 ini. Dia kata, "*Okey, kami nak sign aku janji, kami nak stop semua. Apa yang kami buat itu, apa yang disiasat oleh MyCC, kami nak hentikan semuanya*".

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: So jadi, MyCC kata, "*Okey boleh. Okey, kami akan letakkan syarat-syarat a,b,c,d,e,f, okey. So jadi, kamu kena buat — pergi buat advokasi, kena pergi belajar competition law dan sebagainya, kena hire peguam dan sebagainya. Kami akan sertakan syarat-syarat yang ketat*". So jadi, tapi kami masukkan syarat tambahan itu di mana dia memberi kuasa MyCC mengenakan

denda, tetapi denda itu kecil untuk — selalunya untuk *recover* balik kos MyCC untuk penyiasatan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Jadi, dia tak ada unsur-unsur untuk menghukumkah? Kalau setakat denda yang...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha, tak ada. Tak ada.

Tuan Pengerusi: ...kuantum yang kecil.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dia *education*-lah.

Tuan Pengerusi: Okey. Tapi, sekarang ini ada buat pindaan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Masukkan denda itu.

Tuan Pengerusi: Masukkan denda? Denda itu macam mana? Denda kecil juga?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha, denda kecil. Kami akan keluarkan *guideline* apa jenis denda dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: So, sebelum itu memang tak ada dendalah?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak ada. Tak ada.

Tuan Pengerusi: Ini yang ketiga...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Syarat-syarat biasa sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang ketiga itu yang baru kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, ya. Ketiga baru.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Okey, *next*.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Datuk, sikit saja dapat penjelasan.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Okey.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Contoh kalau contoh orang jual produk jenama tapi dia *online* kan, tak boleh tipulah. Maknanya yang *genuine* dia dah jual, lepas itu ada *online*, dia gunakan jenama sama produk, tapi palsu. Macam mana dia, dia ada kaitan dengan MyCC ini tak? Boleh...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak ada.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Tak ada.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *That is* perihal dagangan, Akta Perihal Dagangan.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Lain?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha lain. Itu bawah KPDN.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: KPDN.

Datuk Haji Iskandar Ismail: So jadi, KPDN ini lebih kepada bahagian kepenggunaan, *consumerism*. Kami kepada bahagian *competition*.

Tuan Pengerusi: Okey, teruskan. Datuk, Datuk kejam. Penyasatan semula aku janji, boleh tak Datuk terangkan sikit? Kalau dia tak mematuhi aku janji.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ini ada kena-mengena dengan seksyen 42 juga, okey.

■1220

Dan maksudnya di sini, okey dia dah berjanji menghentikan amalan anti persaingan itu. Lepas itu kami dapat aduan kah, dapat informasi kah dia buat benda yang sama. Jadi, kami bongkar balik apa yang dia buat sebelum ini yang terkandung dalam aku janji itu, kami siasat semua sekali.

Tuan Pengerusi: So, buka balik yang...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Buka balik.

Tuan Pengerusi: Kes yang pertama dululah?

Datuk Haji Iskandar Ismail: So, jadi kami tak nak mereka mengambil ringan dengan aku janji ini. Aku janji ini disiarkan. Kami dah *sign*, dah tandatangan, kami paparkan di laman web untuk tatapan semua.

Tuan Pengerusi: Itu tidak mengaibkan kah?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak, tak.

Tuan Pengerusi: Boleh siar macam itu?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Boleh. Memang dikehendaki oleh undang-undang.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *Okay next.* So, jadi pindaan penambahbaikan sedia ada yang lain adalah berkaitan dengan kerahsiaan, pemusnahan rekod dan sebagainya, ancaman dan tindak balas. Ini semua penambahbaikanlah— dapatan pelanggaran, rayuan kepada Tribunal Rayuan Persaingan dan jadual berkenaannya...

Tuan Pengerusi: Ini pindaan dia tidak membawa yang *substantial*-lah?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak ada.

Tuan Pengerusi: Macam kalau, apa nama, seksyen 51...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dia penambahbaikan tapi tidak *substantial*.

Tuan Pengerusi: Okey. 51, 54, 58 dia banyak berkisar kepada Tribunal Rayuan...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tribunal Rayuan Persaingan.

Tuan Pengerusi: So, yang basic punya tetap samalah?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, sama.

Tuan Pengerusi: Okey, saya nak tengok seksyen 24 itu. Pemusnahan, penyembunyian, pencacatan, pengubahan rekod— apa benda itu? Boleh bagi contoh?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Okey, berkenaan dengan pemusnahan, penyembunyian, pencacatan atau pengubahan rekod dan sebagainya. Kami memasukkan dalam subseksyen (a) *“Memusnahkan, menyembunyikan, mencacatkan atau mengubah atau cuba untuk memusnahkan, menyembunyikan, mencacatkan atau mengubah.”* So, maksudnya dalam aksi mereka untuk cuba memusnahkan bukti contohnya minit mesyuarat, contoh dia nak *shred*, kami dapat tangkap mereka pada masa itu, so jadi itu adalah satu kesalahan jenayah. Sebab kami ada mengikut pengalaman kami ada yang cuba memusnahkan.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Contohnya dia tarik *cabl* masa kami *extract* informasi daripada *laptop* itu, dia tarik *cabl*. So, jadi itu adalah cubaan untuk memusnahkan.

Tuan Pengerusi: Okey, ada soalan lain?

Dato’ Rosol bin Wahid: Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Dato’.

Dato’ Rosol bin Wahid: Beberapa perkara, mungkin panas sikit kut. Macam sejuk ini. Okey, berkaitan dengan mafia korporat – SG, BlackRock dan sebagainya. Apakah ia termasuk dalam bidang kuasa MyCC untuk menyiasat? Itu yang pertama. Yang kedua, *merger* bank-bank yang menjadikan standard harga semua sekali itu. Adakah ia di-cover oleh MyCC? Itu sahaja Pengerusi, terima kasih.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *Merger* bank-bank sahaja ya, YB. Okey yang pertama, jawapan ringkasnya tidak. Tidak termasuk di bawah isu MyCC kecuali syarikat itu syarikat yang dominan dan monopoli menyalahgunakan kuasa mereka dalam pasaran. Contohnya MyEG yang kes kami yang sebelum ini. Keduanya, isu-isu apa ini percantuman bank-bank. Itu adalah di bawah kuasa Bank Negara dan kami juga tiada kuasa berkaitan dengan rejim kawalan percantuman buat masa ini.

Dato’ Rosol bin Wahid: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Boleh tak termasuk dalam ini, dalam pindaan? Tak boleh?

Datuk Haji Iskandar Ismail: *[Ketawa]* Tak masuk. Maksudnya di sini memang ada rancangan ya Dato’. Mengikut RMK13, strategi A.6.2, dia akan memusatkan kuasa persaingan kepada MyCC. Maksudnya di sini MCMC, SKMM, CAAM dan Suruhanjaya Tenaga yang mempunyai kuasa persaingan dalam sektor

mereka akan dipusatkan ke MyCC dan di situ mereka mempunyai kuasa mengawal percantuman, jadi kami pun kena ambillah.

Dato' Rosol bin Wahid: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
So, sekarang ini kalau percantuman kena bagi la sekarang ini?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak ada, tak ada.

Dato' Rosol bin Wahid: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
Makna semua boleh cantum?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Boleh cantum. Dia bergantung kepada sektor-sektor tertentulah. Kalau berkenaan dengan *telco*, itu bawah SKMM. Bank, Bank Negara.

Tuan Pengerusi: Spesifik. Dia spesifiklah ya?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Okey. Okey minta teruskan.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *Next.* Okey, pengenalan peruntukan baharu di bawah Akta 712. Peruntukan yang pertama yang baharu adalah seksyen 11A, pengenalan kuasa untuk mendapatkan maklumat atau dokumen bagi tujuan kajian semula pasaran. Kajian semula pasaran ini adalah satu bentuk *soft enforcement approach*. Maksudnya kita tak menggunakan sahaja penyiasatan untuk menguatkuasakan perundangan kita tetapi kita buat kajian semula pasaran. Yang terkini adalah berkenaan dengan *digital economy* yang kami terbitkan pada Februari tahun ini.

So, jadi dalam untuk menjalankan kajian semula pasaran ini kami memerlukan banyak maklumat, banyak data, butiran dan sebagainya. Dan kebanyakannya kami kena berusaha tiga, empat kali ataupun kadang-kadang tak dapat langsung. Tetapi bila kami terbitkan, adalah pihak-pihak dia kata ini salahlah, itu salahlah dan sebagainya. Tetapi kami bertindak atas maklumat yang kami dapat.

So, jadi apa yang kami buat adalah seksyen baharu ini MyCC boleh mendapatkan maklumat atau dokumen dari pelbagai pihak termasuk kerajaan bagi tujuan menjalankan kajian semula pasaran yang menjadi wajib kepada syarikat-syarikat. Jika mereka gagal mematuhi notis kami, ia adalah satu kesalahan jenayah tetapi tidak untuk kerajaan. Kerajaan hanya wajib memberi kepada kami tetapi kalau dia tak kasi ataupun dia lambatkan kah apakah, dia tak menjadi satu kesalahan. Itulah— ini kajian semula pasaran ini ia adalah satu bentuk tindakan penguatkuasaan yang efektif tetapi lembut. So, jadi sebab itu kami perkenalkan seksyen ini. *Next.*

Okey. Peruntukan baharu. Pengenalan tawaran penyelesaian kes (*offer of settlement*). Selepas kami selesai penyiasatan, kami akan keluarkan keputusan

cadangan di bawah seksyen 36. Sekarang ini, kami mempunyai banyak kes yang kami siasat dan keluarkan banyak keputusan cadangan. Jadi, untuk mempercepatkan ataupun dalam *fast track program* kami, siapa yang— keputusan cadangan ini dia seolah-olah berbentuk kalau dibandingkan dengan kes jenayah, di mana tertuduh itu dipanggil untuk membela diri ataupun AGC ataupun Pejabat Peguam Negara telah membuktikan kes *prima facie*.

So, jadi kami boleh menawarkan tawaran penyelesaian contohnya kalau dalam keputusan cadangan ini dicadangkan mereka dikenakan penalti RM10 juta. So, jadi dia boleh memohon untuk menyelesaikan kes ini dan mereka boleh layak untuk mendapat pengurangan penalti sehingga 40 peratus. So, jadi maksudnya dia boleh dapat *between RM6 to RM9.9 million*. Daripada *RM10 million* dia mungkin boleh dapat *one percent* kah, bergantunglah kepada situasi dan kami akan isukan *guideline*.

So, jadi senang— sebab kami mahukan, apa ini, tindakan terhadap sabotaj ekonomi ini henti dengan secepat mungkin. Kalau dia pergi kepada representasi lisan, keputusan akhir, dia buat rayuan dan sebagainya, dia akan mengambil masa. Macam contohnya kes MAS—AirAsia. Kami memerlukan hampir 10 tahun untuk menyelesaikan kes itu.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sampai *Federal Court*?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, sampai ke *Federal Court*.

Tuan Pengerusi: Datuk, ini bawah kuasa suruhanjaya, kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Maknanya MyCC buat keputusan ada tribunal kah, ada apa? Ada panel kah yang tentukan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ada panel.

Tuan Pengerusi: *40 percent*. Sebab katakan pengurangan penalti maksimum *40 percent*.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: So, nak bagi pengurangan *40 percent* kah, *20 percent* kah, panel yang tentukan atau...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, anggota-anggota Suruhanjaya.

Tuan Pengerusi: Walaupun Datuk sebagai CEO, Datuk tentukan? *[Ketawa]*

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak, tak. Saya pegawai Suruhanjaya sahaja. Saya tidak mempunyai kuasa.

Tuan Pengerusi: So, panel ya?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Panel, ya panel.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Nanti kita pergi ke Akta 713.

Tuan Pengerusi: So, ini yang seksyen 38A ini *brand new*-lah?

Datuk Haji Iskandar Ismail: *Brand new*, ya betul.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Okey, *next*. Rayuan kepada Mahkamah Tinggi. Ini adalah salah satu cabaran yang amat besar sekarang yang dihadapi oleh MyCC.

■1230

Berikutan dengan keputusan MAS–AirAsia yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan, yang menjadikan MyCC ini adalah salah satu — satu-satunya agensi persaingan yang pelik di dunia ini. Di mana, sekiranya keputusan MyCC dibawa ke peringkat Tribunal Rayuan Persaingan dan kalau perusahaan-perusahaan itu yang merayu itu kalah dan TRP tribunal mengekalkan keputusan MyCC, mereka boleh membawanya ke Mahkamah Tinggi untuk merayu ataupun melalui semakan kehakiman.

Tetapi kalau MyCC kalah di peringkat Tribunal Rayuan Persaingan, MyCC tak boleh merayu. MyCC *stop* kat situ.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Itu adalah keputusan Mahkamah.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Haji Iskandar Ismail: Sebab dia kata, antara salah satu isunya adalah yang tiada apa ini orang kata klausa yang mengatakan MyCC boleh membuat rayuan, itu satu. Satu lagi adalah Tribunal Rayuan Persaingan ini mempunyai kuasa terhadap Suruhanjaya Persaingan Malaysia.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, ya. Jadi, MyCC tidak mempunyai kuasa untuk menyemak semula keputusan MyCC.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: MyCC. Contoh kalau dah bawa ke tribunal, dia kalah tak boleh buat rayuan. Tak boleh semak semula ke ataupun...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak boleh, MyCC sekarang tak boleh. Sekarang MyCC tengah, tengah...

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Contoh siasatan itu ambil 10 tahun ini, *stop* dekat situ kah? *Then what for?* Apa rasional?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Itulah.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Dah 10 tahun. Lepas itu kata okeylah, MyCC dia kalah, dia tak boleh buat rayuan. *Then*, kerja 10 tahun tahu ? Ini memang ada *facts*.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dia — Mereka anggap MyCC dengan Tribunal Rayuan Persaingan ni adalah satu badan. *It's not a separate body*. Jadi, bila kita nak menyemak balik keputusan TRP itu, *its amounting to administrative insubordination*.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Maksud saya, sekurang-kurangnya dia boleh tambah semakan tambah maklumat ke untuk buat rayuan. Kalau tidak, tak ada juga. Dia *stop* situ, tapi kalau dia kalah, dia boleh ke mahkamah.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Dia sepatutnya pindalah akta kalau tak boleh. Kita boleh sokong, biar dia boleh ambil.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ini, ini yang kami pinda hari ini.

Tuan Pengerusi: Itu yang masukkan...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ini yang masuk pinda itu.

Tuan Pengerusi: Itu yang masukkan seksyen. Ini kita sokonglah sebab saya rasa kena *fair* lah. Pihak yang terkilan, pihak yang terlibat. Kalau dia kalah, dia tak puas hati, pergi mahkamah. Sama juga MyCC. *I think I have to be fair*. So, ini tak ada isu. Saya pun terkejut. Saya dengar taklimat dari Datuk. Eh, macam mana satu pihak boleh, satu pihak tak boleh?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Jadi, pada masa yang sama, kami mempercepatkan — ingin mempercepatkan rayuan itu kerana kes ini mengambil hampir 10 tahun. Jadi, rayuan itu akan terhenti pada peringkat Mahkamah Rayuan. Dia tak boleh pergi kepada Mahkamah Persekutuan. So, maksudnya rayuan pertama adalah Tribunal Rayuan Persaingan. Rayuan kedua adalah Mahkamah Tinggi. Rayuan terakhir adalah Mahkamah rayuan.

Tuan Pengerusi: Itu, itu betul.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Jadi, dia *shortened the period of appeal*.

Tuan Pengerusi: Sebab apa-apa rayuan terhadap keputusan tribunal, mana-mana tribunal, siapa yang terkilan, tak puas hati, dia pergi *High Court*, Mahkamah Tinggi, rayuan pertama. So, *High Court* itu macam *appellate court* lah. Lepas tu kalau masih tak puas hati, *the next* Mahkamah Rayuan dua kali. Dia tak boleh tiga kali dah. Ini kalau tiga kali itu dah — memang sistem kita. Okey, *part* itu saya rasa YB Beruas, YB Pasir Gudang, *confirm okay*.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Okay, *next*. *[Ketawa]* Ya betul. Ini peruntukan baru. Ini berita baik kepada pemberi-pemberi maklumat luar sana. Kita mengikut

contoh-contoh agensi-agensi kerajaan lain, juga macam kastam, imigresen dan sebagainya. Maksudnya di sini, pemberi maklumat akan mendapat perlindungan daripada MyCC dan juga boleh dapat ganjaran. Jadi, *this is going to be*. Kita ada jumpa — dapat apa ini komunikasi daripada pemberi maklumat bila mereka kata tak ada ganjaran. *They just stop*. Dia tak nak kasi maklumat. So, jadi...

Tuan Pengerusi: Apa ganjaran dia, Datuk?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Duit.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Iskandar Ismail: Bergantung kepada nilailah dan kita akan buat satu *guideline* lah berkaitan.

Tuan Pengerusi: Tapi dalam ini tak sebut formula, kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Memang tak sebut. Dia akan sebut dalam *guideline*. Kita tak boleh letak dalam akta.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Garis panduan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Garis panduan.

Tuan Pengerusi: Ini dari segi implikasi undang-undang itu, ada isu-ka Pak Hassan? Saya nak tanya pandangan Pak Hassan. Sebab pemberi maklumat akan dapat ganjaran itu yang kadang...

Tuan Hassan bin Abdul Karim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Perlindungan kepada pemberi maklumat itu bagus.

Tuan Pengerusi: Dapat ganjaran tu.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tapi memberi ganjaran itu macam rasuah juga. *[Ketawa]* Kita patut menggalakkan rakyat, dari segi moralnya bersikap bertanggungjawab, bukannya monetari, balasan itu. Jadi kalau semua akta, akan buat macam polis itu buat macam ini, SPRM buat macam ini, MyCC inilah benteng terakhir. Saya tak berapa berkenanlah.

Tuan Pengerusi: Tak. Saya rasa macam ini. Saya — itu yang saya minta Pak Hassan. Saya nampak benda ini pun, itu yang sengaja saya minta YB Pasir Gudang tolong bagi pandangan. Saya dah agak dah YB Pasir Gudang punya pandangan.

Tak, saya rasa macam ini, ini pandangan daripada jawatankuasa adalah janganlah sebab monetari itu yang menjadi faktor utama orang datang. Kita nak moral punya aspek itu. Sebab besok kalau semua orang datang, “*Eh, eh, ini dapat tau*”. “*Ini kalau kita bagi maklumat dekat MyCC, kita akan dapat sekian, sekian*”. Itu

sebagai dorongan utama, saya rasa *defeat the amendment*. Okey? Kita jangan jadikan ia sebagai.

Jadi, kita nak sebut, walaupun tak terlibat dalam akta RUU ini, dia patut peraturan sangat nominal sahaja. Sangat nominal. Mungkin — ya lah, kita bagi sugu hati sikit tulah tapi jangan ikut *percentage*. Kalau katakan, saya membongkar satu kes, RM100 juta. So, *you* bagi saya *five percent*. Sudah RM5 juta. *This is* tak boleh. Pak Hassan, betul ?

Tuan Hassan bin Abdul Karim: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Bagi sijil pengiktirafan sudahlah.

Tuan Pengerusi: *Okay. So, it's something like that.* Kita *concern* bahagian ini. Okey? Saya nak rekodkan benda ni. Okey, Yana?

Dato' Rosol bin Wahid: Cuma Pengerusi, saya *contrast* sikitlah. Dunia sekarang ini, *no money, no talk*. Dunia sekarang semua material. Okey. Jadi, dari segi moral itu — dan saya difahamkan, ia nya juga diamalkan di kastam, imigresen dan sebagainya. Jadi, ini sebagai suatu dorongan. Dorongan daripada keberanian orang yang mendedahkan perkara tersebut.

Jadi, ini sebagai satu — *it's not*. Maknanya *to me it's not* rasuah. Ini sebagai satu hadiah. *Just to say thank you*. Oleh kerana *you* beri ni, kerajaan dapat untung. Kerajaan dapat juta-juta. *Why not you* bagi sikit, satu *portion*? Tapi *portion* tu kita tak boleh nak tak kuantum lah. Untuk nak *just to say thank you*. Itu *my opinion*.

Tuan Pengerusi: Mungkin kita gunakan perkataan nominal tu. Nominal lah. Nominal Pak Hassan ? Nominal lah. Tak boleh bagi lebih.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Itu...

Tuan Pengerusi: Tak berdasarkan *percentage*. Bahaya tahu. Kalau berdasarkan *percentage*, bahaya. Saya bagi contoh. Yang apa, yang kartel tentang ayam itu berapa RM400 juta?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha, RM400 juta. RM415 juta.

Tuan Pengerusi: RM400 juta kalau *you* bagi *five percent*...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Oh, tak. Kami tak cakap *five percent*. [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi: Tak, katakan, katakan. Katakanlah, *you* bagi. Okey, katakan *you* bagi *one percent*. Itu RM4 juta. Itu pun sudah — So, saya rasa kita tak...

Dato' Rosol bin Wahid: Tapi guna perkataan nominal itu bagus.

Tuan Pengerusi: Nominal ? Nominal.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Kami dah rujuk kepada AGC dalam hal ini.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Mereka menasihatkan bahawa, satu, kita tak boleh letak apa-apa — apa ni, menentukan tahap ganjaran tu. Nominal kah, maksimum kah, minimum kah dan sebagainya. Seksyen 64B ini, *it is an enabling provision*. Dia kata suruhanjaya boleh memberikan ganjaran. So, maksudnya...

Tuan Pengerusi: Terpulang.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Maksudnya terpulang kepada kami. Ada masa, kalau dia kata dia kasih *bit by bit*, lepas itu tak berguna, buat apa kami nak kasi? Kalau dia kasi betul-betul, jadi yang boleh memecahkan kartel itu, jadi kita ada tahap dia lah dalam *guideline*. Okey, berapa banyak *you* kasi? Adakah satu syarikat atau 10 syarikat, lima syarikat dan sebagainya. Dia ada tahap dia lah.

Dato' Rosol bin Wahid: Ada... *[Tidak jelas]*

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya. Jadi, pada masa yang sama, kami nak sama juga, sama ratakan kecekapan kami dengan kastam, dengan apa ni DOE dan sebagainya; PERHILITAN. Itu sebab kami tidak mempunyai *resources* untuk membuat *intelligence* satu Malaysia. Jadi, kalau pemberi maklumat tu boleh datang, lagi bagus.

Tuan Pengerusi: Okey. Sebab bahasa Inggeris dia, "*The commission may*".

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Bahasa Melayu, "boleh".

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha, "boleh".

Tuan Pengerusi: *Okay, settle*.

Datuk Haji Iskandar Ismail: *Okay, settle. [Ketawa]*

■1240

Tuan Pengerusi: Dia kata *shall* itu tak boleh. *Shall* itu kena tangan MyCC pula kena ikat.

Dato' Rosol bin Wahid: Wajib.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ha, ya betul.

Tuan Pengerusi: Wajib. Okey, *next* Datuk.

Seorang Ahli: *Next, next*.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Okey, pindaan ini — okey, 712 dah habis, YB Pengerusi. Jadi kita masuk Akta 713.

Kebanyakan pindaan terhadap Akta 713 ini adalah *consequential effect* kepada pindaan Akta 712. Akta 713 ini adalah berkaitan dengan penubuhan Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan fungsi serta kuasanya. Okey, *next*.

Ada 10 seksyen yang terlibat. *[Merujuk kepada pembentangan slaid]* Next, satu, perkataan “Malaysia”, dalam seksyen 1, 2, 3, 4, ada perkataan Malaysia, ya. *[Merujuk kepada pembentangan slaid]*. Next.

So, jadi peruntukan semasa ini editorial ini, kami nak memasukkan — nak memperjelaskan lagi perluasan skop nasihat. Kepada kerajaan, kami tidak boleh ambil tindakan penguatkuasaan. Apa yang kami boleh buat adalah kami menasihati kerajaan. Dan *alhamdulillah*, setakat ini kebanyakan kalinya kerajaan mendengar nasihat kami. So, jadi...

Tuan Pengerusi: Kenyataan yang “menasihati Menteri ataupun mana-mana pihak berkuasa awam” itu ayat baharu?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak, maksudnya di sini dia diluaskan kepada berkaitan dengan isu-isu polisi kerajaan, tatacara kerajaan, dan program kerajaan. Contohnya, Jualan Rahmah.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Next. So, jadi pindaan yang lain adalah berkaitan dengan fungsi kuasa suruhanjaya, kumpulan wang, pelantikan dan kuasa pegawai suruhanjaya dan obligasi kerahsiaan. Ini *consequential to the* Akta 712. Next.

Ah, ini yang saya cakap tadi panel itu YB. *[Merujuk kepada pembentangan slaid]* Yang berkenaan dengan panel-panel yang mempunyai kuasa ini yang fasal berkenaan...

Tuan Pengerusi: Ini fasal baharu kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ini peruntukan baharu. Maksudnya, Suruhanjaya diberi satu kuasa untuk delegasikan pelaksanaan kuasa dan fungsi MyCC.

Satu, pihak yang boleh diwakilkan kuasa dan fungsi adalah Pengerusi MyCC. Kedua, mana-mana jawatankuasa di bawah MyCC. Ketiga, pegawai Suruhanjaya. Dan keempat, pekerja Suruhanjaya.

Perwakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang suruhanjaya daripada melaksanakan, menjalankan sendiri mana-mana fungsi dan kuasa. Ini juga telah dijalankan kuasa yang sebegini ada pada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Sekuriti, SPAN, SKMM dan sebagainya. Mereka ada juga kuasa. MyCC tak ada.

Tuan Pengerusi: Tak, maksudnya di sini — okey, pada ketika ini sebelum kita memperkenalkan seksyen 17A, ia tak ada perwakilan kuasa?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ia tak ada. So, maksudnya Suruhanjaya ini adalah terdiri daripada pengerusi, empat wakil kerajaan, tiga hingga lima wakil daripada swasta.

Tuan Pengerusi: Itu sahaja?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Itu sahaja. Jadi mereka ini kena hadir setiap masa mesyuarat dan sebagainya. So, jadi itu yang menjadi — dari segi logistik dan sebagainya memang sukar kita nak dapat semua pada masa yang sama.

So, jadi kita ikut agensi-agensi lain di Malaysia juga yang mempunyai kuasa perwakilan, fungsi dan kuasa— sama.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Datuk.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Nak tanya Suruhanjaya MyCC ini dia boleh menyaman dan juga boleh disaman, betul? Okey, kalau itu kedudukannya dengan ada perwakilan itu boleh kuasa itu diwakilkan kepada pengerusi, mana-mana jawatankuasa, pegawai suruhanjaya, pekerja suruhanjaya. Dan ini bermakna pihak lain syarikat kah apa, dia boleh saman — bolehkah mereka akan saman pekerja suruhanjaya atau bila nak disaman siapa yang ada *locus standi*?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dia — okey...

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Maknanya kepada orang awam atau syarikat kalau dia nak saman balik kepada suruhanjaya, ini tuju kepada suruhanjaya atau kepada pengerusi? Yang buat kesalahan mungkin...

Tuan Pengerusi: Pekerja.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: ...mana-mana jawatankuasa.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Dia — okey, seksyen 17A ini adalah satu di mana suruhanjaya ini dibenarkan mewakilkan mana-mana pihak yang disenaraikan untuk menjalankan fungsi dan kuasa suruhanjaya.

Jadi, liabilitinya masih terhadap suruhanjaya itu sendiri kerana mereka menjalankan kuasa dan fungsi suruhanjaya itu, tetapi *of course* dalam isu kata kes-kes yang saman-menyaman terhadap polis dan sebagainya, isu *vicarious liability* timbul di situ.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: *Vicarious liability*.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, *vicarious liability*. So, jadi di sini kalau Pengerusi MyCC bertindak di luar kuasa yang telah diwakilkan oleh suruhanjaya dan sudah semestinya beliau boleh disaman. Sebab kita tidak boleh menghalang siapa-siapa nak menyaman kita YB. Cuma kita boleh buktikan bila masa perbicaraan itu,

kita boleh minta untuk dikeluarkan kerana dia tidak melakukan apa-apa yang di luar kuasa yang diwakilkan kepadanya.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sekarang ini tiga wakil kerajaan dan berapa wakil...?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Empat wakil kerajaan.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tiga hingga lima wakil swasta, satu pengerusi.

Tuan Pengerusi: Lantikan oleh Agong kan?

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak. Atas syor Menteri dan persetujuan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Oh.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Tak sampai tahap lagi.

Tuan Pengerusi: Belum sampai Agong.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Mungkin pindaan...

Tuan Pengerusi: Tapi nama suruhanjaya? Okey.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya. Okey, *next*. Jadi, YB Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa yang saya hormati. So, jadi ini adalah jadual. So, jadi pada hari indah ini 25 Jun 2026, kita hampir selesai mesyuarat JKP...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya keluar sekejap, nanti saya masuk balik.

Datuk Haji Iskandar Ismail: ...Dan kami berbesar hati jika ia mendapat sokongan daripada jawatankuasa ini dan selepas ini kami ada taklimat untuk *backbenchers* yang dijadualkan pada 30 Jun dan kami akan buat — kami telah jadualkan bacaan kedua pada 2 Julai. Ia bergantung kepada situasi pada masa itu dan juga keputusan bacaan kedua dan kalau keputusannya — apa orang kata — menyenangkan, mempermudah jalan MyCC. Jadi kita akan terus pergi kepada bacaan ketiga. Dan kami menyasarkan ia diluluskan dalam sesi mesyuarat ini. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih kepada Datuk CEO kita yang telah memberikan pembentangan untuk dua RUU pindaan Akta 712 dan Akta 713. 713 itu ia tak banyak isulah. Okey. Yang *substantial* banyak dekat 712 terutamanya lima fasal – lima seksyen baharu yang diwujudkan dan juga ada pindaan-pindaan yang *substantial*.

Satu, saya ucapkan terima kasih kepada pihak Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang diketuai — tak silap saya hari ini kali ketiga ya? Okey, kali pertama secara dasar pada tahun...

Datuk Haji Iskandar Ismail: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* 2024.

Tuan Pengerusi: 2024 lagi.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya.

Tuan Pengerusi: Waktu itu memang lagi apa kata orang skop pindaan itu lagi luas.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Ya, lagi besar.

Tuan Pengerusi: Okey, lepas itu, dalam perjumpaan kedua pada 9 Jun dalam mesyuarat bilangan 14, okey. Skop dia sudah dikurangkan dan secara dasar, dan hari ini mesyuarat ketiga dan mesyuarat hari ini juga merekodkan kehadiran penuh, kali pertama 12 anggota Jawatankuasa Pilihan hadir bersama dan ramai telah memberikan pandangan terhadap fasal-fasal yang telah dibentangkan, dibangkitkan oleh Yang Berbahagia Datuk CEO.

Saya difahamkan ada satu lagi untuk kita muktamadkan, *finalize* semua termasuk rumusan dan syor daripada jawatankuasa, pada hari Isnin 29 Jun di Bilik Mesyuarat 2, jam 2.45 petang.

Datuk Haji Iskandar Ismail: Bilik mesyuarat sana ya.

Tuan Pengerusi: Ha, sana ya. *[Ketawa]*

Datuk Haji Iskandar Ismail: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Okey, saya rasa macam ini. Secara umumnya, tak ada masalah dari segi dasar sehingga ke peringkat fasal ke fasal. Cuma tadi adalah beberapa perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang kami akan masukkan dalam cadangan itu.

Masukkan cadangan atau pun pandangan kami itu bukannya maksudnya kami tolak. Termasuk yang tadi YB Pasir Gudang ada sebutkan, ada perkara tertentu yang beliau akan bangkitkan.

■1250

Saya rasa itu patut — wajar dilakukan. Kita pun akan masukkan dalam jawatankuasa sebagai antara syor daripada ini. Sebab saya pun tak mahu keadaan di mana jawatankuasa ini dia dengar saja pandangan, taklimat, semuanya okey. Macam tak ada pandangan lain. Tak boleh macam itu. dia kena ada *pro and cons*. Mana yang kita setuju, kita mengaku setuju. Kita berikan sokongan penuh. Mana yang kami rasa mungkin ada pandangan yang berbeza, mungkin nanti ada isu yang *ultra vires* yang ditimbulkan oleh mana-mana pihak. Kita saja nak lulus, tapi besok nak dikuatkuasakan, senang saja pihak yang tak puas hati, oh dia kata ini ultravirus dan sebagainya. Kami tak mahu keadaan macam ini. Okey.

Jadi, kami akan masukkan rumusan itu dan kita akan muktamadkannya bersama pada hari Isnin sebelah petang, sebelum ini taklimat pada 30, kan? Tengah hari. Okey, itu bagus untuk yang lain dan saya rasa tak ada masalahlah. Saya pun sokong jugalah. Rakan-rakan semua boleh sokong. 2 Julai untuk bacaan kedua oleh YB Menteri, diikuti dengan perbahasan. Saya tak pasti dia satu hari ke macam mana? Sekejap saja. Yang ini tak *complicated* dan tak ada isu yang kata orang kontroversi, yang saya rasa boleh diluluskan pada hari yang sama.

Jadi, saya sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada satunya rakan-rakan Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dari aspek yang berbeza dan telah dijawab dengan baik oleh terutamanya Datuk CEO kita, Datuk Haji Iskandar yang telah memberikan satu keyakinan untuk kami sama-sama menyokong...

Datuk Haji Iskandar Ismail: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: .RUU terhadap Akta 712, Akta 713 ini pada minggu depan. Jadi dengan kata-kata tersebut, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan sehingga kita berjumpa lagi pada hari Isnin. Sekian, saya menangguhkan mesyuarat. Salam Malaysia Madani.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.52 tengah hari]